



*Mendorak Dunia*  
**Demi Masyarakat Maju**





## MENCORAK DUNIA DEMI MASYARAKAT MAJU

Di KWAP, kami memberi tumpuan untuk membina masa depan kewangan yang terjamin bagi pesara perkhidmatan awam demi kesejahteraan mereka dan keluarga mereka. Seperti tahun-tahun sebelum ini, kami kekal komited, demi iltizam kami untuk menambah nilai kepada pihak berkepentingan, dengan penumpuan terhadap pelaburan bertanggungjawab yang memberi pulangan mampan. Ini membolehkan kami membawa penambahbaikan kepada kehidupan para pesara kerajaan di Malaysia, untuk hari ini dan hari-hari mendatang.

## VISI

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang mampan secara inovatif.

## MISI

Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama.

# DALAM LAPORAN INI

## 01 PERUTUSAN PEMIMPIN KAMI

Perutusan Pengerusi	03
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	06

## 02 MENGENAI KWAP

Mengenai KWAP	13
• Peranan dan Objektif	
• KWAP Dalam Sistem Pencen Malaysia	
• Carta Organisasi	
• Struktur Korporat	
• Pendedahan Pelaburan Secara Geografi	
• Penglibatan Bersama Pihak Berkepentingan	
Sorotan Prestasi	21
Program 2021 Sepintas Lalu	22

## 03 PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan	25
• Perkhidmatan Persaraan	
• Pengurusan Caruman	
Menambah Baik Proses KWAP	32
• Sokongan dan Perkhidmatan Pelaburan	
• Teknologi Maklumat	
Memupuk Bakat Kakitangan KWAP	33
Memberi Impak Positif kepada Masyarakat	37

## 04 TADBIR URUS KORPORAT

Ahli Lembaga	40
Ahli Panel Pelaburan	46
Pengurusan Kanan	49
Penyata Tadbir Urus Korporat	52
Meningkatkan Tadbir Urus, Etika dan Integriti	62
Menggalakkan Budaya Pengurusan Risiko dan Pematuhan	63
Penyata Audit Dalaman	73
Integriti Dan Tadbir Urus Yang Baik	74
Mewujudkan Nilai Mampan Jangka Panjang	75

**05 ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI**

Ulasan Ekonomi, Pasaran dan Kelas Aset	84
Strategi Pelaburan Kami	96
Prestasi Kami	97
Kelas Aset	98
• Ekuiti Tersenarai	
• Pendapatan Tetap	
• Ekuiti Persendirian	
• Pelaburan Hartanah	
Subsidiari	115
• KWEST Sdn Bhd	
• Prima Ekuiti (UK) Limited	

**06 PENYATA KEWANGAN**

Pensijilan Ketua Audit Negara	119
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	123
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2021 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	124
Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif	125
Penyata-penyata Kedudukan Kewangan	127
Penyata Perubahan dalam Ekuiti	129
Penyata-penyata Aliran Tunai	131
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	133

**07 MAKLUMAT LAIN**

Istilah Glosari	252
Maklumat untuk Dihubungi	

**NILAI-NILAI KORPORAT**

- **Kepimpinan:**  
Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan orang lain untuk penambahbaikan berterusan
- **Akauntabiliti:**  
Bertanggungjawab atas segala tindakan kami
- **Kerja Berpasukan:**  
Bekerjasama untuk memberikan hasil yang cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan
- **Integriti:**  
Ciri dalaman moral dan prinsip yang kukuh
- **Kecemerlangan dan Pencapaian:**  
Pencapaian yang diperoleh melalui kecemerlangan
- **Pembelajaran dan Inovasi Berterusan:**  
Sentiasa inovatif dan belajar dengan konsisten daripada cabaran dan pencapaian dengan konsisten
- **Orientasi Pihak Berkepentingan:**  
Memberi fokus kepada semua pihak berkepentingan seperti Kerajaan dan pesara-pesara

# 01

## KOMITED MEMBERI NILAI JANGKA PANJANG MASA KINI DAN MASA DEPAN

Di KWAP, kesedaran tanggungjawab sosial mendorong kami untuk membuat perubahan bermakna dalam kehidupan pihak berkepentingan kami dalam memastikan masa depan kewangan terbaik untuk anggota perkhidmatan awam semasa persaraan. Kami menyokong pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sebagai pemacu tanggungjawab utama strategi pertumbuhan kami, yang mencerminkan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi terhadap masa depan yang mampan.

### PERUTUSAN PEMIMPIN KAMI

- 03 Perutusan Pengerusi
- 06 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

## PERUTUSAN PENGERUSI



Pihak berkepentingan yang dihormati,

Dua tahun telah berlalu sejak pandemik melanda dunia, yang menyebabkan satu tempoh yang amat sukar, keadaan ekonomi terkesan dan memaksa individu dan perniagaan untuk segera menyesuaikan diri dengan cabaran yang tercetus akibat pandemik tersebut. Mengimbas kembali, saya yakin akan dua perkara: pertama, COVID-19 dan pelbagai rintangan berkaitan akan terus membentuk kehidupan kita pada masa akan datang; dan kedua, kemampuan adalah satu aspek pembeza yang penting untuk membina daya tahan jangka panjang.

Saya bangga untuk melaporkan bahawa Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] telah mencatatkan prestasi yang amat baik walaupun terpaksa menempuh masa yang sukar. Ini juga disokong oleh pendekatan pengurusan risiko dan Alokasi Aset Strategik (SAA). Kami berpegang teguh pada komitmen untuk menghasilkan prestasi jangka panjang yang digariskan oleh tujuan utama kami iaitu membantu para pesara kami mencapai kedudukan kewangan terbaik apabila sudah bersara kelak. ”

**DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON**  
@ HAMIDIN  
*Pengerusi*



### SOROTAN TAHUN YANG MENCABAR

Tahun ini merupakan satu tahun yang penuh dengan debaran dan ketidakpastian, tatkala ekonomi global mencatatkan kemajuan besar dalam menghadapi dunia pasca pandemik. Apabila banyak sektor ekonomi dibuka semula, ekonomi global melonjak dengan pertumbuhan 6.0% pada 2021 berbanding penguncupan sebanyak 3.1% pada 2020. Pada masa yang sama, ketegangan geopolitik antara China dan Amerika Syarikat (AS) serta konflik Russia-Ukraine yang bertambah buruk, ianya menyumbang kepada ketidakpastian ekonomi dan pasaran.

Di Malaysia, tahun dalam tinjauan masih dibelenggu dengan sekatan pergerakan yang berpanjangan dan gangguan kemunculan varian virus yang baharu, ditambah pula dengan bencana banjir pada hujung tahun. Namun begitu, ekonomi Malaysia berjaya mengharunginya dengan baik terutamanya apabila negara beralih ke fasa pemulihan dan disokong oleh sistem kewangan yang berdaya tahan berikutan daripada hasil penampunan dan kekuatan struktur yang dibina selama ini. Dasar fiskal terus menyokong ekonomi dengan langkah rangsangan berjumlah RM530 bilion yang digerakkan sejak kemunculan pandemik.

## PERUTUSAN PENGERUSI

### UKURAN PRESTASI UTAMA 2021

**Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia meningkat**

# 3.1%

tahun ke tahun

### SAIZ DANA MENINGKAT KEPADA

**RM159.04** bilion

pada 31 Disember 2021

**Peningkatan sebanyak**

# 3.4%

dari

**RM153.82** bilion

yang dicatatkan pada akhir 2020

Kami mengambil pendekatan dinamik dalam menyemak SAA dengan kerap untuk memastikan ia mencerminkan perubahan dalam persekitaran pelaburan dan membolehkan kami menentu ukur semula selera risiko. Berlatarbelakangkan suasana tidak menentu pada tahun 2020 ketika pandemik bermula, kami menyemak kembali SAA untuk meningkatkan strategi pelaburan dan menyesuaikan semula risiko dan perspektif pelaburan jangka panjang kami.

**Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia kembali meningkat sebanyak 3.1%, selepas penurunan -5.6% pada 2020, dengan mendapat manfaat daripada pemulihan dagangan global dan langkah-langkah pembendungan semasa peningkatan kadar vaksinasi.**

### PULANGAN PELABURAN YANG BAIK

Tumpuan kepada penghasilan kewangan terbaik bagi pesara penjawat awam pada masa hadapan adalah mandat dan tujuan utama KWAP. Ini telah meletakkan kami pada landasan yang benar-benar di tengah pergolakan sepanjang dua tahun yang lalu. Seperti tahun-tahun sebelumnya, kadar perubahan dan gangguan di seluruh dunia telah meningkat dengan ketara yang menjadikan persekitaran pelaburan semakin kompleks. Strategi jangka panjang KWAP terbukti berkesan dalam keadaan yang rumit ini.

Saya ingin menegaskan bahawa prestasi Dana mesti diteliti dari masa ke semasa. Sepanjang 10 tahun yang lalu, KWAP secara konsisten telah melebihi sasaran pulangan jangka panjang dengan pulangan portfolio yang stabil pada kira-kira 6% setahun. Rangka kerja SAA kami, yang mengamalkan strategi pelaburan jangka panjang telah membolehkan kami mengekalkan portfolio pelaburan yang pelbagai dan seimbang antara pertumbuhan dan pendapatan, yang cukup berdaya tahan untuk menghadapi kegawatan pasaran dan kejutan kewangan global.

Oleh yang demikian, saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa walaupun keadaan pasaran tidak menentu dan sukar diramal sepanjang tahun, saiz Dana telah meningkat kepada RM159.04 bilion pada akhir 31 Disember 2021. Ini merupakan peningkatan sebanyak 3.4% daripada RM153.82 bilion yang direkodkan pada akhir 2020, setelah mengambil kira pengeluaran sebanyak RM 5.0 bilion oleh kerajaan.

SAA yang disemak membolehkan Dana menambah sasaran peruntukan antarabangsanya daripada 19% kepada 30% daripada jumlah aset. Pada akhir tahun 2021, peruntukan aset kepada pelaburan antarabangsa KWAP adalah sebanyak 20.0% daripada jumlah aset, iaitu sebanyak RM31.81 bilion. Ini adalah lebih tinggi daripada pendedahan kepada pelaburan antarabangsa sebanyak 16.6% pada tahun 2020. KWAP telah mengimbangi semula peruntukan aset luar negara pada awal tahun dan kini berada pada kedudukan yang baik untuk mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran, yang merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan Dana. Dengan peruntukan aset yang disemak di bawah SAA, kami akan memanfaatkan peluang selanjutnya dalam landskap pelaburan global untuk memaksimumkan pulangan terlaras risiko dalam jangka panjang.

### PELABURAN MAMPAN - PILIHAN MASA HADAPAN

Cabaran yang dihadapi beberapa tahun yang lalu pastinya telah mendorong lebih banyak fokus kepada kemampunan. Ia telah menjadi agenda utama bagi kebanyakan pengurus dana pada masa kini. Malah, banyak dana pelaburan besar dengan kriteria Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) telah terbukti mengatasi prestasi pasaran secara lebih meluas semasa pandemik.

## PERUTUSAN PENGERUSI

Di KWAP, kemampanan sentiasa menjadi teras fungsi kami yang telah dinyatakan dengan jelas dalam Visi kami. Kami membudayakan prinsip kemampanan ketika KWAP ditubuhkan pada tahun 2007 dengan memasukkan saringan negatif ESG ke dalam Dasar Pelaburan kami. Dalam beberapa tahun yang lalu, kami telah mengukuhkan pendekatan kemampanan dalam amalan pelaburan kami kerana ia memainkan peranan penting dalam menjaga pulangan terlaras risiko yang mampan dan meningkatkan nilai pemegang saham dalam jangka panjang.

Kedudukan kewangan KWAP yang kukuh berkait rapat dengan kemampanan syarikat pelaburan kami. Sebagai salah satu pemilik aset yang terbesar dengan lingkungan pelaburan jangka panjang dalam pelbagai industri, saya yakin bahawa pendirian kami dapat mendorong syarikat penerima pelaburan kami untuk melakukan perubahan yang relevan dalam aspek kemampanan. Kami terus mengamalkan aktivisme pemegang saham proaktif dengan memantau amalan ESG syarikat penerima pelaburan kami dan menjalankan libat urus bersama mereka untuk berkongsi jangkaan kami terhadap amalan dan prestasi ESG yang lebih baik.

Sebagai penandatanganan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kami telah menyepadukan ESG ke dalam analisis pelaburan dan proses dalam membuat keputusan. Pada tahun 2021, kami melakar kemajuan dengan meningkatkan pertimbangan perubahan iklim di bawah teras alam sekitar, isu hak asasi manusia dan buruh paksa di bawah teras sosial, yang merupakan sebahagian daripada usaha pengukuhan proses dalam membuat keputusan pelaburan kami.

### PENGUKUHAN TADBIR URUS

Tadbir urus yang kukuh dan penerapan budaya pengurusan risiko di dalam seluruh operasi dan urusan organisasi adalah keutamaan Lembaga KWAP. Kami komited untuk menegakkan piawaian tadbir urus korporat, etika dan integriti yang tertinggi.

Inisiatif utama pada tahun 2021 adalah pentauliahan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Sogokan (ABMS) lanjutan daripada pelaksanaan berkesan ABMS yang dimulakan pada tahun 2019. Kami juga melancarkan Pelan Anti Rasuah Organisasi KWAP 2021–2025, dengan sasaran untuk menangani risiko rasuah dalam organisasi.

Lembaga meluluskan Dasar Anti Sogokan dan Rasuah pada November 2021 yang menggambarkan pendirian toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah. Dasar tersebut turut menetapkan kedudukan

**“Kami berbangga kerana diberi penarafan sebagai pengagih aset terbaik di Malaysia dan 100 terbaik di dunia bagi pelaburan bertanggungjawab di bawah Indeks Inisiatif Pengagih Aset Bertanggungjawab (RAAI) 2021.”**

KWAP dalam perkara-perkara seperti penajaan dan derma, sumbangan politik, bayaran pemudah cara dan urusan dengan pihak ketiga untuk memastikan organisasi kami mengamalkan piawaian tertinggi bagi tadbir urus, integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam aktiviti operasi dan perniagaan.

PERUTUSAN ASET KEPADA  
PELABURAN ANTARABANGSA  
KWAP IALAH

**20.0%**

daripada jumlah aset, iaitu  
sebenyak

**RM 31.81** bilion

### PENUTUP KATA

Sepanjang tahun lalu, kita menyaksikan ramai penyertaan dalam perkhidmatan awam Malaysia dan seterusnya mereka akan bergantung kepada KWAP untuk memelihara dan membayar pencen apabila tiba masanya. Sebagai penjaga dana pencen perkhidmatan awam terbesar di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membantu pihak berkepentingan kami iaitu golongan pesara dalam mencapai kesejahteraan kewangan jangka panjang sewaktu dalam persaraan.

Keutamaan kami kekal untuk mencapai pulangan optimum Dana dan memberikan perkhidmatan cemerlang kepada pesara perkhidmatan awam yang kami hargai. Untuk itu, kami terus komited untuk melaksanakan keutamaan strategik kami iaitu menjana pertumbuhan jangka panjang, stabil dan mampan bagi Dana, dengan penekanan usaha untuk membina keupayaan dan ketangkasan yang lebih cemerlang dalam organisasi.

Kami berupaya mengorak langkah yang lebih besar pada tahun ini dengan sokongan padu dan mantap daripada pelbagai pihak. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga KWAP atas pandangan dan sokongan mereka. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada kakitangan KWAP atas dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Saya optimistik dengan hari-hari yang mendatang dan kekal komited untuk melaksanakan mandat kami demi kemakmuran masa hadapan pihak berkepentingan serta pemegang taruh.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“

Pihak berkepentingan yang dihormati,

Kesan pandemik serta pergolakan geopolitik terus menjejaskan kestabilan dunia. Walaupun kita mula menyesuaikan diri dengan cara hidup dan bekerja baharu sepanjang tempoh yang tidak menentu ini, satu perkara yang pasti adalah komitmen teguh KWAP untuk memberikan prestasi jangka panjang dan stabil untuk Dana.

Sejajar dengan mandat dan tujuan kami yang jelas untuk mencapai manfaat yang mampan dan mengoptimalkan pulangan baik ke atas Dana persaraan, kami terus mengambil perspektif jangka panjang terhadap pasaran dalam portfolio kami yang dipelbagai. Saya berbangga untuk melaporkan bahawa Dana dan organisasi kami kekal berdaya tahan dalam persekitaran 2021 yang mencabar, melebihi sasaran untuk memberikan pulangan yang optimum. ”

**NIK AMLIZAN MOHAMED**  
Ketua Pegawai Eksekutif

PENDAPATAN PELABURAN  
KASAR SEBANYAK

RM  
**6.33** bilion  
pada 2021

KADAR PULANGAN  
BERWAJARAN MASA (TWRR)

kira-kira

**4.22%**  
bagi Kelas Aset Awam dan

**5.99%**  
bagi keseluruhan Dana

### STRATEGI PELABURAN JANGKA PANJANG

Persekitaran kewangan dan pelaburan secara semula jadi adalah tidak menentu untuk jangka pendek. KWAP mengambil pendekatan jangka panjang terhadap pengurusan pelaburan Dana. Oleh kerana itu, turun naik seperti yang dialami sepanjang beberapa tahun lalu tidak memberikan risiko besar kepada Dana. Strategi pelaburan dan pilihan portfolio kami dirangka dengan mengambil kira perspektif jangka panjang. Dana berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kesukaran dan juga meraih manfaat daripada turun naik yang dialami.



## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penilaian terperinci terhadap Alokasi Aset Strategik (SAA) dijalankan setiap tiga tahun sekali atau mengikut keperluan bagi memastikan strategi pelaburan yang berwawasan dan dinamik yang memenuhi aspirasi jangka panjang mandat KWAP dalam konteks dunia yang sentiasa berubah. Ciri-ciri strategi pelaburan SAA yang mengambil kira perspektif masa hadapan dan risiko adalah bertujuan untuk memastikan KWAP berada pada kedudukan yang baik pada hari ini untuk mengurus, di samping mengembangkan saiz Dana kepada RM200 bilion menjelang 2025.

Prestasi Dana yang berdaya tahan pada tahun 2021 merupakan hasil daripada pertimbangan dan ukuran turun naik pasaran. Kami terus mempertingkatkan keupayaan kakitangan kami di samping meningkatkan wajaran pelaburan ke dalam portfolio antarabangsa untuk meraih peluang pasaran yang lebih besar.

Pada tahun 2021, InnoLab KWAP telah ditubuhkan dengan fungsi sebagai sebuah platform untuk meneroka, menyelidik dan menyediakan pembiayaan awal untuk strategi pelaburan inovatif baharu dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Ini telah menyaksikan daya tarikan yang baik ke arah matlamat kami untuk meningkatkan jumlah pulangan terlaras risiko KWAP dan menambah baik kepelbagaian pelaburan.

Dengan berkembangnya portfolio pelaburan kami daripada segi saiz dan cabarannya, kami berusaha untuk membangunkan dan meningkatkan sumber, kemahiran

dan keupayaan kami bagi memastikan kami berada pada kedudukan yang baik untuk menjayakan pelaksanaan mandat KWAP. Kami memperkenalkan *Learning, Engagement, and Advisory Programme (LEAP)* KWAP pada tahun 2021 yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kakitangan kami dalam bidang yang berkaitan dengan pengurusan pelaburan. Kami juga mengukuhkan lagi kepintaran penyelidikan kami untuk memastikan pandangan mendalam untuk membuat keputusan pelaburan. Kami menilai keadaan pasaran yang tidak menentu dan mengadakan perbincangan strategik yang optimum.

Pendekatan ini adalah bukti komitmen kami untuk memelihara, melindungi dan mengembangkan Dana secara lestari dan bertanggungjawab.

### PRESTASI CEMERLANG DANA

Mengambil kira persekitaran operasi dan pelaburan yang mencabar pada tahun 2021, saya berbesar hati melaporkan bahawa KWAP telah mengekalkan kemampunan Dana, yang menunjukkan prestasi yang amat baik. Pasukan pelaburan kami melepasi banyak sasaran yang ditetapkan tahun ini. Pada 14 tahun lalu, apabila KWAP mula ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan pada 2007, saiz Dana adalah sebanyak RM41.94 bilion. Kami akhiri tahun 2021 dengan saiz Dana sebanyak RM159.04 bilion, meningkat 9.1% setiap tahun sejak 2007, dan meningkat sebanyak 3.4% berbanding tahun kewangan sebelumnya iaitu RM153.82 bilion pada 2020, yang membuktikan komitmen kami dalam melaksanakan jangka panjang Dana yang mampan. Kami menjana Pendapatan Pelaburan Kasar sebanyak RM6.33 bilion pada 2021, dengan Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) kira-kira 4.22% untuk Kelas Aset Awam dan 5.99% untuk Jumlah Dana.

### Ekuiti

Pelaburan dalam Dana Ekuiti menunjukkan prestasi yang membanggakan dan telah menjana jumlah pendapatan kasar sebanyak RM4.06 bilion pada 2021 serta melepasi sasaran yang ditetapkan sebanyak RM1.57 bilion. Pendedahan KWAP kepada kelas aset ekuiti pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM77.23 bilion, yang menyumbang 48.5% daripada jumlah aset KWAP. Daripada jumlah ini, 74.3% daripada jumlah pendedahan ekuiti kami adalah dalam pasaran domestik, manakala bakinya adalah dalam pasaran ekuiti antarabangsa. Portfolio ekuiti keseluruhan mencatatkan prestasi cemerlang dengan jumlah pulangan sebanyak 7.69% berbanding penanda aras campuran sebanyak 1.27% atau 642 mata asas.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### Pendapatan Tetap

Walaupun menghadapi tekanan pasaran, portfolio Pendapatan Tetap KWAP kekal stabil. Portfolio Pendapatan Tetap mencatatkan pendapatan kasar direalisasikan yang membanggakan sebanyak RM2.53 bilion pada 2021, agak rendah berbanding RM2.87 bilion pada 2020, selepas mengambil kira kerugian direalisasi sebanyak RM1.43 bilion daripada penstrukturan semula salah satu syarikat yang dilaburkan. Ini adalah bersamaan dengan Pulangan Pelaburan (ROI) sebanyak 2.15% pada 2021 berbanding 4.41% pada 2020, dan TWRR sebanyak 0.78%, menurun sebanyak 33 mata asas berbanding penanda aras campuran pada 31 Disember 2021.

### Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur

Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur yang membentuk portfolio Pelaburan Alternatif kami telah memberi prestasi yang cemerlang pada tahun 2021, yang memanfaatkan pemulihan daripada portfolio serantau. Pada tahun ini, Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur telah menjana jumlah pendapatan sebanyak RM637.52 juta, dengan pecahan sebanyak 97.1% daripada pelaburan dana dan 2.9% daripada pelaburan langsung. Portfolio ini juga telah mengatasi penanda aras Kadar Pulangan Dalam Bersih (IRR) 10 tahun Preqin, iaitu 13.9% pada 320 mata asas, dengan IRR bersih akhir tahun sebanyak 16.2%.

Kami telah memohon dan menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MOF) untuk meningkatkan komitmen dana daripada USD50 juta kepada USD100 juta, membina asas bagi penggunaan modal yang lebih cekap untuk pelaburan ekuiti persendirian. Kami juga memulakan strategi Akaun Terurus Berasingan (SMA) pertama kami dengan Partners Group AG (Partners Group) dengan saiz komitmen sebanyak USD100 juta dalam mandat fokus Alpha yang memberikan pendedahan dipelbagai dengan sasaran IRR Bersih minimum sebanyak 16%. Daripada perspektif strategik, mandat itu juga akan menyediakan KWAP saluran kepada pengurus ekuiti persendirian global berkualiti tinggi yang sukar diakses dan program peningkatan kemahiran serta pemindahan pengetahuan yang khusus kepada KWAP.

### Pelaburan Hartanah

KWAP mengakhiri tahun 2021 dengan 23 hartanah dalam portfolionya dan menjana pendapatan bersih sebanyak RM313.3 juta atau 4% hasil pendapatan bersih atas kos pelaburan. Kami terus meningkatkan nilai hartanah dalam portfolio kami dengan mengamalkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)



**Pembaharuan Perjanjian Agensi yang  
berkuat kuasa dari 1 November 2021 hingga  
30 Oktober 2026**

dalam pertimbangan pelaburan hartanah kami. Lapan daripada hartanah dalam portfolio diakreditasi dengan pensijilan kecekapan alam sekitar dan tenaga.

Antara inisiatif utama pada 2021 ialah pemerolehan aset logistik di Amazon Coalville, United Kingdom, dengan harga £158.9 juta; dan pelupusan aset logistik Australia KWAP di 1 Griffin Crescent, Brisbane sebanyak AUD160 juta.

### PERUBAHAN KE ARAH KECEMERLANGAN

Kami terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan ketangkasan organisasi, seiring dengan perjalanan transformasi kami seperti yang termaktub dalam strategi Visi 2025 kami. Visi ini berusaha meningkatkan kedudukan KWAP sebagai pengurus persaraan tunggal bagi sektor awam negara, di samping menambah kemudahan persaraan dan mengembangkan aset kami secara mampan.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami memanfaatkan *Robotic Process Automation (RPA)* untuk menggantikan operasi manual dengan perisian pintar

SKOR SLA BERWAJARAN  
ADALAH ANTARA

94.38%  
hingga 99.81%

dengan purata

98.26%

Kami telah mencatatkan kemajuan yang baik dalam melaksanakan inisiatif yang menyokong lima bidang fokus Visi 2025, iaitu mengukuhkan kerjasama kami dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam hal-hal strategik pencen, meningkatkan libat urus dan komunikasi dengan pesara semasa dan akan datang, memperhalusi strategi pelaburan dan meningkatkan keupayaan, menerapkan kemampanan dan amalan ESG, dan membina pengetahuan untuk pembangunan dalaman dan kerjasama luaran.

### Pengurusan Perkhidmatan Persaraan

Kami telah mencapai kemajuan yang amat baik dalam penyampaian perkhidmatan kami dan mencapai sasaran dan objektif Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA). Kami telah memulakan beberapa penambahbaikan proses perniagaan, termasuk rasionalisasi proses melalui penjajaran semula fungsi berasaskan SLA dengan fungsi bukan berasaskan SLA. Ini telah meningkatkan produktiviti kerja dan kecekapan operasi secara berkesan, meningkatkan bilangan permohonan yang diproses sebanyak 67% dan produktiviti unit sebanyak 122%.

Kami telah secara konsisten melepasi prestasi skor SLA wajar dalam menyampaikan perkhidmatan yang tepat pada masanya dan berkualiti kepada pihak berkepentingan kami sepanjang tahun yang penuh dengan cabaran pandemik dan bencana banjir. Skor SLA berujaran adalah antara 94.38% hingga 99.81%, dengan purata 98.26%. Memandangkan kami seringkali melepasi had minimum SLA 90% yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, sasaran SLA kini telah disemak semula kepada 95%, dengan lebih tumpuan diberikan kepada pengalaman pelanggan. Sasaran dan jangkaan baharu ini telah dimeterai di bawah pembaharuan Perjanjian Agensi yang berkuat kuasa dari 1 November 2021 hingga 30 Oktober 2026.

### Perjalanan Pendigitalan

Pendigitalan telah banyak dimanfaatkan untuk menerapkan kecekapan operasi di seluruh rantaian nilai penglibatan pengguna, dan kami melaksanakan beberapa inisiatif digital sepanjang tahun. Kami komited untuk menjadikannya lebih mudah dan cekap bagi pengguna aplikasi MyPesara yang berhasrat untuk melibatkan diri dengan KWAP secara fizikal dalam menggunakan fungsi baharu pada ciri perkhidmatan temu janji. Kami juga melancarkan inisiatif pengurusan dokumen digital untuk memudahkan pengguna menyediakan dokumen yang berkaitan dengan memanfaatkan sistem pengurusan perhubungan pelanggan (CRM) sedia ada untuk memenuhi permohonan kemas kini maklumat, pemprosesan selepas persaraan dan pemprosesan pra persaraan. Kami memanfaatkan *Robotic Process Automation (RPA)* untuk menggantikan operasi manual dengan perisian pintar, yang juga merupakan sebahagian daripada inisiatif transformasi digital kami.

Walaupun berlakunya pandemik, KWAP telah pun memulakan strategi transformasi IT dalam memastikan infrastruktur IT kami kekal relevan, stabil, selamat dan berskala. Kami telah memulakan pelan hala tuju tiga tahun untuk meningkatkan infrastruktur IT melalui penggunaan infrastruktur awan dan awan hibrid, membolehkan KWAP mencipta gabungan teknologi awan dan tradisional yang sesuai untuk memenuhi keperluan perniagaan. Inisiatif ini akan menggalakkan kecekapan, kebolehpercayaan dan ketangkasan yang lebih tinggi.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### WARGA KWAP DAN PRESTASI

Kekuatan KWAP kekal berada dalam diri setiap warga kami. Peristiwa yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah memberi kesan kepada ramai pihak dan menyebabkan gangguan yang ketara. Dalam menghadapi perubahan pesat persekitaran kerja, kami terus menyokong dan membuat pelaburan dalam kakitangan kami bagi melindungi budaya kerja dan mengukuhkan lagi prestasi perniagaan kami.


Pandemik mengubah cara kami bekerja dan melibatkan diri dengan orang ramai. Kami memanfaatkan keupayaan digital untuk memastikan kakitangan kami terus mendapat akses dan peluang untuk belajar serta meningkatkan kemahiran mereka. Kami telah memperkenalkan Zon Pembelajaran pada April 2021 yang merupakan platform pembelajaran berasaskan digital di bawah Sistem Pengurusan Pembelajaran KWAP. Melalui Zon Pembelajaran, kakitangan akan dapat mengakses, mempelajari dan melengkapkan kursus mereka mengikut keselesaan tanpa kekangan tempat dan masa. Pada masa ini, terdapat 40,000 kursus latihan di platform Zon Pembelajaran. Sejak pelancarannya, lebih 4,060 modul telah diselesaikan dengan kadar penyiapan sebanyak 96%.

Kami juga yakin dengan pelaburan dalam bakat muda yang cemerlang dan mempunyai potensi, dan membimbing mereka dalam dunia pengurusan dan pelaburan, serta membina bakat-bakat yang mantap sebagai pemimpin pada masa hadapan. Program KWAP *Young Talent* (KYT) merupakan program pengurusan pelatih yang menyediakan peningkatan kerjaya dan peluang pembelajaran melalui pelbagai intervensi bagi meningkatkan kecekapan bakat muda serta membina perniagaan dan kepimpinan yang bijak. Program ini telah disemak semula pada

tahun 2021 untuk meningkatkan program pembangunan bakat semasa, menangani isu pengangguran siswazah di Malaysia dan membantu kerajaan dalam mencari pekerjaan untuk siswazah baharu ini, serta mewujudkan bekalan bakat-bakat untuk KWAP dan untuk Malaysia secara menyeluruh. Kami amat mengalu-alukan 29 bakat di bawah program KYT yang menyertai kami dan seterusnya mengharap sumbangan mereka kepada organisasi ini nanti.

Keutamaan kami yang tidak berbelah bahagi adalah untuk memastikan kesejahteraan warga KWAP. Komunikasi yang kerap dan sesi taklimat merupakan kunci untuk memupuk budaya memberi sokongan dan memastikan semua warga kami sejajar dengan aspirasi organisasi. Kami memanfaatkan penglibatan maya untuk menjalankan program pembinaan pasukan, beramah mesra dengan pasukan atau rangkaian kerja, serta program kesejahteraan. Peningkatan libat urus dengan kepimpinan kanan telah menarik maklum balas yang membina, yang kemudiannya diambil tindakan selanjutnya oleh kami bila perlu. Kami menjalankan program penilaian 360 darjah KWAP, yang bertujuan untuk menilai dan memberikan pemahaman tentang kecekapan kritikal dalam kepimpinan KWAP. Tiga kecekapan teratas yang ditunjukkan oleh barisan kepimpinan KWAP adalah Integriti, Profesionalisme dan Kepimpinan Sinergistik.

Antara satu lagi keutamaan kami adalah memastikan kesihatan dan kesejahteraan warga kami terjaga semasa krisis kesihatan global. Kami melancarkan aplikasi libat urus mudah alih warga kami pada September 2021 di bawah program Dana Yang Berkat, yang merupakan sebahagian daripada matlamat kami untuk menerapkan budaya kesihatan dan kesejahteraan secara menyeluruh. Sejak pelancarannya, kami telah menyaksikan 72% penggunaan aktif bagi mengakses program-program yang disediakan.



## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### MAJU KE HADAPAN

Tumpuan kami bagi tahun 2022 kekal teguh dalam melaksanakan strategi yang digariskan dalam Visi 2025 untuk memperluaskan pengalaman persaraan dan mengembangkan aset kami secara mampan serta memainkan peranan kami dengan lebih bermakna sebagai pengurus dana pencen sektor awam negara.

Dalam mengukuhkan pendekatan pelaburan kami, kami akan melihat penambahbaikan pada kitaran semakan SAA akan datang yang melibatkan pengurangan peruntukan ekuiti daripada 48.5% kepada 45%, meningkatkan peruntukan pendapatan tetap daripada 35.3% kepada 38% dan mencadangkan untuk mengekalkan sasaran jumlah peruntukan antarabangsa pada 23% bagi tahun 2022.

Kami kekal komited untuk melabur dalam ekonomi domestik. Tertakluk kepada ketersediaan peluang pelaburan, kami mempertimbangkan untuk menyokong pembangunan pasaran modal swasta Malaysia dengan menggandakan saiz pelaburan persendirian kami sebanyak tiga kali ganda daripada RM3.5 bilion kepada RM12 bilion menjelang 2025, yang berdasarkan sasaran saiz dana sebanyak RM200 bilion.

ESG dan prinsip-prinsip kemampanan kekal penting dalam menentukan keputusan pelaburan kami bagi memberikan pulangan yang bertanggungjawab dan mampan. Kami menyedari bahawa menguruskan ESG merupakan proses yang progresif, dan kami akan terus meningkatkan pengurusan ESG dalam keputusan pelaburan serta pengurusan organisasi kami. Kami juga menasaskan penggunaan pengaruh besar kami sebagai pemilik aset dan pemegang saham mengundi bagi menyokong syarikat penerima pelaburan untuk mengguna pakai dan menyepadukan strategi kemampanan dalam operasi perniagaan mereka.

### PENGHARGAAN

Sebagai sebuah organisasi, kami terus komited untuk berpegang kepada matlamat KWAP agar pesara mencapai kedudukan kewangan terbaik mereka ketika di alam persaraan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan atas nasihat dan bimbingan mereka. Saya juga menghargai kerja keras dan komitmen kakitangan kami yang terus maju dengan penuh semangat dan berdedikasi. Saya bangga kerana berpeluang untuk memimpin organisasi ini ke fasa evolusi yang seterusnya dan saya berharap agar pencapaian yang lebih bermakna dapat direkodkan dan pertumbuhan yang lebih besar untuk Dana dapat dicapai.



# 02

## MEMBINA **DAYA TAHAN DAN PERTUMBUHAN**

Kami sadar akan tanggungjawab yang dipikul. Namun, kami kekal komited dalam memelihara dan membina reputasi kami sebagai pengurus dana yang berwibawa demi memberikan pertumbuhan mampan melalui strategi pelaburan yang telus dan kukuh, disokong oleh pasukan kami yang berpengalaman dan berpengetahuan.

### **MENGENAI KWAP**

- 13** Mengenai KWAP
- 21** Sorotan Prestasi
- 22** Program 2021 Sepintas Lalu

# PERANAN DAN OBJEKTIF



KWAP adalah sebuah dana persaraan bagi penjawat awam Malaysia. Kami menguruskan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan dan pelbagai agensi berkaitan, serta melabur dana untuk memperoleh pulangan maksimum melalui pelaburan dan pengurusan risiko yang selamat. Pada tahun 2015, KWAP mengambil alih secara rasmi peranan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pembayaran pencen, ganjaran dan manfaat lain.



## DITUBUHKAN PADA 1 MAC 2007

Di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454)



## OBJEKTIF

Untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburan bagi membantu Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam pembiayaan liabiliti pencennya.

## FUNGSI



Pengurusan dan pembayaran pencen



Pengurusan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan, Badan Berkanun dan agensi lain



Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran kewangan dan bentuk pelaburan lain sebagaimana dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662)

# KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA



*Ejen yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan*

**KAKITANGAN AWAM BERPENCEN**

**Perbendaharaan**  
 • Pengiraan impak kewangan  
 • Meluluskan dasar EPU  
 • Membangun dan mengkaji semula dasar

**JPA**  
 Membentuk dan mengkaji semula dasar



**ANGKATAN TENTERA**

**MINDEF**  
 Membentuk dan mengkaji semula dasar



**LTAT**

- Memungut caruman dari anggota tentera dan kakitangan Kerajaan
- Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP
- Berhubung dengan ahli-ahli
- Mentadbir akaun ahli

**Hal Ehwal Veteran (MINDEF)**

- Berhubung dengan pesara
- Mengira faedah
- Mengagihkan pengeluaran
- Memindahkan bayaran balik kepada KWAP

**KAKITANGAN SEKTOR SWASTA DAN AWAM TIDAK BERPENCEN**

**KWSP**  
 Memberi input kepada pembentukan dasar



**Petunjuk:**


**Perbendaharaan:** Perbendaharaan, Kementerian Kewangan  
**JPA:** Jabatan Perkhidmatan Awam

**MINDEF:** Kementerian Pertahanan  
**LTAT:** Lembaga Tabung Angkatan Tentera

**KWSP:** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



# CARTA ORGANISASI



# STRUKTUR KORPORAT

Pelaburan Hartanah

Pembangunan Hartanah

Perdagangan dan Penyelidikan Ekuiti

Pelaburan Ekuiti Persendirian

**100%**  
AKTIF

## MALAYSIA\*

- Harta Integra Berkat Sdn Bhd
- Capsquare Tower Sdn Bhd
- Harta Rini Sdn Bhd

## MALAYSIA\*

- KWEST Sdn Bhd

## UK\*

- Prima Ekuiti (UK) Limited

**45%** AKTIF  
**Luxembourg\***

- Vantage Solar Investment Sarl  
(Operasi Perniagaan di United Kingdom)

## Australia\*

- KWAP MIT 2
- KWAP MIT 3
- KWAP MIT 4

**20%** AKTIF

## Malaysia\*

- Compass IP Sdn Bhd
- Persada Mentari Sdn Bhd

**3.47%** AKTIF  
**Malaysia\***

- Aerodyne Ventures Sdn Bhd

## UK\*

- Prima Harta (Jersey) Unit Trust
- Prima Harta U (Jersey) Limited
- Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust
- Prima Harta 4 (Jersey) Unit Trust
- Prima Harta 4U (Jersey) Limited
- Prima Harta 5 (Jersey) Unit Trust
- Prima Harta 5 (Jersey) Limited
- Prima Harta 6 (Jersey) Unit Trust
- Prima Harta 6 (Jersey) Limited

**5.29%** AKTIF  
**Malaysia\***

- edotco Group Sdn Bhd

## Jerman

- Prima Harta 3 (Lux) Sarl

**50%** AKTIF  
**Malaysia\***

- Tap Crunch Sdn Bhd


**33%** DALAM PEMBUBARAN  
**Malaysia\***

- Value Cap Sdn Bhd

1. \* Lokasi aset pelaburan/operasi perniagaan

2. Rujuk ke Nota 10 hingga 12 dalam Penyata Kewangan KWAP 2021 untuk senarai lengkap anak syarikat, syarikat bersekutu dan usaha sama KWAP

# PENDEDAHAN PELABURAN SECARA GEOGRAFI




# PENGLIBATAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

## Demografi Pencen pada 31 Disember 2021


### Pesara

Penjawat awam di Malaysia yang mencapai umur persaraan dan dilindungi oleh skim pencen Kerajaan


### Pesara mengikut Jantina



### Pecahan Penerima Pencen




### Pesara mengikut Etnik




## Penerima Pencen: Agihan Bayaran Pencen (RM)

### Pesara




## Penerima Pencen: Agihan Umur

### Pesara



### Penerima Derivatif




\*Setengah peratusan tidak menjumlahkan tepat 100% kerana pembundaran perpuluhan


## PENGLIBATAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

### Penerima Pencen: Lokasi & Jantina


#### Pesara




#### Lelaki



#### Penerima Derivatif



#### Lelaki



## PENGLIBATAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

### Aplikasi Mudah Alih MyPesara

#### Fasa Ke-2 Aplikasi Mudah Alih MyPesara

##### MyPesara

Aplikasi pintar untuk memudahkan pesara Kerajaan mengakses maklumat terkini berhubung pembayaran pencen mereka setiap bulan, maklumat mengenai persaraan, dan tip-tip kewangan yang ringkas dan mudah bagi para pesara.



**Akaun dikhususkan untuk kedua-dua pesara dan pengguna awam dengan kemudahan mengemas kini maklumat**

Halaman log masuk berasingan bagi pesara dan bukan pesara



**Ciri-ciri tambahan dinaik taraf dan interaktif**

Memberikan pengalaman penggunaan yang lebih holistik

Peluang-peluang untuk pembelajaran dalam talian tentang perancangan kewangan, kesihatan dan persaraan



**Ciri-ciri S.O.S Baharu**

Pengenalan butang S.O.S tambahan untuk digunakan ketika situasi kecemasan bagi pesara-pesara dan penjaga-penjaga mereka



**Menikmati manfaat program daripada rakan niaga yang istimewa**

Pelbagai butiran eksklusif dan promosi ditawarkan oleh rakan - rakan dagang dan kandungan terpilih

Semua pengguna MyPesara boleh menikmati manfaat yang ditawarkan

Imbas kod QR untuk muat turun



#### Pengguna MyPesara dari tahun 2017 - 31 Disember 2021

**168,486**  
Muat turun



**23%**

Pengguna iOS




**77%**

Pengguna Android



**4.6/5**

Penarafan



#### Pengguna Berdaftar

**86,582**

Pesara

**21,181**

Bukan Pesara

##### Pesara

###### Jantina



Lelaki: 58%



Perempuan: 42%



Kumpulan Umur Pengguna Majoriti

**60 - 70** tahun

##### Bukan Pesara

###### Jantina



Lelaki: 63%



Perempuan: 37%



Kumpulan Umur Pengguna Majoriti

**50 - 60** tahun

# SOROTAN PRESTASI

	2017	2018	2019	2020	2021
<b>SAIZ DANA PADA NILAI KOS (RM BILION)</b>	140.80	136.51	147.48	153.82	<b>159.04</b>
<b>PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (RM)</b>					
Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion)	9.03	7.06	6.07	6.81	<b>6.33</b>
Perbelanjaan Operasi (Juta)	368.82	292.33	302.96	277.13	<b>329.59</b>
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	8.79	1.24	6.67	8.87	<b>9.99</b>
<b>PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (%)</b>					
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI bersih)	8.74	0.80	4.67	6.08	<b>6.42</b>
Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar	4.08	4.14	4.99	4.07	<b>5.21</b>
Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana	0.28	0.21	0.21	0.18	<b>0.21</b>
<b>PULANGAN DAN RISIKO (%)</b>					
Kadar Pulangan Berwajaran Masa	9.10	(1.33)	5.91	6.04	<b>4.22</b>
Volatiliti	2.41	1.40	0.60	2.54	<b>1.13</b>
<b>CARUMAN (RM BILION)</b>					
Caruman Majikan	3.01	2.87	2.63	2.46	<b>2.45</b>
Caruman Persekutuan	0.50	0.50	0.50	0.50	<b>0.50</b>
<b>PENGURUSAN DANA (%)</b>					
Pengurusan Dalaman	87.55	87.00	87.50	88.27	<b>89.39</b>
Pengurusan Luaran	12.45	13.00	12.50	11.73	<b>10.61</b>
Bilangan Majikan Mencarum	502	485	478	486	<b>485</b>
Bilangan Ahli	193,684	200,299	187,684	178,797	<b>178,385</b>
Bilangan Kakitangan KWAP	577	603	610	633	<b>628</b>
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	15.65	11.70	9.95	10.75	<b>10.08</b>

## SOROTAN TAHUN 2021

JUMLAH SAIZ DANA  
RM **159.04**  
bilion


PENDAPATAN  
KASAR  
PELABURAN  
RM **6.33**  
bilion

PENDAPATAN  
BERSIH PELABURAN  
RM **9.99**  
bilion


Nota: Angka adalah berdasarkan prestasi KWAP

## SOROTAN 5 TAHUN


### PENDAPATAN KASAR PELABURAN (RM BILION)




### PENDAPATAN BERSIH PELABURAN (RM BILION)



### KADAR PULANGAN BERWAJARAN MASA (TWRR) SEHINGGA KINI (PERATUS)



### JUMLAH PULANGAN 5 TAHUN (PERATUS)



# PROGRAM 2021 SEPINTAS LALU

## PROGRAM DALAMAN KWAP 2021



JANUARI  
14

Mandat Ketua Pegawai Eksekutif

JANUARI  
8-20

Bengkel Pelaburan

FEBRUARI  
10

Ceramah ISO oleh Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO)

FEBRUARI  
18

Ceramah Motivasi Merealisasikan Impian Meraikan Dugaan oleh Ustaz Kazim Elias

MAC  
6

KWAP Prihatin 2.0 di Program Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai

MAC  
8,9 & 10

Bengkel Persaraan



SEPTEMBER  
27 & 29

Bengkel Strategi Pelaburan

OGOS  
12

Sesi Taklimat Khas – Pengumuman PERKUKUH

JUN  
23

Ceramah Kesedaran Integriti bersama Tuan Farizal Muzaffar Hafiz Abdul Wahab, Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

BULAN  
APRIL

### Kasih KWAP:

- Tazkirah Ramadhan oleh Ustaz Elyas Ismail, Ustaz Dato' Daud Che Ngah, Ustazah Norhafizah Musa
- Agihan Bubur Lambuk
- Ihya Ramadan di Masjid Al Falah Taman Seri Muda, Shah Alam dan Masjid Himmatul Aliyah, Shah Alam
- Sehari Bersama Kanak-Kanak Kurang Bernasib Baik di Rumah Nur Ain, Bangi dan Rumah Bakti Al-Kausar, Bangi
- Lawatan Amal ke Rumah Al-Ikhlas, Puchong dan Rumah Ehsan, Kuala Kubu Bharu





## PROGRAM 2021 SEPINTAS LALU

### PROGRAM DALAMAN KWAP 2021



JUN  
2 & 3

Bengkel Prima Ekuiti (PEUK)



DISEMBER  
25

Webinar bersama ASEAN Social Security Association International

BULAN  
DISEMBER

Yayasan AIDS Malaysia: 100,000 Langkah Melawan AIDS



DISEMBER  
8

Hari Integriti KWAP 2021

DISEMBER  
14

Webinar bersama International Social Security Association (ISSA)

DISEMBER  
23-31

Misi Bantuan Banjir KWAP Prihatin



### LAIN-LAIN PROGRAM DALAMAN KWAP 2021

Program-program Budaya dan Kesejahteraan KWAP

Mandat Ketua Pegawai Eksekutif secara Virtual



Siri Kesedaran Kesihatan Mental

Program-program #KWAPSejiwa

Program-program Kesejahteraan Warga Kerja



# 03

## MEMBINA ORGANISASI BERPACUKAN MATLAMAT

Budaya berasaskan matlamat kami digerakkan oleh dedikasi kakitangan kami yang terus berusaha untuk memberi perkhidmatan cemerlang kepada pihak berkepentingan kami. Warga kerja kami komited dalam menegakkan prinsip dan nilai organisasi untuk memajukan Dana demi mencapai objektif pelaburannya.

### PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- 25 Kesejahteraan Pihak Berkepentingan
- 32 Menambah Baik Proses KWAP
- 33 Memupuk Bakat Kakitangan KWAP
- 37 Memberi Impak Positif Kepada Masyarakat

# KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Cabaran daripada beberapa tahun kebelakangan ini telah membolehkan kami melakukan penilaian semula terhadap perkara yang benar-benar penting iaitu kesejahteraan untuk semua. Pihak berkepentingan kekal menjadi keutamaan kami dan kami juga berusaha untuk memenuhi matlamat KWAP yang lebih besar iaitu untuk membolehkan pesara dan bakal pesara kami mendapat manfaat daripada perkhidmatan pencen yang cekap.

Sehubungan itu, KWAP melaksanakan peranannya sebagai ejen kepada Kerajaan untuk memproses dan membayar manfaat pencen termasuklah ganjaran, pencen, *ex-gratia* dan tuntutan berkaitan dan menyediakan pengurusan perkhidmatan pelanggan. Perkhidmatan ini merupakan mandat di bawah perjanjian agensi yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan KWAP.

Takrif pihak berkepentingan kami ialah Kerajaan, penerima pencen, pencarum dan kakitangan kami yang berpotensi untuk mempengaruhi atau memberi impak kepada operasi KWAP. Hubungan baik kami dengan pihak berkepentingan membolehkan kami memastikan isu yang datang dapat dikenal pasti dan ditangani.

## PERKHIDMATAN PERSARAAN

Perkhidmatan Persaraan meneliti hal-hal pentadbiran berkaitan keperluan pihak berkepentingan dengan komitmen kepada penambahbaikan berterusan pada proses-proses demi mencapai perkhidmatan yang cemerlang.


### PERJANJIAN TAHAP PERKHIDMATAN (SLA)

Dengan adanya SLA, ia mencerminkan komitmen kami dalam memberikan perkhidmatan mengikut piawaian yang diharapkan daripada KWAP. Sepanjang tempoh 12 bulan dalam tahun 2021, skor SLA berjawaran adalah di antara 94.38% sehingga 99.81%, dengan purata 98.26% semasa COVID-19 serta pengaturan kerja hibrid. KWAP juga mengekalkan tahap produktiviti yang tinggi berhubung perkhidmatan berkaitan pencen dan mengendalikan hampir 10 juta transaksi bagi tahun ini. Kami juga menyaksikan peningkatan produktiviti sebanyak 4.2% tahun ke tahun.

### Pembaharuan Perjanjian Agensi

Mandat KWAP sebagai ejen Kerajaan untuk memproses dan membayar manfaat pencen dilanjutkan lagi dengan pembaharuan perjanjian agensi untuk lima tahun, dari 1 November 2021 sehingga 31 Oktober 2026, dengan terma dan syarat yang dikemas kini. SLA baharu mewujudkan penanda aras baharu untuk mengukur prestasi perkhidmatan dengan bilangan penunjuk utama meningkat kepada 10 daripada tujuh sebelumnya. Had minimum prestasi telah dinaikkan kepada 95% daripada 90%.

## Prestasi SLA



### Pelan Tindakan bagi SLA Baharu (Ukuran)

Sebelum tarikh SLA baharu berkuat kuasa pada 1 Januari 2022, KWAP dengan pengesahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), mewujudkan mekanisme automatik dan piawaian untuk mengukur prestasi secara objektif. Mekanisme yang sistematik dalam bentuk papan pemuka prestasi dan pengumpulan data automatik membolehkan KWAP dan JPA memantau prestasi dan membuat sebarang penambahbaikan.

## KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

### PERKHIDMATAN PERSARAAN

#### PENAMBAHBAIKAN PROSES PERNIAGAAN

##### Penjajaran Semula Fungsi Berasaskan SLA berbanding Fungsi Bukan SLA

Kami melancarkan penambahbaikan proses perniagaan pada September 2021 dengan matlamat untuk mencapai kecekapan operasi dan produktiviti kakitangan. Salah satu penambahbaikan ini adalah penjajaran semula fungsi berasaskan SLA terhadap fungsi bukan SLA untuk penyampaian yang lebih fokus. Ia melibatkan pertukaran fungsi antara unit Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ) di bawah Bahagian Akaun dan Pelaporan dengan unit Bayaran Khas di bawah Bahagian Operasi Pencen 2 bagi mewujudkan lebih banyak lagi jalur pelaporan kerja yang padu serta meningkatkan kemahiran peranan kerja kakitangan yang sedia ada. Semasa suku akhir 2021, proses rasionalisasi telah meningkatkan produktiviti kerja dan kecekapan operasi dengan berkesan walaupun dengan pemrosesan akhir tahun yang tidak lazim termasuklah tiada pembayaran BMJ dibuat pada Disember 2021.

##### Pemusatan Fungsi Pusat Pertanyaan

Fungsi pusat pertanyaan disatukan di bawah bahagian Operasi Pencen 2, yang melibatkan penubuhan unit kecil pertanyaan khusus, penempatan semula kakitangan dengan kemahiran teknikal yang berkaitan, dan pengendalian pertanyaan dan aduan dengan lebih sistematik. Sejak pelaksanaannya, masa pemrosesan tuntutan bertambah baik dengan pengurangan purata hari penyelesaian pertanyaan.

##### Perkhidmatan Berasaskan Temu Janji Melalui Aplikasi MyPesara

Fungsi perkhidmatan berasaskan temu janji melalui aplikasi MyPesara untuk pesara dilaksanakan bagi memudahkan operasi untuk menyokong pengguna yang berhasrat untuk berhubung dengan KWAP secara fizikal. Ia juga melibatkan penggunaan fungsi tambahan kepada aplikasi mudah alih MyPesara yang sedia ada.

##### Respons Suara Interaktif (IVR) Baharu

KWAP melaksanakan IVR yang merupakan sistem teknologi telefon automatik yang membolehkan pemanggil mengakses maklumat melalui sistem respons suara dengan mesej prarakam tanpa perlu bercakap dengan ejen. Pemanggil juga boleh menggunakan pilihan menu melalui pemilihan pad kekunci nada sentuh dan panggilan mereka ditujukan pada pilihan tertentu.

Sistem IVR diharap dapat membantu pertanyaan yang tidak dijawab, yang merupakan interaksi tertangguh dalam masa nyata, terutamanya semasa waktu puncak atau ketika pemulihan bencana. Di samping itu, IVR boleh membantu dalam menjawab pertanyaan atau permintaan yang biasa dan paling kerap dikemukakan.

Objektif untuk mengubah sistem IVR semasa kepada sistem respons pintar:

- Untuk mewujudkan kesedaran dan memberi idea umum kepada pelanggan tentang penggunaan platform dalam talian termasuklah laman web KWAP dan aplikasi dalam talian JPA untuk mendapatkan maklumat;
- Untuk menangani pertanyaan yang tidak dijawab pada masa nyata serta menjawab pertanyaan yang paling kerap dikemukakan; dan
- Untuk menggalakkan pelanggan KWAP mengambil bahagian dan menerima teknologi IVR sebagai latihan untuk penggunaan di masa hadapan.

##### Pendigitalan Proses Dokumen

Kaedah kerja hibrid menjadi lebih popular sejak pandemik yang membawa kepada keperluan akses kepada maklumat dan dokumen dari mana-mana sahaja untuk memastikan kesinambungan perniagaan. Inisiatif pendigitalan bertujuan untuk melaksanakan sistem pengurusan dokumen digital yang memudahkan cabaran dalam pengurusan dokumen berkaitan pencen dengan keadaan semasa. Inisiatif ini menambah baik akses kepada dokumen oleh kerana dokumen digital boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa. Ini juga adalah untuk memastikan bahawa kesinambungan perniagaan dapat dilaksanakan sekiranya wujud keadaan apabila kakitangan tidak dapat mengakses dokumen secara fizikal mahupun berada di pejabat.

Inisiatif ini akan dilaksanakan dalam empat fasa yang berlandaskan kerumitan proses-proses yang merangkumi permohonan untuk kemas kini maklumat, pemrosesan selepas persaraan dan pemrosesan pra-persaraan. Pelaksanaan pemrosesan digital dalam Fasa 1 telah dilaksanakan dengan memanfaatkan sistem Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM) sedia ada untuk pembaikan tugas. Untuk Fasa 2 dan seterusnya, modul peningkatan dan platform penyimpanan dokumen untuk menggantikan kebergantungan kepada dokumen fizikal akan dibangunkan dalam sistem utama sedia ada iaitu Power Gen 2.

## KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Berikut adalah senarai dokumen yang diproses secara digital pada tahun 2021:

Perubahan Kaedah Bayaran Pencen bulanan (untuk Skim A & Skim B)		Kemas Kini Status Perkahwinan dan Perceraian
Kemas Kini Status Kematian	Kemas Kini Tanggungan	Perubahan Akaun Bank

### Automasi Pemprosesan Robotik (RPA)

Inisiatif Automasi Pemprosesan Robotik (RPA) adalah untuk menggantikan operasi manual dengan perisian pintar untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dan mempercepatkan transformasi digital KWAP. Pada tahun 2021, KWAP melaksanakan tiga inisiatif RPA untuk menambah baik produktiviti, meningkatkan kualiti dan menjimatkan kos.

#### Inisiatif 1: Pemprosesan Kelompok untuk Pemprosesan Pencen Bulanan

Sebelum pelaksanaan RPA, proses melaksanakan, memantau dan mengesahkan pemprosesan kumpulan bayaran pencen bulanan lebih 700,000 penerima pencen mengambil masa tambahan sehingga dua pagi atau lebih lama. Dengan RPA, pasukan akan dimaklumkan melalui SMS dan e-mel yang menunjukkan status berjaya ataupun sekiranya ada isu yang memerlukan perhatian.

#### Inisiatif 2: Pemprosesan untuk Arahan Pembayaran Bulanan

Setelah data pemprosesan pencen bulanan selesai, arahan pembayaran kepada bank dalam bentuk Pindahan Dana Elektronik (EFT) atau waran pasca tarikh disediakan. Sebelum RPA, tugas itu memerlukan proses yang panjang yang memerlukan kakitangan bekerja sehingga lewat malam. Dengan RPA, kakitangan kini boleh memantau status proses dari rumah mereka sahaja.

#### Inisiatif 3: Pencetakan Kad Pesara

Pencetakan kad pengenalan pesara (Kad Pesara) dan dokumentasi yang berkaitan untuk pesara baharu serta penggantian kad adalah perlu dan penting, tetapi banyak dihabiskan masa untuk siap di mesin pencetak. RPA dapat menjimatkan masa dengan melaksanakan dan melengkapkan surat tugas pencetakan sebelum kakitangan operasi tiba di pejabat.

Banyak tugas yang memanfaatkan RPA untuk meningkatkan kecekapan operasi telah dikenal pasti di bawah pelan hala tuju masa hadapan RFA, termasuklah Pusat Kecemerlangan yang diperkenalkan untuk kepakaran dalaman dan memberi persiapan kepada KWAP bagi transformasi digital.

#### Penambahbaikan Sistem Pengurusan Pencen (PG2)

Sistem Pengurusan Pencen (PG2) semasa disokong oleh pembangun dalaman untuk memenuhi keperluan dinamik pengguna dan perubahan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pada 2021, 66 penambahbaikan besar dan 222 penambahbaikan kecil pada PG2 telah dilakukan. Beberapa penambahbaikan kritikal yang dilakukan pada PG2 adalah seperti di bawah:

#### Kelulusan Atas Talian untuk Pembayaran Perubatan

Pasukan Operasi Pencen memproses jumlah yang besar untuk tuntutan perubatan setiap hari, tetapi pembayaran hanya boleh diluluskan sekali sahaja apabila dana disediakan oleh JPA. Pasukan Operasi kemudiannya perlu menyemak dan meluluskan jumlah besar tuntutan terkumpul sekali gus dan ini menyebabkan tekanan dalam menyelesaikan proses kelulusan dalam tempoh masa yang singkat. Penambahbaikan itu membolehkan pegawai yang diberi kuasa meluluskan tuntutan secara maya walaupun tiada dana untuk membuat pembayaran. Sebaik sahaja dana tersedia, pembayaran yang sebelum ini diluluskan secara maya boleh dibayar terus tanpa proses selanjutnya.

#### Penambahbaikan untuk SLA KWAP yang Baharu bersama JPA

Komponen SLA yang baharu untuk Pemprosesan Pencen telah dimasukkan di bawah Pembaharuan Kontrak Agensi. Untuk memenuhi komponen SLA baharu, 12 penambahbaikan pada PG2 telah diperkenalkan termasuklah perubahan pada skrin kemasukan data, aliran proses yang logik dan pembentangan data dalam papan pemuka.

## KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

### PERKHIDMATAN PERSARAAN

#### Pemprosesan Bayaran Baki Amaun Gratuiti

Disebabkan ketepatan masa penyediaan maklumat yang diperlukan oleh pihak luar yang berkaitan, KWAP perlu meneruskan pembayaran 50% jumlah gratuiti. KWAP kemudiannya akan melakukan baki pembayaran setelah mendapat maklumat yang diperlukan. Walau bagaimanapun, pemantauan baki perlu dilakukan di luar PG2 yang berpotensi menyebabkan kehilangan pembayaran. Ini ditangani melalui penambahbaikan transaksi baharu dan aliran kerja bagi mengendalikan baki bayaran gratuiti dalam PG2 dan menyediakan status terkini serta tindakan yang diperlukan ke atas baki bagi setiap pembayaran gratuiti.

#### Kelulusan Bersara Pilihan di PG2

Pada masa ini, proses meluluskan atau tidak meluluskan permohonan bersara pilihan dilakukan oleh JPA di luar Sistem Pengurusan Pencen (PG2) KWAP. Proses kelulusan diurus dan dipantau secara manual yang boleh menyebabkan kesilapan. Dengan penambahbaikan yang dilakukan dalam PG2, pengguna JPA yang diberi kuasa kini boleh memproses, meluluskan dan memantau permohonan untuk bersara pilihan secara terus daripada PG2. Penambahbaikan itu selaras dengan saranan penasihat undang-undang JPA untuk memastikan semua transaksi kritikal boleh dipantau dan dikawal dalam sistem berkomputer.

Kerajaan telah mengumumkan pengiraan baharu untuk manfaat persaraan bagi kesihatan (Atas Sebab Kesihatan atau ASK). PG2 tidak mempunyai fungsi untuk mengira tempoh perkhidmatan berdasarkan keperluan yang baharu. Penambahbaikan utama telah dilakukan pada PG2 untuk menambah aliran kerja yang diperlukan daripada proses pendaftaran sehingga pengiraan pembayaran. Oleh kerana keperluan ini kritikal, satu fasa pembaikan utama telah dilaksanakan dalam tempoh kurang daripada dua bulan.

#### Integrasi Data kepada dan daripada PG2

Sistem Pengurusan Pencen KWAP (PG2) berkongsi maklumat melalui sistem luaran untuk meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan datanya. KWAP bekerjasama dengan agensi kerajaan lain untuk memindahkan dan menerima data yang menggunakan protokol yang selamat serta proses yang ditetapkan, dan juga kelulusan JPA sebagai pemilik data. Perjanjian Kerahsiaan (NDA) atau Memorandum Persefahaman

(MoU) telah ditandatangani oleh kedua belah pihak untuk memastikan pengesahan dan kesahihan pertukaran data di antara mereka.

Pada tahun ini, KWAP mengadakan libat urus bersama Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk memahami keperluan mereka dan proses reka bentuk untuk integrasi data.

### LIBAT URUS OPERASI ATAU KAKITANGAN

#### Mengekalkan Penglibatan Bersama Pihak Berkepentingan

KWAP mengekalkan libat urus secara aktif dengan pihak berkepentingan sepanjang tahun dan menjalankan pelbagai ceramah dan sesi taklimat untuk organisasi kerajaan dan bakal pesara walaupun dengan pelbagai cabaran akibat COVID-19. Tujuan program ini adalah untuk mendidik bakal pesara tentang alam persaraan, manfaat yang diperolehi serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pencen.

Sebanyak 34 program libat urus telah dijalankan pada tahun 2021. Disebabkan keadaan semasa, kebanyakan program dilakukan secara maya dan sekiranya dijalankan secara fizikal, ia perlu mematuhi SOP yang ketat. Berikut adalah beberapa aktiviti yang dijalankan:

#### Secara Atas Talian

- Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) – Penyediaan maklumat untuk dokumentasi perkhidmatan persaraan dan kematian
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) – Kursus pra-persaraan
- Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) – Faedah Persaraan dan Kursus Pengurusan
- Jabatan Agama Islam Perak – Kursus Dokumentasi Persaraan

#### Secara Fizikal

- Kem Terendak Melaka, Markas 10 Briged – Kursus Pengurusan Pencen Pasca Perkhidmatan
- Majlis Bandaraya Kluang – Kursus pra-persaraan
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Kursus Dokumentasi Persaraan

## KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

### PENGURUSAN CARUMAN


Salah satu peranan utama KWAP adalah menguruskan caruman pencen daripada Kerajaan Persekutuan, agensi pencarum dan majikan yang terdiri daripada badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi.

### PRESTASI CARUMAN

#### Jumlah Pungutan Caruman

Jumlah caruman terkumpul pada 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM2.95 bilion yang terdiri daripada Caruman Persekutuan RM0.5 bilion, Syer Kerajaan RM1.11 bilion dan Caruman Majikan RM1.34 bilion.




#### Jumlah Pungutan Caruman pada 31 Disember 2021



### Pungutan Caruman Tahun 2019-2021

Sepanjang tiga tahun lalu, caruman Persekutuan adalah berjumlah RM0.5 bilion setahun. Bahagian kerajaan berada dalam aliran menurun daripada RM1.35 bilion pada 2019, RM1.14 bilion pada 2020, kepada RM1.11 bilion pada 2021, disebabkan oleh jumlah kemasukan wang yang lebih rendah daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Caruman majikan agak stabil dengan dengan kemasukan wang tahunan diterima berjumlah RM1.34 bilion.

#### Pungutan Caruman Tahun 2019-2021



● Caruman Persekutuan ● Syer Kerajaan ● Caruman Majikan

## KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN


### PENGURUSAN CARUMAN

#### Pungutan Caruman Majikan


Caruman majikan bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM1.34 bilion yang didominasi oleh badan-badan berkanun sebanyak RM1.09 bilion, diikuti oleh pihak-pihak berkuasa tempatan sebanyak RM0.24 bilion dan agensi-agensi sebanyak RM5.26 juta.

Sejak 2019 hingga 2021, keseluruhan caruman majikan telah meningkat secara berperingkat setiap tahun. Ini menunjukkan peningkatan dalam gaji penjawat awam, kakitangan baharu yang diberi taraf pencen dan pelarasan gaji.

#### Pungutan Caruman Majikan



#### Caruman Majikan (Mengikut Jenis Majikan)



### PRESTASI CARUMAN

#### Demografi Majikan

Setakat 31 Disember 2021, jumlah tertinggi majikan yang mencarum berada di Lembah Klang, merangkumi 30% daripada jumlah majikan yang mencarum.

Mengikut pecahan jenis majikan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai caruman majikan Badan-badan Berkanun dan Agensi-agensi tertinggi, iaitu sebanyak 61, berbanding Selangor sebanyak 52. Sementara itu, Sarawak mempunyai jumlah pihak-pihak berkuasa tempatan yang paling banyak menyumbang kepada KWAP.

Bil.	Negeri	Jenis Majikan			Jumlah
		Badan-badan Berkanun	Pihak-pihak Berkuasa Tempatan	Agensi-agensi	
1.	Perlis	5	1	3	9
2.	Kedah	11	12	5	28
3.	Pulau Pinang	9	2	5	16
4.	Perak	6	15	5	26
5.	Selangor	28	11	24	63
6.	Negeri Sembilan	6	7	3	16
7.	Melaka	10	4	6	20
8.	Johor	11	16	12	39
9.	Kelantan	13	12	2	27
10.	Terengganu	10	7	9	26
11.	Pahang	12	11	6	29
12.	Sabah	15	25	6	46
13.	Sarawak	18	26	11	55
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	33	2	28	63
15.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	6	0	14	20
16.	Wilayah Persekutuan Labuan	2	0	0	2
<b>Jumlah</b>		<b>195</b>	<b>151</b>	<b>139</b>	<b>485</b>



## KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

### PRESTASI CARUMAN

#### Bilangan Majikan Mengikut Kategori

Pertumbuhan keseluruhan saiz majikan dari 2019 hingga 2021 yang ditunjukkan di sebelah berkurangan bagi badan-badan berkanun sebanyak 1% disebabkan oleh pembubaran beberapa badan-badan berkanun. Walau bagaimanapun, pertumbuhan majikan bagi agensi-agensi semakin meningkat disebabkan oleh pindahan pegawai peminjaman kepada agensi baharu.

Perubahan dalam jumlah pekerja di antaranya adalah berikutan pembersihan data ahli bersara dan yang telah meninggal dunia, di samping kes persaraan biasa dan kes kematian dalam kalangan pekerja.

Pertambahan kakitangan dalam agensi-agensi adalah disebabkan oleh peminjaman pegawai-pegawai baharu yang ditugaskan untuk agensi tersebut.

### PRESTASI CARUMAN


#### Memperkukuh Prestasi dan Libat Urus

Jabatan ini menjalankan pelbagai inisiatif pada tahun 2021 yang tertumpu kepada usaha meningkatkan kefahaman pihak berkepentingan tentang fungsi caruman, di samping menambah baik operasi jabatan secara keseluruhan dan meningkatkan pengurusan caruman pencen.


Bagi memastikan pematuan terhadap peraturan-peraturan dan akta-akta berkaitan dalam kutipan caruman, jabatan ini telah menjalankan sebanyak 53 program penguatkuasaan dengan agensi yang mencarum di seluruh Malaysia. Jabatan ini juga telah mengadakan 10 program libat urus bersama pelbagai agensi dengan objektif untuk mewujudkan kesedaran dalam pematuan caruman.

Antara inisiatif-inisiatif yang diambil bagi tahun ini adalah program libat urus seperti Interaksi Bersama Majikan, pengenalan saluran libat urus baharu bersama majikan; pengenalan Senarai Semak Pematuan Kendiri kepada agensi peminjaman; dan penubuhan pangkalan data Pegawai yang Dipinjamkan dengan Kuasa Lantikan.

#### Bilangan Majikan Mengikut Kategori



#### Bilangan Kakitangan Mengikut Kategori



Jabatan ini komited untuk berhubung dengan pihak berkepentingan kami dalam mewujudkan kesedaran melalui program libat urus yang berterusan. Oleh itu, jabatan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Bengkel Caruman secara maya untuk menyediakan latihan dan bimbingan dalam meningkatkan kefahaman majikan mengenai topik pengurusan caruman dan mengurangkan atau merapatkan jurang operasi yang telah dikenal pasti. Sebanyak enam sesi telah dijalankan dengan jumlah penyertaan sebanyak 689 pekerja. Kami memperoleh markah penilaian 4.4/5.00 ataupun 88% iaitu di tahap memuaskan. Pengenalan Senarai Semak Pematuan Kendiri kepada agensi-agensi peminjaman adalah bertujuan untuk memastikan majikan mematuhi akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan pengurusan caruman. Sebanyak 142 majikan telah dipilih untuk menyertai program tersebut dengan maklum balas jumlah keseluruhan daripada 82 ataupun 57.7% majikan.

Saluran libat urus baharu bersama majikan telah diperkenalkan pada 2021. Tujuh video pendek berkaitan topik pengurusan caruman telah dihasilkan untuk memberi pengetahuan mengenai pengurusan caruman KWAP kepada majikan yang menyumbang dan juga kepada orang ramai. Video tersebut telah diterbitkan dalam laman web KWAP dan saluran media sosial iaitu Youtube dan Instagram.

# MENAMBAH BAIK PROSES KWAP

## PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN PELABURAN

Perkhidmatan dan Sokongan Pelaburan menyokong aktiviti perniagaan jabatan-jabatan pelaburan KWAP. Fungsi utama jabatan ini adalah memberi penyelesaian dan penjelasan pelaburan, pengurusan data dan rujukan dan pengurusan kustodian, termasuklah penyelenggaraan dan penyimpanan rekod secara selamat serta menyediakan Laporan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa KWAP mengikut keperluan Bank Negara Malaysia yang dikemukakan kepada pusat bank setiap suku tahun.

## PENCAPAIAN PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN PELABURAN

Perkhidmatan dan Sokongan Pelaburan mencapai objektif terasnya bagi tahun ini iaitu tiada penyelesaian yang gagal dan tiada laporan lewat yang dihantar kepada pengawal selia. Kami menyediakan sokongan menyeluruh untuk 20 inisiatif bagi seluruh organisasi.

Kami juga mencapai sasaran 92.9% indeks tahap perkhidmatan dalam Kajian Khidmat Pelanggan 2021 iaitu peningkatan sebanyak 0.36% daripada tahun sebelumnya. Kami berjaya mendapatkan kelulusan untuk Projek Migrasi RENTAS ISO 20022 yang berada pada sasaran yang betul untuk bermula pada 2022.

## TEKNOLOGI MAKLUMAT

### MENGGIAT TRANSFORMASI TEKNOLOGI

Memandangkan transformasi digital semakin berkembang dengan pesat dalam persekitaran operasi, KWAP memulakan pelbagai inisiatif bagi seluruh organisasi yang berkaitan teknologi untuk menyokong cara kerja baharu. Inisiatif ini tertumpu pada kebolehcapaian dan mobiliti sistem dan infrastruktur IT, keselamatan yang dipertingkatkan dan penambahbaikan berterusan dalam sistem perniagaan.

#### Pembaharuan Teknologi dan Naik Taraf Sistem

Kami memulakan pengemaskinian teknologi dan peningkatan sistem bagi memastikan persekitaran kerja lebih produktif, selamat dan tidak terganggu untuk tenaga kerja dan barisan pengurusan KWAP. Melalui inisiatif ini, lebih 501 komputer riba dan komputer meja serta 30 iPad telah digantikan dengan peranti baharu. Manakala, 15 pelayan baharu telah digunakan bagi menambah baik pengkomputeran dan sumber infrastruktur demi prestasi sistem, kebolehpercayaan dan kestabilan yang lebih baik.

KWAP sedang memulakan pelan hala tuju tiga tahun untuk meningkatkan infrastruktur IT melalui penggunaan rangkaian awan dan awan hibrid. Penggunaan strategi pusat data hibrid akan membolehkan KWAP

mewujudkan gabungan rangkaian awan yang tepat dan teknologi tradisional yang sesuai dengan keperluan perniagaan dan menggalakkan kecekapan, kebolehpercayaan dan ketangkasan yang lebih tinggi.

#### Meningkatkan Keselamatan Siber

Memandangkan evolusi teknologi yang pesat dan keperluan perniagaan sentiasa berubah-ubah, segala ancaman keselamatan perlu dipantau dan ditangani secara proaktif. KWAP mempertingkatkan ekosistem keselamatan sibernya dengan menaik taraf sistem Perlindungan Kebocoran Data (DLP) dan penambahbaikan kepada pengesanan keselamatan pelanggaran data, penghantaran data tanpa kebenaran atau penyingkiran data. Selain itu, Rangkaian Penghantaran Kandungan (CDN) telah dilancarkan yang bertindak sebagai parameter keselamatan secara maya untuk mengelakkan serangan ke atas operasi IT KWAP.

#### Memupuk Budaya Keselamatan Siber

KWAP memulakan inisiatif dalam talian selama setahun yang dikenali sebagai Program Kesedaran Keselamatan Maklumat Imersif untuk menerapkan budaya kesedaran keselamatan siber dalam meningkatkan kemahiran kakitangan dengan pengetahuan tentang kesedaran keselamatan maklumat dan memperkasa mereka untuk bertanggungjawab bagi melindungi maklumat KWAP dengan mengetengahkan dasar dan prosedur yang tersedia. Hasil daripada program sepanjang tahun 2021, kebarangkalian KWAP menjadi mangsa kecurian data atau e-mel berniat buruk menurun dan skor risiko keselamatan siber keseluruhan juga berkurangan berbanding tahun lepas.

#### Pengenalan Sistem Perniagaan Baharu dan Penambahbaikan kepada Sistem Sedia Ada untuk Kecemerlangan Operasi

Pada tahun 2021, banyak pembangunan dan peningkatan pada penambahbaikan sistem perniagaan telah dilaksanakan untuk menyediakan pengalaman pengguna yang lancar, meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta mengurangkan kos operasi dengan platform selamat.

Platform pemusatan data untuk automasi separa aliran tunai pelaburan iaitu Sistem Kashflow, telah dibangunkan secara dalaman dan diperkenalkan sebagai platform pusat untuk laporan aliran tunai pelaburan harian. Papan Pemuka Pelaburan Bersepadu juga dipertingkatkan untuk menyokong strategi pelaburan dan petunjuk prestasi dalam seluruh organisasi.


Penambahbaikan sistem lain termasuk pelaksanaan penyelesaian mesyuarat eksekutif tanpa kertas untuk memudahkan mesyuarat dalam talian dengan kawalan yang selamat, peningkatan Sistem Pelaporan Caruman untuk kecekapan operasi dan pelaksanaan Pengisytiharan Kesihatan Kakitangan menggunakan teknologi Automasi Proses Robotik bagi mengautomasikan proses pemantauan ke atas kakitangan.

# MEMUPUK BAKAT KAKITANGAN KWAP

## SUMBER MANUSIA

Aset kami yang paling berharga di KWAP adalah kakitangan kami, yang berkongsi komitmen yang sama untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan kami dan membina suasana persaraan yang baik untuk kakitangan perkhidmatan awam di Malaysia. Kami berusaha untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan memberikan kakitangan kami berasa dihargai, dihormati dan diiktiraf, terutamanya apabila pengoperasian kami jauh berubah sejak pandemik COVID-19. Di samping aspek kesihatan dan kesejahteraan kakitangan KWAP yang kekal menjadi keutamaan kami, kami juga memastikan mereka diberikan kemudahan mencukupi bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka, mendayaupayakan mereka dengan persekitaran pembelajaran yang berterusan dan memperkasa mereka untuk mencapai kejayaan.

## MAKLUMAT STATISTIK



## MEMUPUK BAKAT KAKITANGAN KWAP

### SUMBER MANUSIA

#### PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

##### Program Pembelajaran, Libat Urus dan Khidmat Nasihat (LEAP) KWAP

Program Pembelajaran, Libat Urus dan Khidmat Nasihat (LEAP) KWAP merupakan inisiatif untuk mewujudkan rangka kerja rasmi dalam mengukuhkan hubungan dengan pengurus dana luaran (EFM) yang mengurus portfolio KWAP. Oleh kerana tumpuan utama pelantikan EFM adalah untuk mempelbagaikan lagi sumber pulangan pelaburan KWAP, libat urus sedemikian juga dijalankan secara formal bagi membuka peluang kepada EFM untuk berkongsi kepakaran mereka dengan KWAP, memberi manfaat kepada pembangunan modal insan secara teratur. LEAP memanfaatkan perkongsian pintar yang terjalin dengan EFM dan memberi penekanan kepada nilai tambah dan pemindahan pengetahuan yang bertumpu kepada merapatkan jurang pengetahuan dalam pelbagai topik pelaburan merentasi semua jabatan untuk menyokong inovasi dan ketelusan yang lebih baik serta mempromosikan pemahaman yang sama tentang pelaburan KWAP untuk dimanfaatkan oleh kakitangan KWAP.

Libat urus ini bertujuan untuk memaksimumkan pulangan bukan kewangan daripada pengurus dana untuk meningkatkan kecekapan operasi dan kesediaan KWAP untuk melaksanakan strategi pelaburan sedia ada dan yang baharu. Modul LEAP disediakan khusus dan dibangunkan untuk memberi tumpuan kepada keperluan keupayaan dengan bergabung bersamasama jabatan-jabatan yang berkaitan.

Modul perintis ini telah berjaya dijalankan pada tahun 2021 oleh penceramah berpengalaman daripada dua EFM yang dilantik oleh KWAP dan telah dijalankan secara dalam talian dari September hingga Oktober 2021. Modul telah disampaikan selama enam hari mengenai topik faktor pelaburan, dengan kehadiran 242 orang dari pelbagai jabatan menghadirinya dan secara purata 40 orang setiap sesi.

LEAP akan diperluaskan merangkumi topik yang dapat menarik lebih banyak minat bakat dalaman daripada jabatan pelaburan dan bukan pelaburan, atas persetujuan bersama antara KWAP dan EFM yang dibuat berdasarkan keperluan KWAP.

##### Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) KWAP

KWAP menubuhkan Zon Pembelajaran, Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) KWAP, pada April 2021 sebagai memenuhi permintaan terhadap pembelajaran digital. Platform pembelajaran secara digital ini melengkapkan tawaran latihan konvensional, dan menggalakkan fleksibiliti pembelajaran tanpa kekangan tempat dan masa. Pada masa ini, terdapat sehingga 40,000 kursus latihan disediakan untuk pengguna belajar secara berterusan melalui laman sesawang LMS.

Fungsi Zon Pembelajaran telah dipercepatkan pada tahun 2021 di mana platform aplikasi mudah alih telah dibangunkan dengan ciri-ciri baharu seperti *chat* dan *teams* yang membolehkan pengguna berkongsi bahan bacaan dengan penglibatan lebih baik. Platform ini juga membolehkan peserta mengatur pembelajaran mereka dan menganjurkan webinar. Aplikasi mudah alih bertindak sebagai versi laman sesawang LMS yang cepat dan ringkas untuk pengguna mengekalkan produktiviti mereka pada setiap masa. Setiap modul yang didaftar oleh pengguna akan diberikan mata ganjaran dan waktu pembelajaran. Selain daripada kecekapan teras dan fungsi yang ditetapkan, kursus yang disyorkan akan lebih memberikan keutamaan pembelajaran peribadi kepada pengguna dalam platform tersebut.

Lebih 4,060 modul telah disiapkan di Zon Pembelajaran antara April dan Disember 2021 dengan kadar penyiapan sebanyak 96%. Responden kajian bersetuju bahawa Zon Pembelajaran membantu mereka dalam mencapai objektif pembelajaran dan KPI latihan tahunan mereka.

##### Program Peningkatan Kemahiran KWAP

Program Peningkatan Kemahiran KWAP mencerminkan komitmen KWAP untuk membolehkan tenaga kerja kami meningkatkan kemahiran bagi menyesuaikan diri dengan tugas, cabaran baharu, dan perubahan. Program ini dibangunkan dengan kerjasama Azman Hashim International Business School (UTM-AHIBS) untuk kakitangan bukan eksekutif dengan tujuan membolehkan tenaga kerja KWAP memenuhi piawaian industri secara berterusan, membuka jalan untuk kemajuan kerjaya, dan melahirkan bakat kompeten yang bersedia dengan masa hadapan.

## MEMUPUK BAKAT KAKITANGAN KWAP

Dari 2020 hingga 2021, 14 kakitangan bukan eksekutif yang bermotivasi tinggi telah mendaftar dalam 5 Kursus MBA yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), yang dirangka khusus untuk KWAP. Mereka menjalani latihan pembangunan yang ketat, mengambil tugas yang mencabar, dan menghadiri kelas selepas waktu bekerja termasuk hujung minggu. Para peserta menunjukkan peningkatan dalam kecekapan mereka yang sedia ada serta membangunkan keupayaan yang lebih baik. Pada Disember 2021, kesemua 14 kakitangan bukan eksekutif yang mengambil bahagian telah menamatkan pengajian dengan kepujian daripada KWAP dan UTM-AHIBS dengan Sarjana Mini dalam Pentadbiran Perniagaan, MBA.

### PENGAMBILAN DAN PERANCANGAN TENAGA KERJA

#### Program Bakat Muda KWAP (KYT)

*KWAP Young Talent* (KYT) merupakan program pelatih pengurusan yang diwujudkan pada tahun 2014 bagi menyediakan bakat-bakat muda ini dengan potensi untuk menjadi pakar dan pemimpin masa depan di KWAP. Program ini menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka, meningkatkan peluang kerjaya melalui pelbagai intervensi untuk menambah kecekapan, serta membantu mereka meningkatkan pengetahuan dalam perniagaan dan kepimpinan.

Semakan program KYT telah dilakukan pada tahun 2021 dengan tujuan untuk mempertingkatkan program pembangunan bakat semasa, menangani isu pengangguran siswazah di Malaysia dan membantu Kerajaan dalam menyediakan pekerjaan untuk siswazah baharu dan mewujudkan bakat-bakat untuk KWAP. Program tersebut kini menerima graduan tempatan dan luar negara daripada pelbagai jurusan. Melalui penempatan tetap, program dua tahun ini menyediakan peluang latihan sambil bekerja untuk bakat-bakat muda ini. Pengambilan program bagi 2021 telah diiklankan melalui platform dalam talian dan media sosial KWAP serta temu duga secara maya telah dijalankan berikutan situasi pandemik. Sebanyak 29 bakat ditawarkan bekerja melalui tiga sesi pengambilan pada Ogos, Oktober dan November. Mereka menjalani latihan secara maya selama sebulan untuk meningkatkan kemahiran sesama manusia dan insaniah, serta membiasakan diri dengan persekitaran organisasi sebelum ditempatkan di jabatan masing-masing.

### PENGURUSAN BAKAT

#### Latihan Penilaian 360 Darjah KWAP

Penilaian 360 Darjah KWAP merupakan sebahagian daripada usaha mengukuhkan inisiatif pembangunan kepimpinan KWAP yang menyediakan maklum balas menyeluruh untuk memudahkan pemahaman kakitangan mengenai kekuatan dan jurang potensi serta peluang untuk meningkatkan kemahiran dengan lebih baik. Ia juga memberi peluang kepada kakitangan untuk memberi maklum balas yang berguna dan relevan kepada peserta lain.

Seramai 85 peserta terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Pengarah dan Pengurusan Pertengahan telah mengambil bahagian dalam fasa pertama Kaji Selidik Maklum Balas 360 Darjah dengan kadar penyediaan pada 95.6%. Kedudukan keseluruhan kumpulan untuk kecekapan yang kritikal menunjukkan Integriti, Profesionalisme dan Kepimpinan yang bersinergi sebagai tiga kekuatan utama dalam kumpulan kepimpinan di KWAP.

#### Penilaian Impak Kepimpinan Saville

Penilaian *The Saville Wave Professional* merupakan penilaian diri psikometrik untuk menilai keberkesanan kepimpinan dan mengenal pasti potensi bagi intervensi. Seramai 62 peserta daripada 85 orang berjawatan Naib Presiden dan ke atas mengambil penilaian tersebut pada tahun ini. Hasil penilaian menunjukkan bahawa sebagai pemimpin yang profesional, kebanyakan pemimpin-pemimpin di KWAP mempunyai kecenderungan yang kuat di mana mereka dikehendaki menjadi teliti dan berorientasikan aktiviti, teratur dan boleh dipercayai, tepat dan mempunyai prinsip, serta berfikiran praktikal dan berasaskan fakta.

**Ini mengukuhkan pendekatan KWAP bagi menyokong kakitangannya untuk memanfaatkan kekuatan mereka dan bersedia untuk mengusahakan inisiatif transformasi organisasi 2022-2025.**

## MEMUPUK BAKAT KAKITANGAN KWAP

### SUMBER MANUSIA

#### KAKITANGAN DAN HUBUNGAN INDUSTRI

##### Libat Urus Kakitangan dalam Norma Baharu

Dengan mengambil kira situasi pengoperasian di dalam cabaran pandemik, KWAP melancarkan program libat urus kakitangan yang bertemakan *Employee Engagement in the New Normal* untuk memberi sokongan kepada kakitangan dalam menyesuaikan diri mereka dengan budaya kerja baharu. Pada tahun 2021, aktiviti Libat Urus Kakitangan memberi tumpuan kepada inisiatif konseptual yang bertujuan untuk menawarkan pengalaman yang bermatlamat untuk menawarkan platform pembelajaran yang imersif dan berinteraksi bagi membantu kakitangan menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja yang baharu dan memastikan ianya kekal sebagai budaya kerja jangka panjang yang mampan untuk KWAP. Antara program-program berkaitan kesejahteraan dan libat urus telah dianjurkan pada tahun 2021 seperti berikut:

Bil.	Nama Program	Objektif/Perkara Utama
1.	Siri webinar mengenai kesejahteraan kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kesedaran kakitangan mengenai perkara-perkara berkaitan kesejahteraan kakitangan khususnya cara-cara untuk menangani pandemik COVID-19</li> </ul>
2.	Kelas kecergasan dalam talian untuk dua kali seminggu melalui Kelab Kecergasan KWAP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan kakitangan untuk aktif dan cergas selepas waktu bekerja semasa pengaturan bekerja dari rumah.</li> </ul>
3.	Ceramah pendidikan dan kesedaran mengenai vaksinasi COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan program imunisasi dalam memerangi COVID-19 dan memberi sokongan kepada negara dalam mewujudkan imuniti berkelompok.</li> </ul>
4.	Program Bina Pasukan Secara Maya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program bina pasukan secara maya yang pertama untuk menyokong matlamat meningkatkan hubungan berpasukan di kalangan kakitangan KWAP dengan 94.86% kadar penyertaan.</li> </ul>
5.	<i>Team Mingling</i> (ViTaMin D) Dalam Talian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti libat urus antara jabatan yang dianjurkan sendiri dan diberikan subsidi bertujuan untuk meningkatkan hubungan dan komunikasi dengan 95.24% kadar penyertaan.</li> </ul>
6.	<i>Amity Wellness Programme</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dilancarkan pada tahun 2020, <i>Amity Wellness Programme</i> merupakan kesinambungan <i>Amity Programme</i> yang memberi sokongan intervensi kaunseling dan psikososial di bawah Program Bantuan Kakitangan yang membolehkan kakitangan kami mendapatkan perundingan yang selamat dan dipercayai daripada ahli psikologi bertauliah untuk membantu mereka dalam mengurus pemikiran dan emosi.</li> </ul>
7.	Program Siri Kesedaran Kesihatan Mental	<ul style="list-style-type: none"> <li>Empat sesi ceramah telah dijalankan secara maya untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik kakitangan tentang topik berkaitan kesihatan kesejahteraan mental, serta menghapuskan stigma yang berkaitan dengan kesihatan mental dan menyokong antara satu sama lain semasa pandemik.</li> </ul>
8.	#KWAPSejiwa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sempena sambutan kemerdekaan yang ke-64, beberapa aktiviti telah dianjurkan sepanjang bulan Ogos di bawah inisiatif #KWAPSejiwa seperti Forum Seni, Kelas Seni dan Pertandingan Antara Jabatan bertemakan bulan Kemerdekaan.</li> </ul>
9.	Mandat Ketua Pegawai Eksekutif dan <i>Town Hall</i> Bulanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mandat Ketua Pegawai Eksekutif diadakan dalam talian dengan tujuan untuk berkongsi pencapaian KWAP pada tahun 2020 serta matlamat dan aspirasi untuk tahun 2021.</li> <li><i>Town hall</i> Ketua Pegawai Eksekutif dijalankan pada setiap bulan sebagai platform untuk Ketua Pegawai Eksekutif dan barisan pengurusan kanan berkongsi bersama kakitangan KWAP mengenai maklumat penting dan untuk kakitangan memberi maklum balas terus kepada pihak pengurusan.</li> </ul>
10.	Bengkel Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengetengahkan pandangan bersepadu inisiatif perniagaan 2022 oleh bahagian pelaburan, inisiatif PERKUKUH, pelaburan, aktiviti penyahlaburan, belanjawan tahunan dan sasaran pendapatan serta jumlah pulangan.</li> </ul>
11.	Bengkel Persaraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan peluang kepada kakitangan yang mengambil bahagian untuk mengiktiraf KWAP sebagai peneraju utama dalam ekosistem pencen Malaysia, mengesahkan komitmen KWAP bagi menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada penerima pencen, menggalakkan set minda perkhidmatan kepada kakitangan KWAP dan membincangkan pelan tindakan dan strategi pelaksanaan.</li> </ul>
12.	Bengkel Prima Ekuiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memudahkan empat peringkat proses penstrukturan semula, iaitu menentukan strategi, analisis 360 darjah, pilihan yang perlu dipertimbangkan, dan pelaksanaan.</li> <li>Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan semasa struktur Prima Ekuiti (UK) Limited.</li> </ul>

#### Mengurus Kakitangan dalam Persekitaran Pandemik

Mengambil kira persekitaran pengoperasian yang mencabar, KWAP mengutamakan kesihatan dan keselamatan semua kakitangannya. Para kakitangan dan tanggungan mereka dibekalkan dengan ujian swab COVID-19 untuk dibuat pada setiap minggu. KWAP menanggung semua kos untuk ujian swab COVID-19 dan kit ujian juga telah diedarkan kepada semua kakitangan KWAP secara bulanan.

Kami juga menjalankan kempen kepentingan vaksin untuk meningkatkan kesedaran dan menekankan keperluan vaksinasi. Pemantauan tertutup terhadap pandemik COVID-19 telah dijalankan melalui aplikasi *Health Tracker* yang diperhalusi dan penggunaan RPA dan ETL bagi Pengisytiharan Kendiri Kesihatan Harian Kakitangan.

# MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA MASYARAKAT

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Untuk menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab dan prihatin daripada segi sosial, kami berusaha untuk menjaga dan memperkasa masyarakat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) KWAP. Pada tahun ini, pandemik COVID-19 masih memberi cabaran dalam cara-cara penglibatan kami bersama masyarakat.

Kami menyesuaikan diri dengan cara baharu untuk memberi sokongan kepada masyarakat dan memberi tumpuan kepada usaha CSR kami dalam membantu masyarakat yang kurang bernasib baik. Walaupun berada di dalam pandemik, KWAP menganjurkan hampir 150 program secara maya, hibrid dan fizikal pada tahun 2021 dan memanfaatkan peralihan ke platform digital, bagi mencapai Misi, Visi dan Nilai Teras KWAP.

### Program KWAP Prihatin 2.0 – PPR Raya Permai

Kami meneruskan dengan inisiatif kedua KWAP Prihatin, yang pertama kali dilancarkan pada tahun 2020 untuk menyokong masyarakat yang terjejas akibat COVID-19. Melalui KWAP Prihatin 2.0 yang dilancarkan pada Mac 2021, kami berusaha untuk meringankan beban dan kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat miskin bandar yang terjejas. Segmen masyarakat miskin bandar ini terdiri daripada mereka di bawah kategori kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40), keluarga yang mempunyai pesara atau anak kurang upaya, dan mereka yang berkemungkinan kehilangan pekerjaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Puan Nik Amlizan Mohamed dan barisan pengurusan kanan turut hadir di lokasi untuk menyerahkan bantuan kepada para penerima.

### Program Kasih KWAP

Sepanjang bulan Ramadhan, kami menjalankan pelbagai aktiviti di bawah inisiatif Kasih KWAP di lokasi yang disasarkan. Aktiviti ini telah disertai oleh sukarelawan KWAP secara aktif. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Ramadhan:

#### Pengagihan Kurma

Sebanyak 1,150 pek kurma telah diedarkan kepada semua kakitangan KWAP dan pesara yang mengunjungi kaunter Khidmat Pelanggan KWAP serta kepada Persatuan Pesara terpilih iaitu Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) dan Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia (KUPEKMAS).

#### Tazkirah Ramadhan

Salah satu daripada acara penting sepanjang bulan Ramadhan pada tahun 2021 adalah Tazkirah Ramadhan. Beberapa penceramah terkenal telah dijemput untuk berkongsi ilmu yang dijalankan secara maya. Ceramah selama satu jam itu dihadiri kira-kira 250 kakitangan KWAP dan topik yang disentuh adalah "Amalan Yang Ditolak" daripada Ustaz Elyas Ismail, "Ramadhan: Sekadar Mencari Pahala" daripada Ustaz Dato' Daud Che Ngah, "Apa Itu Kebahagiaan" daripada Ustazah Nurhafizah Musa dan "Sifat Riak dan Takabbur" daripada Ustaz Dato' Badli Shah Alauddin.

#### Ihya Ramadhan

Program Ihya Ramadhan telah dijalankan di dua masjid iaitu Masjid Al-Falah dan Masjid Himmatul Aliyah, yang terletak di Shah Alam. 100 bungkusan bantuan yang diisi barang-barang keperluan telah diedarkan kepada golongan yang memerlukan seperti pesara dan keluarga-keluarga berpendapatan rendah yang telah dikenalpasti oleh pihak jawatankuasa masjid.

Sebanyak 2,000 bungkus bubur lambuk telah diedarkan kepada jemaah masjid-masjid tersebut selepas solat Tarawih.

#### Program Meriah Raya Bersama Anak-Anak Yatim

Program Meriah Raya telah dijalankan di dua buah rumah anak yatim iaitu Rumah Bakti Al-Kausar dan Rumah Nur-Ain pada Mei 2021, dengan harapan ianya dapat membawa kegembiraan kepada 60 anak-anak yatim dalam bulan Ramadhan dan membantu persiapan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Sukarelawan KWAP telah meluangkan masa bersama anak-anak yatim tersebut serta telah menyampaikan kepada mereka baucar membeli-belah dan duit raya.

#### Sambutan Raya Bersama Warga Emas

Sebagai kesinambungan usaha tahunan KWAP bersama warga emas, KWAP telah menjalankan program Sambutan Raya bersama warga emas di Rumah Ehsan dan Rumah Al-Ikhlas. KWAP telah menderma barangan keperluan serta barang-barang penjagaan kesihatan pada rumah-rumah ini yang mempunyai sejumlah 174 penghuni.

## MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA MASYARAKAT

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



#### Program KWAP Prihatin 3.0 - Misi Bantuan Banjir

Hujan lebat pada Disember 2021 telah menyebabkan banjir kilat besar mengakibatkan kerosakan dan kemusnahan kepada rumah dan nyawa. Malangnya, 28 kakitangan KWAP yang tinggal di Lembah Klang turut terjejas teruk dengan keadaan itu. KWAP membantu kakitangan serta ahli keluarga mereka, termasuk para pesara dan masyarakat sekeliling. Seramai 40 sukarelawan KWAP telah digerakkan untuk membantu kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

#### Hari AIDS Sedunia 2021

Sempena Hari AIDS Sedunia Antarabangsa yang disambut pada 1 Disember pada setiap tahun, Malaysian AIDS Foundation, dengan sokongan Kementerian Kesihatan (KKM), mengadakan acara *World AIDS Day 100,000 Steps to End AIDS Virtual Walk/Run* yang bertujuan untuk menamatkan AIDS menjelang tahun 2030. Seramai 50 kakitangan KWAP telah menyertai acara itu untuk menzahirkan sokongan.



# 04

## IKRAR UNTUK MEMPERKASAKAN BUDAYA INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN

KWAP terus memelihara dan meningkatkan tadbir urus korporat kami yang mantap yang dibina berdasarkan prinsip-prinsip etika dan integriti yang kukuh. Kami berusaha untuk membina budaya tadbir urus dan integriti dalam segala aspek untuk melaksanakan amanah yang diberikan kepada kami.

### TADBIR URUS KORPORAT

- 40 Ahli Lembaga
- 46 Ahli Panel Pelaburan
- 49 Pengurusan Kanan
- 52 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 62 Meningkatkan Tadbir Urus, Etika dan Integriti
- 63 Menggalakkan Budaya Pengurusan Risiko dan Pematuhan
- 73 Penyata Audit Dalaman
- 74 Integriti dan Tadbir Urus yang Baik
- 75 Mewujudkan Nilai Mampan Jangka Panjang

# AHLI LEMBAGA

## YBhg. Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan  
Seksyen 6(4)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

### Pengalaman:

Datuk Seri Asri dilantik sebagai Pengerusi Lembaga pada 1 Mei 2020.

Datuk Seri Asri memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Beliau kemudiannya berpindah ke Agensi Pencegahan Rasuah pada April 1998, sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perkhidmatan Awam pada Mac 2003. Datuk Seri Asri meneruskan khidmatnya sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan (MOF) dan telah memegang beberapa jawatan lain sejak itu, termasuk Timbalan Setiausaha Bahagian, Pelaburan, MOF Inc. dan Bahagian Penswastaan. Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian GIC, MOF pada bulan Julai 2015 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) pada bulan Mac 2018, dan kemudiannya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), sebelum menjawat jawatan terkini.

Datuk Seri Asri kini menganggotai ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji, Tenaga Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad dan IJN Holdings Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Pengerusi Digital Nasional Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1990, Diploma dalam Pentadbiran Awam dari INTAN pada tahun 1996 dan Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dari Hiroshima University, Jepun pada tahun 2006. Datuk Seri Asri juga menghadiri Program Pengurusan Perniagaan Perdana Harvard pada tahun 2010.

## YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid

Wakil Bank Negara Malaysia  
Seksyen 6(4)(b) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga

BRCC

BNRC

BPC

### Pengalaman:

Encik Adnan Zaylani merupakan ahli Lembaga sejak 7 Jun 2016.

Beliau kini merupakan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertanggungjawab bagi Pembangunan dan Inovasi Kewangan, Perbankan Islam dan Takaful, Pembangunan Insurans, Kewangan Pembangunan dan Keterangkuman serta Perundangan. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab BNM.

Beliau juga mewakili BNM sebagai ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, ahli Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC), Pengerusi Lembaga Pengarah BNM Sukuk Kijang Berhad, ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga International Islamic Liquidity Management Corporation dan ahli Jawatankuasa Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Audit INCEIF.

Encik Adnan Zaylani merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari Blavatnik School of Government, University of Oxford serta Ijazah Sarjana dalam Ekonomi Pasaran Global dan Sarjana Muda Ekonomi dari London School of Economics and Political Science.

### Jawatankuasa Utama:

BNRC

Jawatankuasa Lembaga  
Pencalonan dan Imbuhan

BIRC

Jawatankuasa Lembaga  
Integriti dan Risiko

BAC

Jawatankuasa  
Lembaga Audit

## AHLI LEMBAGA

### YBrs. Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin

Wakil Kementerian Kewangan  
Seksyen 6(4)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga

BNRC

BAC

#### Pengalaman:

Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin, dilantik sebagai ahli Lembaga pada 14 Julai 2020.

Beliau berkelulusan Diploma Analisis Pelaburan dari Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1990 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Western Michigan University, Kalamazoo, Amerika Syarikat pada tahun 1992 dan Diploma Pentadbiran Awam dari National Institute of Public Administration (INTAN) pada tahun 1995. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Pusat Pengajian Siswazah Pengurusan Universiti Putra Malaysia dan telah menghadiri Program Pengurusan Kepimpinan Lanjutan di INTAN, Program Pengurusan Lanjutan (AMP) di Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat dan Program Pembangunan Kepimpinan Lanjutan dengan Razak School of Government.

Puan Anis Rizana kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan), MOF. Beliau memulakan kerjayanya pada awal tahun 1993 dengan sektor swasta dalam firma broker saham dan industri pembuatan sebelum menyertai sektor awam pada tahun 1994. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Kewangan pada tahun 1999. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha dalam pelbagai bahagian di bawah MOF seperti Bahagian Kewangan; MOF Inc.; Bahagian Penswastaan dan Penyelarasan; Bahagian Pengurusan Pinjaman & Dasar Kewangan; Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa dan Bahagian Pengurusan Belanjawan.

Pada tahun 2008, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha di Bahagian Pelaburan, MOF Inc. dan Bahagian Penswastaan dan seterusnya beliau berkhidmat selama dua tahun

di Malaysia Airports Holdings Berhad sebagai Pengurus Besar, Perancangan Korporat di bawah Program *Cross Fertilization* (antara Khazanah Nasional Berhad dan Jabatan Perkhidmatan Awam), dan berkhidmat sebagai Ketua Unit Sekretariat Rangsangan Ekonomi, MOF. Pada tahun 2009, Puan Anis Rizana juga berkhidmat sebagai Pegawai Fungsi Khas kepada Ketua Setiausaha Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya pada tahun 2012, beliau dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Ganjaran, Wang Awam dan Perkhidmatan Pengurusan.

Puan Anis Rizana berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (NKRA Menentang Rasuah) pada tahun 2014 sebelum dilantik sebagai Felo Penyelidik Kanan dan seterusnya memikul tanggungjawab sebagai Ketua Kluster Pembangunan dan Penyelidikan Dasar di INTAN, Bukit Kiara. Pada tahun 2018, beliau dilantik sebagai Ketua Kluster Ekonomi dan Kluster Kewangan Awam di INTAN. Selepas itu beliau dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2019 sebelum berada dalam kedudukannya yang terkini.

Beliau kini merupakan Pengarah di Telekom Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Pelaburan Hartanah Berhad, Aset Tanah Nasional Berhad dan Ahli Suruhanjaya Tenaga. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah di syarikat swasta di bawah bidang kuasa MOF.

BPC

Jawatankuasa  
Lembaga Perolehan

BIC

Jawatankuasa  
Lembaga Integriti

BRCC

Jawatankuasa Lembaga  
Risiko dan Pematuhan

Pengerusi

Ahli

## AHLI LEMBAGA

### YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman

Wakil Kerajaan Persekutuan  
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang  
Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga **BIC**

#### Pengalaman:

Tan Sri Mohd Khairul Bin Abd Rahman dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Februari 2021. Beliau kini merupakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau telah berkhidmat lebih 33 tahun dalam perkhidmatan awam, sejak berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1998.

Tan Sri Khairul Adib mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dan perkhidmatan awam dan pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan dan sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim).

Di samping itu, beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (kini Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli) dan sebagai Penasihat Pendidikan dan Latihan Malaysia di Tokyo dan London.

Tan Sri Khairul Adib berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains Polisi dari Universiti Saitama, Jepun.

### YBhg. Datuk Siti Zainab Binti Omar

Jabatan Peguam Negara Malaysia

Jawatankuasa Lembaga **BPC** **BIC**

#### Pengalaman:

Datuk Siti Zainab merupakan ahli Lembaga sejak 1 Mac 2016.

Datuk Siti Zainab mengikuti pengajian undang-undang dan memperoleh LLB (Hons.) dari University of Essex, United Kingdom. Beliau diterima masuk dalam Bar England & Wales (Gray's Inn) pada tahun 1986. Pada tahun 1998, beliau telah menyertai Badan Peguam Malaysia sebagai Peguam Bela & Peguam Cara.

Beliau kini berkhidmat sebagai Peguam Cara Negara II, Jabatan Peguam Negara. Datuk Siti Zainab memulakan kerjayanya dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Peguam Persekutuan dan Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara dan juga di banyak kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos serta Kementerian Kerja Raya. Pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka. Beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Peguam Cara Perbendaharaan dan sebagai Peguam Cara Perbendaharaan pada tahun 2009.

Beliau mempunyai banyak pengalaman dalam bidang undang-undang yang meliputi perkara-perkara domestik dan antarabangsa. Beberapa bidang kepakaran adalah berkaitan perkara penswastaan dan bidang undang-undang khusus lain seperti undang-undang perlembagaan, kewangan dan undang-undang Islam, korporat, kontrak dan undang-undang pembinaan. Beliau juga terlibat dan mengetuai banyak rundingan antarabangsa yang melibatkan Kerajaan Malaysia.

Semasa memegang jawatan, beliau telah diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan khas termasuk jawatan pengarah dalam badan-badan berkanun kerajaan dan syarikat-syarikat seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad, Usahasama SPNB-LTAT Sdn Bhd, Indah Water Konsortium Sdn Bhd, Sepang International Circuit Sdn Bhd, Syarikat Air Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Beliau juga dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa dalam Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang dalam Kewangan Islam yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia. Beliau kini merupakan Pengerusi Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan dan ahli Lembaga Pengarah Malaysia Rail Link (MRL) Sdn Bhd.

Jawatankuasa Utama:

**BNRC**

Jawatankuasa Lembaga  
Pencalonan dan Imbuhan

**BIRC**

Jawatankuasa Lembaga  
Integriti dan Risiko

**BAC**

Jawatankuasa  
Lembaga Audit

## AHLI LEMBAGA

### YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa C.A(M), FCPA(AUST.), CPFA(UK)

Wakil Kerajaan Persekutuan  
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga **BAC** **BIC**

#### Pengalaman:

Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 15 Disember 2019.

Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa merupakan Akauntan Negara Jabatan Akauntan Negara (JANM) Malaysia. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah (Malaysia), Felo Akauntan Pengamal Bertauliah (Australia) dan Akauntan Kewangan Awam Bertauliah (UK). Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dalam JANM. Beliau mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman berkhidmat dalam pelbagai jabatan kerajaan.

Kini, Datuk Dr. Yacob berkhidmat sebagai Pengarah Institusi Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Datuk Dr. Yacob memiliki Ijazah Perakaunan dari Universiti Malaya, dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

### YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah

Wakil Sektor Swasta  
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga **BAC** **BRCC** **BNRC**

#### Pengalaman:

Dato' Azmi Bin Abdullah merupakan ahli Lembaga sejak 20 September 2012.

Beliau kini merupakan Pengarah Ireka Corporation Berhad. Beliau juga menganggotai ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat sendirian berhad lain.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank yang pertama, di mana beliau telah berkhidmat selama empat tahun, dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera-Commerce Bank Berhad, di mana beliau berkhidmat lebih dari 26 tahun dalam pelbagai jabatan. Beliau memperolehi B.A. (Kepujian) Ijazah Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan telah dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat dalam Pentadbiran Perniagaan dari UKM pada 16 Ogos 2006.

**BPC**

 Jawatankuasa  
Lembaga Perolehan

**BIC**

 Jawatankuasa  
Lembaga Integriti

**BRCC**

 Jawatankuasa Lembaga  
Risiko dan Pematuhan

Pengerusi

Ahli

## AHLI LEMBAGA

### YM Raja Teh Maimunah Binti Raja Abdul Aziz

Wakil Sektor Swasta  
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga

BIRC

BRCC

#### Pengalaman:

YM Raja Teh Maimunah dilantik sebagai ahli Lembaga sejak 15 Mei 2019. Beliau sebelum ini dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2019.

YM Raja Teh Maimunah mempunyai lebih 25 tahun pengalaman perkhidmatan kewangan merangkumi Perbankan Pelaburan, Borong, Islam dan Digital. Kini, beliau menjawat jawatan Pengarah Urusan Perbankan Borong di AmBank Group. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif AmInvestment Bank, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank Berhad, serta dalam masa yang sama bertindak sebagai Ketua Pegawai Operasi Inovasi Digital dan Transaksi Perbankan Kumpulan Hong Leong. Terdahulu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pasaran Islam Global di Bursa Malaysia, Ketua Pegawai Korporat dan Ketua Perniagaan Antarabangsa di Kuwait Finance House Malaysia, Pengarah Kanan Bank Alkhair Bahrain (sebelum ini dikenali sebagai Unicorn Investment Bank) dan Ketua Pelaburan Perbankan di RHB Sakura Merchant Bank (kini RHB Investment Bank). YM Raja Teh Maimunah juga pernah berkhidmat dalam Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (agensi pengurusan aset dan pemulihan hutang negara Malaysia) semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1998 dan juga CIMB Investment Bank selama hampir 10 tahun di dalam bahagian hutang, permulaan ekuiti dan jualan ekuiti. Beliau memulakan kerjayanya di KPMG Peat Marwick Consultants.

Beliau telah dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kehormat Undang-undang dari University of East London, United Kingdom dan memperoleh LLB (Kepujian) dari universiti yang sama.

YM Raja Teh Maimunah merupakan Penasihat Kewangan dan Perbankan Islam kepada World Islamic Economic Forum Foundation. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa eksekutif Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), sebuah NGO yang didedikasikan untuk memperkasa wanita dan membasmu isu kebuluran serta ahli Lembaga Penasihat PichaEats, sebuah perusahaan sosial.

Jawatankuasa Utama:

BIRC

Jawatankuasa Lembaga  
Pencalonan dan Imbuhan

### YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofiany Binti Syed Hussain

Wakil Sektor Swasta  
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga

BRCC

BAC

BPC

#### Pengalaman:

Dato' Sri Sharifah Sofiany Binti Syed Hussain dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2021 dan seterusnya dilantik sebagai Pengerusi KWEST pada 8 Mac 2021.

Kerjaya profesional Dato' Sri Sharifah telah berkembang daripada pengurusan kewangan korporat dalam salah sebuah syarikat minyak dan gas terbesar dunia, pembrokeran dan dagangan ekuiti, kepada mewujudkan struktur kewangan dan dagangan ekuiti besar dalam dunia perbankan global. Dari 1 Oktober 2015 hingga 30 September 2018, Dato' Sri Sharifah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah PETRONAS, satu-satunya syarikat Fortune 500 di Malaysia, membawa bersama beliau banyak pengalaman dalam industri minyak dan gas sejak beliau di Shell International. Sejak awal kerjayanya di Shell Malaysia, beliau menunjukkan keupayaan kewangan dan perundingan yang meliputi perairan serantau dan antarabangsa. Dato' Sri Sharifah meninggalkan Shell Malaysia selepas 11 tahun yang cemerlang untuk memulakan kerjaya dalam pembrokeran saham yang beliau usahakan dengan jayanya selama 15 tahun di JF Apex, Maybank Investment Bank, dan Kenanga Investment Bank.

Kepimpinan dan visi peribadi beliau telah meninggalkan kesan yang berkekalan kepada perniagaan yang beliau terajui. Beliau telah menjadi pemangkin kepada perubahan organisasi yang telah membuahkan hasil yang lebih cekap dan menguntungkan, dengan mewujudkan peningkatan tumpuan dan akauntabiliti dalam pasukannya. Kelebihan Dato' Sri Sharifah telah diiktiraf dalam kebolehannya untuk menggerakkan pemain industri, melangkaui sempadan melalui pembinaan hubungan kerja, dan melalui visi dan inovasi organisasinya, menambah nilai yang signifikan kepada perkhidmatan perniagaan pelanggannya. Beliau juga terkenal dengan penglibatan aktifnya dengan pelbagai NGO. Pada 4 Mac 2021, beliau dilantik menjadi ahli Majlis Pekerjaan Negara (NEC) oleh Perdana Menteri Malaysia. Majlis ini ditubuhkan untuk menangani situasi pengangguran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan mewujudkan pekerjaan baharu bagi mereka yang terjejas. Dato' Sri Sharifah berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dari University of Missouri, Columbia, Amerika Syarikat dan juga merupakan alumni London Business School yang berprestij.

BIRC

Jawatankuasa Lembaga  
Integriti dan Risiko




BAC

Jawatankuasa  
Lembaga Audit

## AHLI LEMBAGA

### YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin

Wakil Pencarum  
Seksyen 6(4)(g) Akta Kumpulan Wang  
Persaraan 2007

Jawatankuasa Lembaga    


#### Pengalaman:

Encik Abdul Rahman merupakan ahli Lembaga sejak 1 Mei 2020.

Kini, beliau merupakan Setiausaha Agung CUEPACS, dan telah memegang jawatan ini sejak tahun 2019. Beliau juga merupakan Presiden KESUKMA (Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia) Universiti Kebangsaan Malaysia.

### YBrs. Puan Nik Amlizan Mohamed

Ketua Pegawai Eksekutif (Ahli Ex-Officio)  
Seksyen 6(4)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007

#### Pengalaman:

Puan Nik Amlizan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Lembaga KWAP pada 2 November 2020.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sejak September 2018. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Pelaburan KWAP dan berkhidmat bersama-sama organisasi ini dengan memikul pelbagai peranan sejak mula menyertai KWAP pada tahun 2007.

Kerjaya profesional beliau menjangkau 29 tahun, meliputi bidang perkhidmatan kewangan dan dana persaraan, mengawasi fungsi pelaburan merentasi semua kumpulan aset dan beliau juga turut mempunyai pengalaman luas di dalam industri pengurusan dana, perubahan transformasi dan pengurusan perubahan serta tadbir urus korporat.

Sebelum menyertai KWAP pada 2007, beliau berkhidmat di RHB Asset Management Sdn Bhd, Maybank Investment Management dan BBMB Unit Trust Berhad.

Beliau merupakan ahli Lembaga Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti Berhad dan ahli Lembaga Majlis Pelabur Institusi Malaysia serta ahli Institut Integriti Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Lembaga anak syarikat penuh KWAP, Prima Ekuiti (UK) Ltd dan KWEST Sdn Bhd; serta anak syarikat bersekutu edotco Bhd.

Puan Nik Amlizan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi/Perakaunan dari Claremont McKenna College, Amerika Syarikat pada tahun 1991.

### PENAMATAN TEMPOH KHIDMAT AHLI LEMBAGA

**YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak**

Tarikh Akhir Tempoh Perkhidmatan : 28 Februari 2021



Jawatankuasa  
Lembaga Perolehan



Jawatankuasa  
Lembaga Integriti



Jawatankuasa Lembaga  
Risiko dan Pematuhan



Pengerusi



Ahli

## AHLI PANEL PELABURAN

### YBhg. Dato' Mohamad Nasir Bin Ab Latif

*Pengerusi Panel Pelaburan  
Seksyen 7(2)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

#### Pengalaman:

Dato' Mohamad Nasir Bin Ab Latif dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 1 Mac 2021.

Dato' Mohamad Nasir memulakan kerjayanya dengan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1982 dan memegang beberapa jawatan sebelum dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada Mei 2013. Jawatan yang disandangnya termasuk Pegawai Penguatkuasa Negeri antara 1990 hingga 1995, Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan di Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi antara 1995 hingga 2003, dan Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa pada Julai 2009 sebelum menjadi Ketua Pelaburan KWSP pada 2013. Beliau bersara sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP pada 31 Disember 2019.

Dato' Mohamad Nasir kini merupakan Pengerusi RHB Islamic Bank Berhad, PLUS Malaysia Berhad dan United Plantation Berhad. Beliau juga merupakan Lembaga Pengarah Malaysia Resources Corporation Berhad, RHB Bank Berhad dan Yinson Holdings Berhad.

Dato' Mohamad Nasir berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1989. Beliau kemudiannya memperoleh Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada 1996 dan Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Sterling, United Kingdom pada tahun 1999.

### YBrs. Encik Mohammad Reezal Bin Ahmad

*Wakil Kementerian Kewangan  
Seksyen 7(2)(c) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

#### Pengalaman:

Encik Mohammad Reezal Bin Ahmad dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 1 Mac 2021.

Beliau kini berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Ekonomi (Makroekonomi) Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Sebelum ini, beliau merupakan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, MOF.

Encik Mohammad Reezal memulakan kerjayanya pada tahun 1999 sebagai Akauntan di Kerajaan Negeri Kedah sebelum menyertai Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Analisis Ekonomi dan Antarabangsa. Beliau pernah menjadi Ketua Strategi, Pejabat Dasar Fiskal di bawah Bahagian Fiskal dan Ekonomi, MOF. Dari tahun 2000 hingga 2022, beliau telah berkhidmat dengan MOF selama kira-kira 19 tahun dan memegang pelbagai jawatan terutamanya berkaitan penggubalan dasar fiskal dan pengurusan makroekonomi. Beliau juga memantau prestasi kewangan dan tadbir urus badan berkanun Kerajaan Persekutuan. Beliau turut berkhidmat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Dasar dan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala berkaitan pemantauan pematuhan pada perjanjian perdagangan pelbagai hala dan rundingan perdagangan antarabangsa.

Encik Mohammad Reezal kini memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif di Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Lembaga Pelabuhan Kuantan, Westports Malaysia Sdn Bhd dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia .

Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari National Graduate Institute for Policy Studies (GRIPS), Tokyo, Jepun pada tahun 2011.



## AHLI PANEL PELABURAN

### YBhg. Dato' Noorazman Bin Abd Aziz

*Wakil Sektor Swasta  
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

#### Pengalaman:

Dato' Noorazman Bin Abd Aziz merupakan ahli Panel Pelaburan sejak 23 Julai 2019 sebagai wakil daripada sektor swasta.

Beliau kini merupakan Pengerusi UEM Sunrise Berhad dan menganggotai Lembaga Pengarah UEM Edgenta Berhad, PLUS Malaysia Berhad, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan CTOS Digital Berhad.

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM, bahagian dermawan Kumpulan UEM, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF). Pada tahun 2005, Dato' Noorazman telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Jurubank Asia pertama bagi Kewangan Islam.

Dato' Noorazman memulakan kerjayanya sebagai penganalisis pelaburan di Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1982. Beliau meninggalkan PERNAS tiga tahun kemudian untuk memulakan kerjaya cemerlang selama 25 tahun bersama Citigroup dalam bidang perbankan korporat, pelaburan, perbendaharaan dan pasaran kewangan. Dalam tempoh inilah beliau dipinjamkan ke Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di mana beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dan Ketua Pegawai Operasi Bursa Saham Kuala Lumpur Berhad. Selepas tempoh pinjaman tersebut, beliau menyertai Citibank Berhad semula sebagai Pengarah Urusan, Ketua Korporat dan Bank Pelaburan. Pada tahun 2005, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad dan kemudiannya menjadi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif BIME Holdings Berhad. Beliau meninggalkan BIME Holdings pada 2007 untuk mengasas bersama dan menjadi Pengarah Urusan di FajrCapital Ltd, firma ekuiti persendirian berasaskan Syariah berpangkalan di Dubai dan seterusnya menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan sehingga beliau bersara pada Jun 2019.

Dato' Noorazman juga menganggotai lembaga penasihat firma ekuiti persendirian Ancora Fund Management Co., Indonesia dan Creador Sendirian Berhad yang berpangkalan di Malaysia.

Dato' Noorazman memegang Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Louisiana State University, Amerika Syarikat. Beliau mempunyai keahlian dalam badan-badan profesional seperti Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF), Malaysia, Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM), dan Australian Institute of Corporate Directors (AICD), Australia.

### YBrs. Encik Mohamed Nazri Bin Omar

*Wakil Sektor Swasta  
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang  
Persaraan 2007*

#### Pengalaman:

Encik Mohamed Nazri Bin Omar merupakan ahli Panel Pelaburan sejak 1 Mei 2016 sebagai wakil daripada sektor swasta.

Encik Mohamed Nazri kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad, berkuat kuasa 1 Mei 2014. Beliau memulakan kerjayanya di Citibank Berhad dan seterusnya berkhidmat di Macquarie Bank Limited serta RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad). Sebelum menyertai Danajamin, Encik Mohamed Nazri berkhidmat dalam beberapa jawatan semasa di Kuwait Finance House (M) Bhd, termasuk Pengarah Perbankan Pelaburan dan Ketua Pasaran Modal dan Penasihat.

Encik Mohamed Nazri memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi (Kepujian) dan Kerajaan dari Cornell University, Amerika Syarikat.

## AHLI PANEL PELABURAN

### YBhg. Dato' Mohamed Ross Bin Mohd Din

*Wakil Sektor Swasta  
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

#### Pengalaman:

Dato' Mohamed Ross Bin Mohd Din dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2021.

Dato' Mohamed Ross memulakan kerjayanya di HSBC Bank Malaysia Berhad (HSBC) pada awal tahun 1972 dan berkhidmat dalam pelbagai kapasiti meliputi Perbankan Korporat dan Runcit serta Pengurusan Cawangan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Perbendaharaan Malaysia dan Ketua Audit Kumpulan Malaysia antara 1987 dan 1996. Dalam tempoh ini, beliau juga berkhidmat selama setahun di Hong Kong, London dan New York dalam bidang Pertukaran Asing dan Perbendaharaan. Sebagai Pengarah Urusan pada tahun 2003, beliau bertanggungjawab ke atas francais perniagaan persisiran Islam HSBC di Malaysia sehingga beliau bersara pada 31 Disember 2007.

Selepas bersara, Dato' Mohamed Ross telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dan Penasihat Kanan HSBC Amanah Takaful Malaysia Sdn Bhd sehingga Disember 2008. Pada masa yang sama dan sehingga April 2016, beliau juga merupakan Pengarah Bebas HSBC Amanah Malaysia Berhad, di mana beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Risiko dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan.

Dato Mohamed Ross menyertai CIMB Group Holdings Berhad sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada April 2016. Pada masa yang sama, beliau juga dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad juga sebagai Pengerusi pada Mei 2017. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit Kumpulan dan ahli Jawatankuasa Lembaga Risiko & Pematuhan serta Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Kumpulan.

Dato' Mohamed Ross kini juga menganggotai dua Lembaga Penasihat yang menyelia Dana Ekuiti Persendirian (Program Ekuinas OFM) sebagai Ahli Bebas. Di samping itu, beliau juga memegang jawatan sebagai Pemegang Amanah dalam Lembaga Zakat Selangor dan Pengarah Bebas dalam Lembaga di sebuah syarikat Pengurusan Aset.

Dato' Ross mempunyai Diploma Perbankan (Bahagian 1) dari The Institute of Bankers, United Kingdom pada tahun 1973.

### YBrs. Puan Nik Amlizan Mohamed

*Wakil Sektor Swasta  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

#### Pengalaman:

Puan Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Panel Pelaburan KWAP pada 2 November 2020.

### YBrs. Encik Anthony Lim Choon Eng

*Wakil Sektor Swasta  
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*

#### Pengalaman:

Encik Anthony Lim Choon Eng dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 1 Mac 2021.

Selama 33 tahun kerjayanya, pengalaman Encik Anthony merentasi perbankan korporat dan pelaburan, pasaran modal dan perbendaharaan, serta pengurusan risiko dan ekuiti persendirian. Beliau memulakan kerjayanya bersama Kumpulan Perbankan ANZ, Australia pada tahun 1987 sebagai peniaga dalam pasaran kadar faedah dan pasaran modal dan kemudiannya menyertai St. George Bank, Australia yang meliputi pasaran pendapatan tetap dan derivatif. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1994 dan dilantik sebagai Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Futures Sdn Bhd untuk menubuhkan perniagaan derivatif kewangan di bawah Kumpulan Maybank.

Pada tahun 2000, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif/Ketua Kumpulan, Pengurusan Risiko dari 2005 hingga 2009, sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi, Maybank Investment Bank (terdahulu dikenali sebagai Aseambankers Malaysia Berhad) yang bertanggungjawab ke atas kewangan, teknologi maklumat, operasi dan pematuhan kawal selia dan pengurusan risiko. Beliau kemudiannya menyertai Implico GmbH, Jerman dan Malaysia dari 2010 hingga 2014 sebagai Pelabur/Pengarah Ekuiti Persendirian. Pada 2011, beliau menyertai Sumitomo Mitsui Banking Corporation Berhad, Malaysia sebagai Pengarah Bebas dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk bank yang sama dari 2015 hingga 2020.

Encik Anthony Lim berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Kewangan Gunaan dari Macquarie University, Sydney dan merupakan Felo Institut Perbankan dan Kewangan Australia, Australia. Beliau merupakan Jurubank Bertauliah dengan Institut Jurubank Bertauliah Asia dan telah menghadiri kedua-dua Program Pengurusan Lanjutan dan Program Kepimpinan Kanan di Wharton School of Business, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat.

### PENAMATAN TEMPOH KHIDMAT AHLI PANEL PELABURAN

**YBrs. Encik Mohd Rashid Bin Mohamad (Pengerusi)**  
*Tarikh Akhir Tempoh Perkhidmatan : 28 Februari 2021*

**YBrs. Cik Azah Hanim Binti Ahmad**  
*Tarikh Akhir Tempoh Perkhidmatan : 28 Februari 2021*

**YBrs. Encik Ahmad Faris Bin Rabidin**  
*Tarikh Akhir Tempoh Perkhidmatan : 28 Februari 2021*

**YBrs. Encik Chen Yin Heng**  
*Tarikh Akhir Tempoh Perkhidmatan : 28 Februari 2021*

# PENGURUSAN KANAN

## YBrs. Puan Nik Amlizan Mohamed

*Ketua Pegawai Eksekutif*

### Pengalaman:

Puan Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 2 November 2020.

## YBrs. Encik Azlan Bin Hussin

*Pengarah Kanan, Jabatan Ekuiti*

### Pengalaman:

Encik Azlan mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun di dalam pengurusan portfolio. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MIFM Amanah Asset Management Berhad, di mana beliau telah berjaya meningkatkan aset di bawah Pengurusan kepada RM4 bilion daripada saiz permulaan RM300 juta.

Azlan memulakan kerjayanya dengan SBB Asset Management (SBBAM) sebagai Penganalisis Pelaburan dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden Pelaburan yang menguruskan portfolio sebanyak RM800 juta.

Seterusnya, beliau menyertai AmanahRaya-JMF Asset Management sebagai Pengurus Besar Pelaburan Ekuiti di mana beliau menguruskan portfolio bernilai RM1 bilion daripada dana amanah, kerajaan negeri, korporat termasuk KWSP. Beliau juga bertanggungjawab untuk menetapkan keseluruhan dasar dan garis panduan pelaburan bagi AmanahRaya Berhad.

## YBrs. Encik Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin

*Pengarah, Jabatan Audit Dalam*

### Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Liabiliti Aset dan Risiko Pasaran di OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) dari University of Liverpool, UK dan Ijazah Sarjana Pengurusan dari University of Wales, Cardiff di UK. Sebagai pengamal pensijilan risiko dalam industri, beliau juga merupakan salah satu rakyat Malaysia pertama yang menjadi Pengurus Risiko Kewangan (FRM) bertauliah di bawah Global Association of Risk Professional (GARP).

## YBrs. Encik Nik Ahmad Fauzan Bin Nik Mohamed

*Ketua Pegawai Operasi*

### Pengalaman:

Encik Nik Ahmad Fauzan dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi KWAP pada September 2015.

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam konglomerat dan industri kewangan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Kumpulan Perkhidmatan Korporat Pos Malaysia Berhad.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti George Washington, Amerika Syarikat dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan dan Pelaburan, dari institusi yang sama.

## YBrs. Encik Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin

*Pengarah, Jabatan Strategi Portfolio*

### Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang pasaran modal termasuk beberapa jawatan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan pakar ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga telah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN keempat yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.

## YBrs. Encik Syed Ali Haidar Bin Syed Shahabuddin

*Pengarah, Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan*

### Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam bidang undang-undang. Sebelum menyertai KWAP, beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Bahagian Perundangan di KAF Investment Bank Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah LLB (Hons) dari University of Glamorgan, Wales, UK dan memperoleh Sijil Amalan Guaman (CLP), Malaysia daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia.

Beliau juga telah dilantik sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara di Mahkamah Tinggi Malaya pada 1998.

## PENGURUSAN KANAN

### YBrs. Puan Siti Ilmiah Binti Ramli

*Pengarah, Jabatan Sumber Manusia*

#### Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai pengamal undang-undang di organisasi yang bukan berasaskan keuntungan dan di jabatan sumber manusia dalam pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa di Malaysia. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) daripada University of London, UK dan memperoleh Sijil Amalan Guaman (CLP) Malaysia daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang, Malaysia.

### YBrs. Encik Mohd Nasir Bin Ab. Hadi

*Ketua, Pejabat Integriti dan Tadbir Urus*

#### Pengalaman:

Sebelum menyertai KWAP, beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Integriti Pendidikan dan Komunikasi, Integriti di Kumpulan Petronas sejak tahun 2013.

Encik Mohd Nasir mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai pengamal antirasuah sewaktu berkhidmat dengan SPRM sejak tahun 1984 hingga tahun 2005. Beliau dipinjamkan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai Penolong Ketua Setiausaha mulai 2001-2003.

Beliau mempunyai lapan tahun pengalaman sebagai pengamal Perhubungan Industri sewaktu berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Dalam Tenaga Nasional Berhad (TNB) mulai tahun 2005 hingga tahun 2013. Beliau pernah menjadi Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Malaysia dari tahun 2010 hingga 2012.

Beliau merupakan Ahli Pegawai Integriti Bertauliah (ACeIO) sejak tahun 2012 dan menjadi Presiden ACeIO dari tahun 2016 hingga tahun 2018. Beliau merupakan lepasan ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

### YBrs. Encik Hamkushairi Bin Jahari

*Pengarah, Jabatan Audit Dalam*

#### Pengalaman:

Encik Hamkushairi merupakan Pengarah Jabatan Audit Dalam sejak Oktober 2017. Beliau memiliki pengalaman hampir 20 tahun dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan selama beberapa tahun.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperoleh Sijil Audit Dalam dan Risiko Perniagaan dari Institut Juruaudit Dalam Berkanun, UK. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalam Berkanun, UK.

### YBrs. Puan Najihah Binti Mohd Norwi

*Pengarah, Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan*

#### Pengalaman:

Puan Najihah mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai seorang akauntan korporat dalam pelbagai sektor, antaranya, insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau bertugas sebagai akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau merupakan seorang akauntan profesional, ahli CPA Australia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) dari Monash University, Australia.

## PENGURUSAN KANAN

### YBrs. Encik Md Hayrani Bin Mireso

*Ketua Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan*

#### Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman selama hampir 30 tahun sebagai seorang akauntan serta pengurusan perbendaharaan dan pendapatan tetap dalam sektor perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pengurus di Bahagian Perbendaharaan, Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan di Bank Simpanan Nasional.

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Pasaran Kewangan Malaysia.

### YBrs. Encik Abdul Razak Bin Jabar

*Ketua Jabatan Teknologi Maklumat*

#### Pengalaman:

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam industri Teknologi Maklumat. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan perunding kanan di sebuah syarikat tempatan dan multinasional yang melaksanakan perisian dan sistem dalam industri perkhidmatan kewangan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat) dari Charles Sturt University, Australia. Beliau juga merupakan Juruaudit Utama Bertauliah bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001, dan mempunyai Sijil ITIL v3 Foundation dan COBIT v5.

### YBrs. Puan Nor Faridah Binti Amin

*Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat*

#### Pengalaman:

Beliau merupakan graduan Pemasaran dengan pengalaman melebihi 20 tahun di dalam bidang jualan, pemasaran & promosi, komunikasi dan pengurusan acara.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dari Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

Sebelum menyertai KWAP, beliau pernah berkhidmat di Asia Unit Trusts Berhad dan Prudential BSN Takaful, bagi mengendalikan pemasaran, penjenamaan dan komunikasi.

### PELETAKAN JAWATAN PENGURUSAN KANAN

**YBrs. Encik Zalman Bin Ismail**

**YBrs. Encik Ismail Bin Zakaria**

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## KOMPOSISI LEMBAGA

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkelayakan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi dengan pelbagai latar belakang, mewakili Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia (BNM) dan pencarum yang penting untuk pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Seksyen 6 Akta 662 (Akta KWAP) menetapkan bahawa Lembaga harus terdiri daripada ahli-ahli berikut, yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi, yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) Seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) Seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli *ex-officio*;
- (v) Tiga (3) orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) Tiga (3) orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) Seorang wakil daripada pencarum kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga ada dibentangkan di muka surat 40 hingga 45 Laporan Tahunan ini.

Pada tahun 2021, tempoh pelantikan Encik Mohd Ismadi Bin Ishak telah berakhir pada 28 Februari 2021.

Dua (2) ahli Lembaga baharu telah dilantik pada 2021, iaitu:

- (i) YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman pada 1 Februari 2021, untuk menggantikan YBhg. Datuk Teo Khian How yang bersara pada 17 November 2020; dan
- (ii) YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain pada 1 Mac 2021, untuk menggantikan Encik Mohd Ismadi Bin Ishak.

## PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta KWAP dan sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik dan amalan terbaik seperti disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG) dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP adalah berbeza dan terpisah.

Pengerusi bertanggungjawab terutamanya untuk menjalankan dan memastikan keberkesanan mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi harian, pentadbiran dan pengurusan KWAP yang termasuk pemantauan keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan mengikut Akta KWAP.

Seksyen 9 (1) Akta KWAP menyatakan bahawa Lembaga hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif dengan terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang diberikan atau ditetapkan ke atas beliau oleh Akta ini atau sebagaimana yang diberikan atau ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh pengurusan dalam mengendalikan pentadbiran harian KWAP dan para pekerjanya. Ketua Pegawai Eksekutif juga ialah seorang ahli *ex-officio* Lembaga serta Setiausaha Panel Pelaburan.

## TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA

Di bawah Seksyen 6 Akta 662, Lembaga harus bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan KWAP. Lembaga adalah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik dan mengawasi pengurusan KWAP dengan memberi fokus terhadap melindungi dan meningkatkan kepentingan pencarum dan pihak berkepentingan.

Selaras dengan tanggungjawab berkanun dan sebagai sebahagian daripada fungsinya, Lembaga merangka dan menentukan pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar dan prosedur-prosedur untuk memastikan KWAP mencapai objektif dengan berjaya dan cemerlang.

Lembaga menggalas beberapa tugas khusus seperti mengawasi pengendalian operasi yang betul, mengenal pasti bidang risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko ini serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Akta dan Piagam Lembaga. Lembaga dipandu oleh Piagam yang mewujudkan jadual rasmi hal-hal berkaitan dan menggariskan jenis-jenis maklumat yang diperlukan untuk perhatian dan perbincangan di mesyuarat Lembaga. Piagam Lembaga dikaji semula secara berkala pada setiap dua tahun dan/atau pada bila-bila masa diperlukan.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN



#### Menstruktur Lembaga yang Berprestasi Tinggi

KWAP berhasrat untuk mewujudkan struktur Lembaga yang selaras dengan keperluan organisasi. Bagi membolehkan Lembaga beroperasi dengan berkesan dan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya kepada hal-hal berkaitan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga membantu dalam memenuhi fungsi pengawasan. Terma rujukan bagi setiap Jawatankuasa Lembaga mentakrif peranan jawatankuasa dengan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga. Ahli-ahli Lembaga dipilih berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Akta KWAP. Prestasi Lembaga secara keseluruhan dan bagi setiap ahli dinilai dan ditaksir dengan kerap.



#### Memastikan Keberkesanan Operasi dan Interaksi Lembaga

Keberkesanan operasi dan interaksi Lembaga memerlukan mesyuarat yang produktif. KWAP memastikan semua maklumat Lembaga adalah berkualiti dan terkini selaras dengan tadbir urus yang baik dan amalan terbaik agar Lembaga boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diterima. Kepercayaan terbina melalui interaksi positif, dinamik dan komunikasi terbuka dalam Lembaga dan dengan pihak Pengurusan.



#### Memenuhi Peranan dan Tanggungjawab Asas Lembaga

Lembaga memberi panduan kepada pihak Pengurusan dalam membangunkan strategi korporat dan hala tuju dasar dan menetapkan sasaran bagi prestasi dan pengurusan. Ia mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh di samping mengamalkan fungsi pemantauan. Ia juga mengawasi kemajuan pemimpin masa depan organisasi dan modal insan bagi memastikan kesinambungan dan menguruskan risiko organisasi. Lembaga memastikan tanggungjawab kepada para pemegang saham dipenuhi dengan menerima pakai perspektif pemegang saham apabila membuat keputusan serta mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah.

### MESYUARAT LEMBAGA

Akta KWAP menetapkan Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya secara suku tahunan. Bagaimanapun, seperti lazimnya, Lembaga berusaha untuk bermesyuarat secara kerap dengan minimum lapan kali setahun, untuk perancangan dan hala tuju strategik KWAP, perancangan perniagaan dan bajet, laporan prestasi serta untuk mengkaji semula prestasi KWAP. Mesyuarat tambahan diadakan untuk membincangkan hal-hal yang penting dan memerlukan perhatian segera. Notis yang mencukupi diberikan tepat pada masanya bagi semua mesyuarat berjadual dan tambahan bagi Lembaga.

Pada tahun kewangan 2021, 13 mesyuarat Lembaga dan dua Mesyuarat Lembaga Khas telah diadakan. Prosiding semua mesyuarat Lembaga termasuk isu berbangkit, soalan-soalan yang dikemukakan dan maklum balas berkaitan turut dibentangkan dan direkod dalam minit-minit mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa berkenaan. Sekiranya perlu, keputusan akan dibuat melalui pengedaran pekeliling. Keputusan melalui pengedaran pekeliling memerlukan kelulusan majoriti mudah yang akan dilaporkan semasa mesyuarat Lembaga yang berikutnya untuk makluman.

Kehadiran mesyuarat bagi Ahli-ahli Lembaga untuk tahun 2021 dibentangkan dalam jadual berikut:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YBhg. Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin Pengerusi	12/15
2.	YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman (*Dilantik pada 1 Februari 2021)	11/14*
3.	YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa	14/15
4.	YBhg. Datuk Siti Zainab Binti Omar	14/15
5.	YBrs. Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin	11/15
6.	YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah	15/15
7.	YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid	11/15
8.	YM Raja Teh Maimunah Binti Raja Abdul Aziz	10/15
9.	YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofiany Binti Syed Hussain (*Dilantik pada 1 Mac 2021)	13/13*
10.	YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Haji Mohd Nordin	15/15
11.	YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak (*Tempoh perkhidmatan tamat pada 28 Februari 2021)	2/2*
12.	YBrs. Puan Nik Amlizan Mohamed	14/15

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Pihak Lembaga juga bertanggungjawab kepada kejayaan jangka masa panjang KWAP dan kepada pihak berkepentingan dalam memastikan KWAP diurus dengan berkesan dan mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan. Pihak Lembaga menunaikan tanggungjawab ini melalui mesyuarat Lembaga dan memberi fokus kepada beberapa bidang khusus seperti strategi, tadbir urus dan prestasi. Antara cadangan-cadangan utama diluluskan oleh Lembaga pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

- Kad Skor Korporat dan Keputusan Kewangan KWAP bagi 2021;
- Pelan Perniagaan dan Kad Skor Korporat KWAP bagi 2022;
- Cadangan untuk Meluluskan Strategi Pelaburan 2022 dan Sasaran Pulangan;
- Penyata Kewangan Teraudit KWAP bagi Tahun Kewangan 2020;
- Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2022;
- Cadangan bonus dan kenaikan gaji kakitangan KWAP;
- Cadangan mengenai Pelan Antirasuah Organisasi KWAP 2021-2025;
- Cadangan mengenai Kelulusan Struktur Organisasi bagi KWAP;
- Cadangan untuk Menerima Pakai Dasar mengenai Imbuan yang Diterima oleh Nomini KWAP dalam Lembaga Pengarah Syarikat Penerima Pelaburannya;
- Dasar mengenai Pengarah dan Pegawai Insurans Liabiliti bagi Kumpulan KWAP;
- Kelulusan bagi Pelaksanaan Langkah-Langkah yang Dicadangkan untuk Mematuhi Undang-undang Kerahsiaan Data;
- Cadangan mengenai Semakan Dasar Perbelanjaan Operasi KWAP dalam Dasar dan Garis Panduan Kewangan;
- Cadangan untuk Meluluskan Rombakan Piagam Lembaga KWAP;
- Cadangan mengenai Semakan Dasar dan Prosedur Imbuan bagi KWAP;
- Kelulusan Fasa 2 Pelaksanaan Rombakan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan;
- Cadangan untuk Melantik Vendor bagi Sistem Urus Persaraan Sektor Awam (SUPER);
- Kelulusan bagi Dasar mengenai Penggunaan Tandatangan Digital dan Tandatangan Elektronik;
- Cadangan untuk Semakan Strategi Ganjaran Keseluruhan dan Pelaksanaan Pelarasan Gaji bagi KWAP;
- Kelulusan mengenai Dasar dan Prosedur Perlindungan Data Peribadi KWAP;
- Kelulusan bagi Dasar Pihak Berkuasa Melulus bagi KWAP untuk mengadakan Perjanjian; dan
- Kelulusan bagi Semakan Dasar Pengurusan Kesyukuran Perniagaan.

Selain daripada kertas kerja kelulusan, pihak Lembaga KWAP juga membincangkan laporan-laporan yang dibentang bagi pemberitahuan mengikut bulanan atau suku tahunan seperti berikut:

- Pemberitahuan tentang laporan-laporan prestasi dan aktiviti aktiviti pelaburan;
- Pemberitahuan tentang laporan-laporan kewangan;
- Pemberitahuan tentang status portfolio bon korporat tidak bertaraf dan pinjaman KWAP;
- Pemberitahuan tentang ulasan prestasi Jabatan Perkhidmatan Persaraan;
- Laporan caruman pencen suku tahunan; dan
- Pelaporan suku tahunan syarikat-syarikat subsidiari milik penuh KWAP.

### PANEL PELABURAN

**Akta ini juga memerlukan penubuhan Panel Pelaburan, badan yang bertanggungjawab bagi hal-hal berkenaan dengan pelaburan dana, diwujudkan di bawah Seksyen 7(1) Akta KWAP. Ia berfungsi untuk memberi hala tuju tentang hal-hal pelaburan serta menentukan dan meluluskan dasar dan garis panduan pelaburan, dasar tentang pengurusan risiko, pengagihan aset dan hala tuju strategik tentang pelaburan.**

### KOMPOSISI PANEL PELABURAN

Panel pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut, sebagaimana ditetapkan dalam Seksyen 7(2) Akta, dan akan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi yang juga merupakan Pengerusi Lembaga atau seorang individu lain yang mungkin dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta KWAP);
- (ii) Wakil daripada Kementerian Kewangan (Seksyen 7(2)(c) Akta KWAP);
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan menjadi Setiausaha Panel Pelaburan (Seksyen 7(2)(a) Akta KWAP); dan
- (iv) Empat (4) orang individu lain daripada sektor awam atau swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta KWAP).

Profil ringkas bagi setiap Ahli Panel Pelaburan dibentang pada muka surat 46 hingga 48 dalam Laporan Tahunan ini.



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### TUGAS UTAMA DAN TANGGUNGJAWAB PANEL PELABURAN

Panel pelaburan ditadbir oleh Seksyen 7(1) Akta ini dan bertanggungjawab terutamanya bagi meluluskan hala tuju strategik KWAP berkaitan dengan semua hal-hal pelaburan termasuk strategi dasar pelaburan, garis panduan dan pengagihan aset, serta hala tuju atau keputusan-keputusan untuk semua cadangan-cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan akan melaporkan aktiviti-aktivitinya kepada Lembaga dan akan bertindak mengikut dasar umum yang mungkin dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

### MESYUARAT PANEL PELABURAN

Pada tahun kewangan 2021, 12 mesyuarat Panel Pelaburan dan tiga mesyuarat Panel Pelaburan Khas telah diadakan. Ringkasan kehadiran mesyuarat Ahli-ahli Panel Pelaburan dibentangkan seperti dalam jadual berikut:

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YBhg. Dato' Mohamad Nasir Bin Ab Latif – Pengerusi <i>*Tidak hadir Mesyuarat Khas IP No. 1/2021 disebabkan oleh konflik kepentingan (*Dilantik pada 1 Mac 2021)</i>	12/13*
2.	YBrs. Encik Mohammad Reezal Bin Ahmad <i>(*Dilantik pada 1 Mac 2021)</i>	12/13*
3.	YBhg. Dato' Noorazman Bin Abd Aziz	12/15
4.	YBhg. Dato' Mohamed Ross Bin Mohd Din <i>(*Dilantik pada 1 Mac 2021)</i>	12/13*
5.	YBrs. Encik Mohammed Nazri Bin Omar	14/15
6.	YBrs. Encik Anthony Lim Choon Eng <i>(*Dilantik pada 1 Mac 2021)</i>	13/13*
7.	YBrs. Puan Nik Amlizan Mohamed	15/15
8.	YBrs. Encik Mohd Rashid Bin Mohamad – Pengerusi <i>(*Tamat perkhidmatan pada 28 Februari 2021)</i>	2/2*
9.	YBrs. Cik Azah Hanim Binti Ahmad <i>(*Tamat perkhidmatan pada 28 Februari 2021)</i>	2/2*
10.	YBrs. Encik Chen Yin Heng <i>(*Tamat perkhidmatan pada 28 Februari 2021)</i>	1/2*
11.	YBrs. Encik Ahmad Faris Bin Rabidin <i>(*Tamat perkhidmatan pada 28 Februari 2021)</i>	2/2*

### JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga menjalankan tugasnya, pihak Lembaga telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa untuk mengawasi hal-hal khusus berkaitan dengan operasi KWAP, iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Integriti dan Risiko (yang telah dipisahkan kepada Jawatankuasa Integriti Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga berkuat kuasa 2 Februari 2021), Jawatankuasa Lembaga Imbuan dan Pencalonan dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga diberikan kuasa untuk bertindak bagi pihak Lembaga menurut Terma Rujukan yang disediakan dalam Piagam Lembaga.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, pelbagai perkara telah dibincangkan, disahkan, diluluskan dan dicadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Susulan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga memberi pihak Lembaga ringkasan keputusan utama, perkara-perkara perbincangan dan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga serta mesyuarat-mesyuarat Panel Pelaburan telah dibentangkan kepada pihak Lembaga untuk makluman. Oleh itu, ahli-ahli bukan jawatankuasa sentiasa dimaklumkan dengan usaha yang dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga.

Di samping Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga ini, Lembaga telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Tatatertib Lembaga pada 2020.

### JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) telah ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan penguatkuasaan kawalan dalaman dan sistem KWAP.

### KEAHLIAN

Sehingga kini, BAC terdiri daripada empat orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah – Pengerusi;
- (ii) YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa – Ahli;
- (iii) YBrs. Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin – Ahli;
- (iv) YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofianyy Binti Syed Hussain – Ahli (dilantik pada 8 Mac 2021); dan
- (v) YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak - Ahli (tempoh perkhidmatan tamat pada 28 Februari 2021).

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### KEAHLIAN (SAMBUNGAN)

YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Sebanyak empat mesyuarat BAC dan empat mesyuarat Khas BAC telah diadakan sepanjang 2021.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BAC:

#### (i) Penyata Kewangan

- (a) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan peraturan kewangan, peraturan perakaunan dan dasar-dasar dan amalan-amalan yang diterima pakai oleh KWAP;
- (b) Untuk mengkaji semula Penyata Kewangan Disatukan tahunan Kumpulan dan KWAP dengan Pengurusan dan juruaudit luar untuk mengesyorkannya kepada Lembaga bagi tujuan kelulusan; dan
- (c) Untuk mengkaji semula perubahan kepada prosedur kewangan.

#### (ii) Audit Dalaman

- (a) Untuk mengkaji semula dan membincang skop dan sifat perancangan audit dalaman dan luaran dan memastikan penyelarasan pendekatan dalam kalangan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran;
- (b) Untuk mengkaji semula laporan audit dijalankan ke atas KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari oleh juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran dan memastikan Pengurusan mengambil tindakan pembetulan yang perlu tepat pada masa untuk menangani kelemahan dalaman dan ketidakpatuhan undang-undang, keperluan kawal selia, dasar-dasar dalaman dan prosedur dalaman;
- (c) Untuk meluluskan dan mengesyorkan pelantikan, pemindahan, pembaharuan dan penamatan kontrak Ketua Jabatan Audit Dalaman kepada BRNC sebelum kelulusan muktamad Lembaga;
- (d) Untuk mengkaji semula dan meluluskan cadangan Kad Skor Jabatan Audit Dalaman bagi penilaian prestasi tahunan;
- (e) Untuk menaksir dan meluluskan prestasi Ketua Jabatan Audit Dalaman;

- (f) Untuk meluluskan dan mencadang imbuhan Ketua Jabatan Audit Dalaman kepada BRNC untuk perbincangan sebelum kelulusan muktamad Lembaga;
- (g) Untuk kelulusan Piagam Audit Dalaman dan Pelan Audit Dalaman berasaskan risiko;
- (h) Untuk memastikan fungsi audit dalaman telah memperbetulkan kedudukan KWAP dan mempunyai kuasa yang perlu, sumber dan kecekapan untuk melaksanakan kerja-kerjanya;
- (i) Untuk mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman, dengan menerima pengemaskinian berjadual tentang prestasi aktiviti audit berbanding perancangannya termasuk pematuhan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman (IPPF) untuk Pengauditan Dalaman; dan
- (j) Untuk mengkaji semula dan meluluskan sebarang perubahan utama untuk proses dan kaedah audit.

#### (iii) Kawalan Dalaman

- (a) Untuk menyediakan penilaian bebas terhadap kecukupan dan keutuhan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman serta pematuhan polisi risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan kawal selia.

#### (iv) Tanggungjawab-tanggungjawab lain

- (a) Untuk kerap berbincang dengan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau pembekal perkhidmatan perunding dan jaminan luaran hal-hal lain yang mereka ingin bincang (tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekiranya perlu);
- (b) Untuk mempertimbang penemuan utama penyiasatan dalaman dan tindak balas Pengurusan;
- (c) Untuk menyediakan pengawasan penyiasatan khas untuk dijalankan oleh juruaudit dalaman atau pihak bebas; dan mengkaji semula hasil penyiasatan;
- (d) Untuk mempertimbang transaksi pihak lain yang mungkin timbul dalam KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbang isu-isu lain sebagaimana ditakrif oleh Lembaga.

Juruaudit luaran KWAP adalah Ketua Audit Negara menurut Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### KEHADIRAN MESYUARAT BAC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah <i>Pengerusi</i>	8/8
2.	YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa	6/8
3.	YBrs. Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd. Zainuddin	7/8
4.	YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain <i>(*Dilantik pada 31 Mac 2021)</i>	5/5*
5.	YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak <i>(*Tempoh perkhidmatan tamat pada 28 Februari 2021)</i>	2/2*

### RINGKASAN AKTIVITI BAC:

Antara perkara-perkara utama dibincang oleh BAC pada tahun 2021 adalah:

- Penyata Kewangan Disatukan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020;
- Perancangan Audit Dalam 2021;
- Keputusan kad Skor Jabatan Audit Dalam 2020;
- Laporan Aktiviti Audit; dan
- Kajian semula audit dalaman dan isu audit beberapa jabatan dalam KWAP.

### JAWATANKUASA LEMBAGA INTEGRITI DAN RISIKO

**Jawatankuasa Lembaga Integriti dan Risiko (BIRC) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsinya berhubung dengan pengurusan risiko. Memasukkan "Integriti" dalam nama jawatankuasa mengawasi dan memantau fungsi Pejabat Integriti dan Tadbir Urus KWAP.**

Lembaga KWAP telah meluluskan pengasingan BIRC kepada dua Jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Lembaga Integriti dan Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan pada Mesyuarat Lembaga No. 1/2021, yang diadakan pada 2 Februari 2021. Ia bagi mengasingkan dua fungsi dan pengendalian mesyuarat dengan jelas.

### KEAHLIAN

BIRC terdiri daripada dua orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan seorang ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak – Pengerusi (tempoh perkhidmatan tamat pada 28 Februari 2021).
- YM Raja Teh Maimunah Binti Raja Abd Aziz - Ahli

Satu mesyuarat Khas BIRC telah diadakan pada Januari 2021, sebelum pemisahan BIRC.

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak <i>Pengerusi</i> <i>(*Tempoh perkhidmatan tamat pada 28 Februari 2021)</i>	1/1*
2.	YM Raja Teh Maimunah Binti Raja Abd Aziz	1/1

### JAWATANKUASA LEMBAGA INTEGRITI

**Jawatankuasa Lembaga Integriti (BIC) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam mengawasi pelaksanaan integriti dan fungsi tadbir urus dalam KWAP, memantau isu berkaitan, dan memastikan langkah yang mencukupi untuk integriti dan tadbir urus yang baik dalam organisasi.**

### KEAHLIAN

Sehingga kini BIC terdiri daripada empat ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman - Dilantik pada 8 Mac 2021;
- YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa - Dilantik pada 8 Mac 2021
- YBhg. Datuk Siti Zainab Binti Omar - Dilantik pada 8 Mac 2021; dan
- YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin – Dilantik pada 8 Mac 2021

Tiga mesyuarat BIC dan satu mesyuarat khas BIC telah diadakan sepanjang tahun 2021.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BIC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BIC:

#### Integriti dan Tadbir Urus

- (i) Menyemak dan meluluskan rangka kerja, strategi, rancangan, dasar, prosedur dan perkara lain yang berkaitan dengan fungsi integriti dan tadbir urus dan, jika berkenaan, mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (ii) Memantau keseluruhan isu sogokan, penipuan, rasuah dan tatalaku tidak beretika dalam organisasi;
- (iii) Memastikan wujudnya langkah-langkah yang mencukupi untuk pencegahan rasuah, integriti dan tadbir urus yang baik dalam KWAP;
- (iv) Mengawasi pelaksanaan fungsi integriti dan tadbir urus dalam KWAP demi mencapai objektif mereka;
- (v) Menyediakan pengawasan berkenaan dengan pelantikan, penyingkiran, prestasi dan imbuhan Ketua Pejabat Integriti dan Tadbir Urus; dan
- (vi) Mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga.

### KEHADIRAN MESYUARAT BIC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman <i>Pengerusi</i>	4/4
2.	YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa	4/4
3.	YBhg. Datuk Siti Zainab Omar	4/4
4.	YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin	3/4

### RINGKASAN AKTIVITI BIC:

Isu-isu utama yang dibincangkan oleh BIC pada tahun 2021 ialah:

- Cadangan mengenai Kad Skor 2021 bagi Pejabat Integriti dan Tadbir Urus;
- Cadangan mengenai Papan Pemuka bagi Pematuhan kepada Garis Panduan mengenai Kecukupan Prosedur;
- Cadangan mengenai Dasar Antisogokan dan Rasuah; dan
- Cadangan mengenai Inisiatif Pejabat Integriti dan Tadbir Urus bagi 2022.

### JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO DAN PEMATUHAN

Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan (BRCC) telah ditubuhkan untuk membantu ahli Lembaga melaksanakan fungsinya untuk merumus dan melaksanakan strategi pengurusan risiko, menentukan selera risiko, meluluskan rangka kerja pengurusan risiko, dasar dan had, mengkaji semula pendedahan risiko dan memantau keseluruhan pengurusan risiko.

### KEAHLIAN

Sehingga kini, BRCC terdiri daripada empat orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain – Pengerusi;
- (ii) YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah - Ahli
- (iii) YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohd Zahid - Ahli
- (iv) YM Raja Teh Maimunah Binti Raja Abd Aziz - Ahli
- (v) YBrs. Encik Mohd Ismadi Bin Ishak – Pengerusi (tempoh perkhidmatan tamat pada 28 Februari 2021)

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BRCC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRCC:

#### Pengurusan Risiko

- (i) Menentukan tahap penerimaan risiko dan mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (ii) Mengkaji semula rangka kerja dan dasar pengurusan risiko dan pematuhan serta mengesyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (iii) Mengkaji semula pengurusan risiko dan garis panduan pematuhan;
- (iv) Meluluskan had risiko dan memaklukkannya kepada Lembaga jika perlu;
- (v) Memastikan proses pematuhan yang berkesan (untuk kawalan luaran dan dalaman) dengan mengesyorkan kawalan untuk risiko yang wujud dalam produk, aktiviti, proses dan sistem;
- (vi) Meluluskan Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM);
- (vii) Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia mencukupi untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko bagi pengurusan risiko yang berkesan dalam KWAP;
- (viii) Mengkaji pendedahan risiko KWAP dan kawalan pengurangannya; dan
- (ix) Mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### RINGKASAN AKTIVITI BRCC:

Isu-isu utama yang dibincangkan oleh BRCC pada tahun 2021 ialah:

- Cadangan untuk Kawalan Risiko Pasaran;
- Cadangan untuk Kawalan Risiko Kredit;
- Cadangan untuk Kawalan Risiko Ekuiti Persendirian;
- Cadangan untuk Kawalan Risiko Pelaburan Hartanah (PI);
- Cadangan untuk Dasar dan Pemberitahuan Risiko Pelaburan Hartanah (PI) Garis Panduan Risiko PI;
- Cadangan Dasar dan Pemberitahuan Risiko Pelaburan Pembangunan Hartanah (PDI) Garis Panduan Risiko PDI;
- Kelulusan Pelaksanaan Langkah-Langkah yang Disyorkan untuk Mematuhi Undang-undang Privasi Data;
- Cadangan Kemas Kini Polisi Penyata Tahap Penerimaan Risiko RAS;
- Cadangan bagi Kemas kini Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Penipuan;
- Cadangan untuk Meluluskan Kemas Kini Dasar Pengurusan Risiko Operasi;
- Semakan Rangka Kerja dan Proses ERM KWAP serta Kelulusan kepada penggunaan ISO 31000-2018;
- Kelulusan bagi Dasar Penggunaan Tandatangani Digital dan Tandatangani Elektronik;
- Kelulusan bagi Dasar dan Prosedur Perlindungan Data Peribadi KWAP; dan
- Kelulusan bagi Dasar Kuasa Kelulusan untuk KWAP Memasuki Perjanjian.

### JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN

**Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (BNRC) ditubuhkan untuk membantu Lembaga menjalankan fungsi, dengan tanggungjawab utamanya untuk mewujudkan rangka kerja dasar berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan Pengurusan dan kakitangan KWAP dan mengesyorkan kepada Lembaga prestasi berkaitan imbuhan kakitangan.**

### KEAHLIAN

Sehingga kini, BNRC terdiri daripada empat orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) YBrs. Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd. Zainuddin - Pengerusi
- (ii) YBhg. Dato' Azmi Bin Abdullah – Ahli
- (iii) YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid – Ahli
- (iv) YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin – Ahli

Lima mesyuarat BNRC dan empat mesyuarat khas BNRC diadakan sepanjang tahun 2021.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BNRC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BNRC:

#### Tanggungjawab Utama

- (i) Untuk mewujudkan rangka kerja dasar yang berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan pegawai dan kakitangan KWAP dan mengesyorkan kepada Lembaga prestasi berkaitan imbuhan kakitangan KWAP;
- (ii) Untuk membuat cadangan kepada Lembaga mengenai dasar KWAP berkaitan imbuhan eksekutif, termasuk menentukan pakej imbuhan khusus dan syarat pekerjaan (termasuk hak pensen) dan menentukan pengaturan insentif prestasi untuk eksekutif kanan tertentu;
- (iii) Untuk membangunkan dasar, mengamalkan dan mengesyorkan cadangan yang sesuai bagi memudahkan pengambilan, pengekalan dan pemberhentian Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (KPE Kumpulan)/Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan Pengurusan Kanan serta tempoh perkhidmatan;
- (iv) Untuk menyemak objektif, matlamat dan penilaian prestasi KPE Kumpulan/KPE; dan
- (v) Untuk menentukan tahap dan pakej imbuhan KPE Kumpulan/KPE dan Pengurusan Kanan bagi memastikan bahawa KWAP menarik dan mengekalkan KPE Kumpulan/KPE dan Pengurusan Kanan berkaliber yang sesuai, berpengalaman dan berkualiti yang diperlukan untuk meneraju KWAP dengan jayanya. Tahap dan pakej imbuhan hendaklah distrukturkan agar dapat menghubungkan ganjaran dengan prestasi korporat dan individu.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BNRC (SAMBUNGAN)

#### Sumber Manusia

- (i) Untuk mengesyorkan keperluan minimum berkaitan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain kakitangan KWAP;
- (ii) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan kakitangan KWAP;
- (iii) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula kod tatalaku dan tata tertib kakitangan KWAP;
- (iv) Untuk mengesyorkan mekanisme untuk penilaian formal keberkesanan kakitangan KWAP;
- (v) Untuk mengesyorkan kenaikan pangkat kakitangan KWAP;
- (vi) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai pelantikan, kenaikan pangkat pihak Pengurusan Kanan Kumpulan KWAP;
- (vii) Untuk mempertimbang pelan penggantian KPE Kumpulan/KPE dan Pengurusan Kanan;
- (viii) Untuk mengesyorkan penggantian KPE Kumpulan/KPE dan/atau Pengurusan Kanan sekiranya mereka didapati tidak efektif, menyeleweng atau cuai dalam melaksanakan tugas;
- (ix) Untuk menentukan imbuhan dan terma-terma perjawatan KPE Kumpulan/KPE;
- (x) Untuk menentukan kontrak prestasi dan sasaran serta struktur imbuhan bagi KPE Kumpulan/KPE, dan untuk menilai prestasi KPE Kumpulan/KPE berbanding sasaran ini;
- (xi) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja imbuhan bagi KPE Kumpulan/KPE dan Pengurusan Kanan. BNRC mungkin memperoleh nasihat profesional bebas dan maklumat lain yang diperlukan dalam menentukan rangka kerja;
- (xii) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga bagi kelulusan sebarang cadangan imbuhan dan manfaat kepada KPE Kumpulan/KPE dan Pengurusan Kanan (jika ada) termasuk kontrak perkhidmatan dan pembayaran pampasan;
- (xiii) Untuk mewujudkan prosedur telus dan formal bagi pembangunan dasar tentang imbuhan bagi KPE Kumpulan/KPE dan Pengurusan Kanan (jika ada) dan bagi menetapkan pakej imbuhan individu;
- (xiv) Untuk mengkaji semula semua manfaat dan kelayakan KPE Kumpulan/KPE dan Pengurusan Kanan (jika ada) Kumpulan KWAP;
- (xv) Untuk mempertimbang komitmen pampasan/pembayaran pemberhentian bagi KPE Kumpulan/KPE apabila berlaku penamatan awal pekerjaan/kontrak perkhidmatan;

- (xvi) Untuk mencadangkan pencalonan dan pelantikan mana-mana jawatan yang melapor kepada KPE Kumpulan/KPE; dan
- (xvii) Untuk mempertimbang isu-isu lain yang ditakrif oleh Lembaga.

#### Fungsi Lain

- (i) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga berkaitan rangka kerja atau dasar meluas bagi imbuhan KPE Kumpulan/KPE serta pengurusan kanan syarikat atau Kumpulan sebagaimana BNRC diperuntukkan untuk membuat pertimbangan. Penetapan mengenai pakej imbuhan akan dibincangkan oleh Lembaga dan individu-individu yang berkenaan akan dielakkan daripada perbincangan mengenai imbuhan mereka.
- (ii) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga sebarang skim bayaran berpandukan prestasi bagi KWAP;
- (iii) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga dasar dan skop perjanjian perkhidmatan eksekutif serta pembayaran pemberhentian dan pampasan;
- (iv) Untuk mengawasi sebarang perubahan besar berkaitan warga kerja KWAP;
- (v) Untuk mempertimbangkan dan mengkaji perkara relevan yang dianggap sesuai oleh BNRC; dan
- (vi) Untuk menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga berkaitan rangka kerja, atau dasar meluas serta cadangan pakej imbuhan seperti elaun, faedah, honorarium ganjaran, dan pampasan untuk ahli Panel Pelaburan dan Lembaga. Dasar atau rangka kerja yang berkaitan dengannya hendaklah didokumenkan dan sebarang perubahan kepadanya hendaklah tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan akhirnya Menteri Kewangan.

#### KEHADIRAN MESYUARAT BNRC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YBrs. Puan Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin	9/9
2.	YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah	9/9
3.	YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid	8/9
4.	YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Haji Mohd Nordin	9/9

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### RINGKASAN AKTIVITI BNRC:

Antara cadangan-cadangan dibincang dan disahkan oleh BNRC pada tahun 2021 adalah:

- Pencapaian Kad Skor Korporat KWAP bagi tahun 2020;
- Pembayaran Bonus 2020 dan Kenaikan Gaji Tahunan 2021;
- Cadangan untuk mengecualikan KWAP daripada Akta Badan Berkanun (Disiplin & Surcaj) 2000;
- Cadangan mengenai Kelulusan Struktur Organisasi bagi KWAP;
- Cadangan tentang Dasar Imbuan dan Prosedur bagi KWAP yang disemak semula;
- Cadangan mengenai Semakan Strategi Ganjaran Keseluruhan dan Pelaksanaan Pelarasan Gaji bagi KWAP; dan
- Pembaharuan beberapa kontrak pekerjaan Ketua Jabatan di KWAP.

### JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya berkaitan dengan penilaian cadangan perolehan.

### KEAHLIAN

Sehingga kini, BPC terdiri daripada empat orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) YBhg. Datuk Siti Zainab Binti Omar – Pengerusi;
- (ii) YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohd Zahid – Ahli;
- (iii) YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain – Ahli (Dilantik pada 8 Mac 2021); dan
- (iv) YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin – Ahli.

Pada tahun 2021, tiga mesyuarat BPC dan satu mesyuarat Khas BPC telah diadakan untuk membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai cadangan perolehan di dalam had bidang kuasanya.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BPC:

Berikut adalah antara tugas dan tanggungjawab BPC:

- (i) Untuk mengkaji semula pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen

tender (sekiranya perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;

- (ii) Untuk memastikan yang proses perolehan mematuhi kesemua etika, dasar dan prosedur perolehan;
- (iii) Untuk mengkaji semula keupayaan teknikal dan kewangan petender. Semasa penilaian dilakukan, cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu, diikuti dengan cadangan kewangan;
- (iv) Untuk mempertimbangkan dan mengesyorkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk/barangan dan/atau perkhidmatan, tempoh penyerahan atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan; dan
- (v) Untuk membuat keputusan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, sekiranya BPC mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyorki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender.

### KEHADIRAN MESYUARAT BPC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YBhg. Datuk Siti Zainab Binti Omar <i>Pengerusi</i>	4/4
2.	YBrs. Encik Adnan Zaylani Bin Mohd Zahid <i>(*Dilantik pada 8 Mac 2021)</i>	3/3*
3.	YBhg. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain <i>(*Dilantik pada 8 Mac 2021)</i>	2/3*
4.	YBrs. Encik Abdul Rahman Bin Haji Mohd Nordin	4/4

### PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI-AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Seperti yang ditetapkan di bawah Akta KWAP, Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, ahli-ahli layak untuk dilantik semula. Imbuan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2021, ahli Lembaga telah menerima imbuan sebanyak RM848,000 dan Panel Pelaburan pula sebanyak RM532,200.

# MENINGKATKAN TADBIR URUS, ETIKA DAN INTEGRITI

## PENCAPAIAN UNDANG-UNDANG DAN KESETIAUSAHAAN

Menyedari kepentingan mempunyai struktur tadbir urus yang wajar berkaitan dengan e-tandatangan dan tandatangan digital, KWAP telah mewujudkan Garis Panduan penggunaan e-Tandatangan yang telah diluluskan oleh EXCO pada Mei 2021. Garis panduan tersebut diperkenalkan untuk mentadbir penggunaan e-tandatangan untuk dokumen dalaman apabila tandatangan fizikal tidak mungkin diperolehi seperti yang berlaku semasa tempoh sekatan pergerakan.

Seterusnya, satu dasar seluruh kumpulan yang dinamakan "Dasar Penggunaan Tandatangan Digital dan e-Tandatangan" telah dirumus untuk mentadbir penggunaan e-tandatangan dan tandatangan digital bagi dokumen dalaman serta dokumen lain yang mengikat secara sah dengan rakan niaga luar. Dasar ini telah diluluskan oleh Lembaga pada Oktober 2021.

Satu lagi kejayaan yang dicapai pada tahun 2021 adalah apabila Lembaga meluluskan Dasar Perlindungan Data Peribadi KWAP (Dasar PDP KWAP) yang pertama pada 15 Disember 2021. Dasar PDP KWAP merupakan manifestasi keazaman KWAP untuk memastikan pematuhan bukan sahaja terhadap keperluan undang-undang privasi data tempatan kami tetapi juga dengan keperluan di UK dan *General Data Protection Regulation* (GDPR) *European Union* (EU).

KWAP juga telah menerima kelulusan Lembaga pada 15 Disember 2021 untuk polisi pertama mengenai kelulusan bagi Dasar Kuasa Kelulusan untuk KWAP Memasuki Perjanjian. Dasar ini bertujuan untuk memastikan kecekapan operasi KWAP dan mempunyai pendekatan seragam dengan melaksanakan kawalan yang betul melalui kelulusan bersesuaian yang diperlukan untuk pelbagai perjanjian dalam KWAP.

KWAP telah berjaya menjalankan sebanyak 142 mesyuarat yang merangkumi mesyuarat Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan. Pasukan ini juga telah menyelesaikan penyeragaman Terma Rujukan (TOR) lima Jawatankuasa Pengurusan, iaitu Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Risiko, Jawatankuasa Sumber Manusia dan Jawatankuasa Perolehan.

**Satu lagi pencapaian oleh KWAP adalah semakan semula Piagam Lembaga dan Panel Pelaburan KWAP yang telah diluluskan oleh Lembaga pada 28 Jun 2021. Semakan terakhir dibuat kepada Piagam Lembaga adalah pada 2019. Semakan kepada Lembaga dan Piagam Panel Pelaburan adalah untuk memastikan bahawa struktur tadbir urus dalam Lembaga dan Panel Pelaburan kekal relevan dalam melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.**

Tempoh sekatan pergerakan juga menyaksikan permulaan inisiatif penyelesaian mesyuarat tanpa kertas yang bermula pada 17 Mac 2021 di mana penggunaan pertamanya adalah ketika mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan No.5/2021. Sistem "Go-Live" dijalankan sebulan lebih cepat daripada sasaran awal tarikh "Go Live". Projek ini telah mencapai objektifnya untuk melaksanakan penyelesaian selamat mesyuarat tanpa kertas untuk mesyuarat Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan Mesyuarat Panel Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan dalam portfolio pasukan melalui platform pusat melalui iPad, peranti Windows dan Android. Ini telah membolehkan akses bagi menambah baik keseluruhan penyelesaian mesyuarat tanpa kertas.

KWAP juga telah berjaya memperkenalkan Dasar Insurans Liabiliti Pengarah dan Pegawai bagi Kumpulan KWAP (Dokumen Dasar D&O) yang mendapat kelulusan Lembaga pada 28 April 2021. Dokumen Dasar D&O bertujuan untuk menyediakan penjelasan mengenai Dasar Insurans D&O di KWAP dan subsidiarinya.

Menyedari tanggungjawab ahli Lembaga kami dan dan Lembaga Pengarah syarikat pembangunan hartanah kami, KWEST Sdn Bhd yang semakin meningkat, KWAP juga telah menjalankan kajian semula mengenai imbuhan yang sesuai untuk Lembaga KWAP dan Lembaga Pengarah KWEST dan semakan telah mendapat kelulusan Lembaga pada 26 November 2021.



# MENGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

## PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Sepanjang 15 tahun yang lalu, sejajar dengan pengembangan peranan KWAP dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, profil risiko KWAP turut berkembang dari segi saiz dan kerumitan dalam organisasi. KWAP telah memberi penekanan tinggi dalam membina kapasiti dan keupayaan pengurusan risiko sepanjang tahun.

Dalam menguruskan risiko, KWAP mematuhi model tiga baris pertahanan di mana:

- (i) Tanggungjawab utama, atau barisan pertahanan pertama, adalah dengan unit perniagaan individu;
- (ii) Barisan pertahanan kedua terdiri daripada fungsi pengurusan risiko, pematuhan dan kawalan; dan
- (iii) Barisan pertahanan ketiga ialah fungsi audit dalaman.

Kami kekal berhemat dalam pengurusan risiko aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan kami, berpandukan arahan daripada pihak atasan seperti dinyatakan dalam Penyata Selera Risiko KWAP.

## PENYATA RISIKO

1

Lembaga dan Panel Pelaburan mempunyai pengawasan dan tanggungjawab umum ke atas Dana dan meluluskan Penyata Selera Risiko yang dibentangkan sebagai pernyataan tahap tinggi, luas, berasaskan prinsip untuk menyokong sifat risiko KWAP yang kompleks, tidak tetap, dinamik, dan bertindih. Panel Pelaburan bertanggungjawab ke atas keputusan pelaburan KWAP sementara Lembaga bertanggungjawab terhadap tahap risiko keseluruhan yang diambil oleh KWAP. Panel Pelaburan dan Lembaga KWAP akan mengambil maklum tentang hal ini apabila menjalankan aktiviti.

2

Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa terdapat keperluan untuk mengurus pelaburan Dana secara aktif dengan matlamat untuk mengembangkan saiz dana, mencapai pulangan pelaburan yang diselaraskan risiko yang mampan sementara memastikan perlindungan dan kecukupan kecairan di dalam portfolio Dana. Matlamat ini perlu dicapai menerusi strategi pelaburan yang dinamik, diimbangi oleh amalan pengurusan risiko yang mantap, ditambah dengan keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dengan selera risiko. Risiko ini harus dilaporkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berkala.

3

Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa wujudnya kesanggupan dan keupayaan mengambil risiko. Tahap risiko yang sanggup diambil oleh KWAP perlu mengambil kira objektif strategik, jangkaan pemegang berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan. Ini dinilai dan dipertimbangkan dalam Alokasi Aset Strategik, Strategi Pelaburan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko.

4

Lembaga dan Panel Pelaburan menyatakan bahawa KWAP hanya boleh mengambil risiko yang dapat dinilai dan diuruskan secara munasabah, maka risiko sedemikian, secara keseluruhan dan dalam pengurusan perniagaan harian, tidak akan menyebabkan kerugian kewangan ketara atau penjejasaan bukan kewangan ketara dan mengakibatkan Dana gagal memenuhi objektif strategiknya.

5

Bagi portfolio pelaburannya, pilihan kelas aset, strategi pelaburan dan instrumen pelaburan KWAP adalah berpandukan prinsip-prinsip utama berikut:

- Tahap munasabah yang tinggi dalam keyakinan bagi memelihara nilai modal
- Tahap munasabah yang tinggi bagi kecairan aset atau portfolio aset
- Pulangan pelaburan diselaraskan risiko yang munasabah

6

Kemampuan KWAP untuk mengambil risiko dan tahap risiko perlu disesuaikan dengan keupayaan dalaman KWAP bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Di mana perlu dan jika dikehendaki, KWAP akan mendapat kepakaran daripada pihak luar. KWAP harus terus berusaha meningkatkan keupayaan dalaman dan mengembangkan kapasiti melalui peningkatan set kemahiran, pengetahuan, teknologi dan sumber-sumber lain.

7

KWAP akan menasaskan untuk menyelaraskan tahap jumlah dana risiko dengan Portfolio Rujukan daripada 50% Ekuiti Malaysia dan 50% Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili sasaran risiko pasif KWAP.

8

KWAP akan menasaskan untuk menghadkan jumlah tahap dana risiko kepada Portfolio Rujukan sebanyak 60% Ekuiti Malaysia dan 40% Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili jumlah had risiko KWAP (iaitu kedua-dua risiko pasif dan aktif).

9

KWAP menerima bahawa ia sepatutnya mempunyai tidak kurang daripada 50% peluang untuk mencapai gaji inflasi sepanjang lima tahun, dan KWAP menerima bahawa ia sepatutnya mempunyai tidak kurang daripada 75% peluang melebihi inflasi dalam tempoh yang sama.

## MENGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

*Risk Appetite Statement* (RAS) mentakrifkan sikap menyeluruh KWAP terhadap aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, serta membimbing strategi KWAP dan proses membuat keputusan. RAS juga menetapkan kemampuan dan keupayaan KWAP untuk mengambil risiko dalam konteks objektif pelaburan dan toleransi risiko dengan mengenal pasti perkara-perkara berikut:

Matlamat jangka panjang Dana, iaitu untuk memenuhi liabiliti pencen pentadbiran.	Pengawasan dan tanggungjawab Lembaga terhadap risiko yang diambil oleh Dana.	Keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dan risiko.
Pertimbangan penting dalam kesediaan dan keupayaan untuk mengambil risiko seperti objektif strategik, jangkaan pihak berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan.		
Keperluan pelaporan risiko berkala kepada Lembaga dan Panel Pelaburan.	Kriteria utama untuk aktiviti pelaburan seperti keselamatan, kecairan dan risiko pulangan diselaraskan yang munasabah.	Keperluan bagi KWAP untuk terus meningkatkan kapasiti dalaman dan keupayaan mengurus risiko.

RAS dilengkapi dengan struktur tadbir urus yang teguh dengan garis pelaporan bebas antara unit yang mengambil risiko dan "kawalan". Ia dipertingkatkan lagi dengan beberapa siri prinsip panduan, iaitu:

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi	Dasar Penyata Selera Risiko	Dasar Pengurusan Risiko	Garis Panduan Risiko	Prosedur Operasi Standard Jabatan
---	-----------------------------	-------------------------	----------------------	-----------------------------------

KWAP melabur dalam modal insan, mempunyai dasar yang jelas dan memastikan proses operasi yang kukuh dan berhemat dengan pelaburan yang besar dalam sistem untuk memastikan kawalan dan automasi yang mencukupi. Kawalan tadbir urus yang tersedia memastikan pemisahan garis pelaporan antara jabatan di KWAP untuk menghalang konflik kepentingan dan integriti fungsi-fungsi yang berbeza.

Garis pelaporan tersebut adalah seperti berikut:

Jabatan yang berkaitan dengan pelaburan seperti Ekuiti, Pendapatan Tetap, Ekuiti Persendirian, Pelaburan Hartanah, Penyelidikan dan Strategi Portfolio melapor terus kepada Ketua Pegawai Pelaburan	Jabatan-jabatan yang berkaitan korporat seperti Undang-undang & Kesetiausahaan, Korporat Strategi & Prestasi dan Sumber Manusia melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Eksekutif	Audit Dalaman, Pejabat Integriti & Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko dan Pematuhan melapor kepada Jawatankuasa Lembaga masing-masing dan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif	Fungsi kawalan dan jabatan operasi seperti Teknologi Maklumat, Caruman, Hal Ehwal Korporat, Akaun & Perkhidmatan Pengurusan, Perkhidmatan Sokongan Pelaburan dan Perkhidmatan Persaraan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Operasi
---	--	--	--

## MENGGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### AKTIVITI-AKTIVITI PADA TAHUN 2021

#### Ceramah Kesedaran dan Amalan Pengurusan Risiko dalam KWAP

- Meningkatkan kesedaran risiko dan mengemas kini organisasi dan kakitangan tentang perkembangan dan amalan terbaik merentasi semua aspek telah menjadi aktiviti tetap di KWAP.
- Menganjurkan Latihan Pengarah Risiko Berkelayakan dan Program Pensijilan (QRD) untuk Lembaga, ahli Panel Pelaburan serta pengurusan kanan terpilih KWAP dan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat bersekutu KWAP sejak 2020.
- QRD terdiri daripada siri latihan yang memberi tumpuan kepada pengurusan risiko, untuk memastikan Lembaga dan ahli Panel Pelaburan dilengkapi dengan menyediakan pengawasan dan panduan Pengurusan Risiko Perusahaan yang diperlukan untuk menambah baik Kemampunan, Ketangkasan dan Ketahanan KWAP.
- QRD juga melatih pengurusan kanan KWAP supaya mereka dapat melaksanakan peranan mereka dengan berkesan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu KWAP.
- Modul yang telah dijalankan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:
  - (i) Selera Risiko, Toleransi dan pengawasan Lembaga pada 3 Februari 2021;
  - (ii) Panduan Pengarah untuk Tadbir Urus, Risiko & Pematuhan pada 6 April 2021;
  - (iii) Pengawasan Keselamatan Siber di Bilik Mesyuarat Lembaga pada 1 Jun 2021;
  - (iv) Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Perusahaan pada 2 September 2021; dan
  - (v) Jangkaan Perkembangan Lembaga pada 8 November 2021.

#### Libat Urus dengan Pihak Luar

- Pada tahun 2021, KWAP juga telah menjalankan beberapa libat urus dengan pihak luar seperti di bawah:
  - (i) Sesi perkongsian pengetahuan dengan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang lain; dan
  - (ii) Libat urus berkala dan *Ad Hoc* dengan Pengurus Dana Luaran (EFM).

### Minggu Pengurusan Risiko 2021

- KWAP telah mengadakan minggu pengurusan risiko dua kali setahun sejak 2008 dan menyediakan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk menggalakkan kesedaran dan amalan pengurusan risiko dalam KWAP.
- Tema Minggu Pengurusan Risiko 2021 adalah untuk menggalakkan kesedaran kepada semua kakitangan KWAP dalam menguruskan musibah yang tidak diramalkan dalam perniagaan atau dikenali sebagai "Black Swan".
- Pelbagai aktiviti seperti Ceramah Risiko, permainan *Virtual Escape Room* dan Forum Dalaman telah diadakan sepanjang minggu yang menyaksikan penyertaan dan maklum balas yang amat positif.

### TEKNOLOGI DAN INOVASI DALAM PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

KWAP memanfaatkan sepenuhnya teknologi untuk mengendalikan pelbagai analisis portfolio dan analisis senario untuk memenuhi keperluan portfolio KWAP. Analisis risiko daripada sistem seperti BarraOne, Credit Manager, Bloomberg dan banyak lagi digunakan sebagai langkah risiko utama untuk pelaporan pengurusan and pandangan.

Pengurusan kesinambungan perniagaan kekal sebagai salah satu daripada bidang fokus utama kami untuk perancangan senario dan kejadian luar jangkaan. KWAP telah mengautomasi rangka kerja pengurusan kesinambungan perniagaan dan melaksanakan proses pengurusan kesinambungan perniagaan yang praktikal dan mampan.

### PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI (ERM)

Prinsip utama bagi pengurusan risiko di KWAP adalah bersandarkan kepada prinsip pengurusan risiko organisasi (ERM) dan komponen utama ERM yang diterangkan dalam kedua-dua Rangka kerja ERM dan Polisi ERM untuk menyokong pengurusan risiko yang holistik dan selamat dalam KWAP.

## MENGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

**Ekonomi global telah menyaksikan peralihan sepanjang tahun dan dengan perubahan dalam model kawal selia dan perniagaan, pengurusan risiko juga telah berkembang daripada reaktif dan bebas berfungsi kepada fungsi yang lebih kritikal dengan kapasiti yang lebih besar dan berhubung kait dengan pembuatan keputusan strategik, bersama piawaian pembangunan dan amalan terbaiknya sendiri.**

Sejajar dengan perkembangan pengurusan risiko daripada bidang terhad kepada bidang yang mempunyai pendekatan komprehensif dan bersepadu, terdapat keperluan untuk menambah baik rangka kerja dasar dan amalan ERM secara berterusan. Oleh yang demikian, untuk menangani perubahan dalaman dan luaran, KWAP telah memulakan projek berbilang tahun untuk menerima pakai Piawaian ERM ISO 31000:2018, menggantikan COSO 2004 berasaskan Rangka kerja ERM yang diwujudkan pada tahun 2012.

Bagi memanfaatkan Profil Risiko Korporat (CRP) untuk menyokong dan melengkapkan rangka kerja dan dasar ERM, CRP telah digunakan sebagai platform dengan pendekatan yang konsisten dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan melaporkan risiko yang melintang berhubung dengan:

<p><b>Pengenalpastian dan penilaian risiko menggunakan alat pengurusan risiko</b></p>	<p><b>Pelaksanaan kawalan dan pelan tindakan mitigasi yang berkesan untuk menguruskan risiko</b></p>
<p><b>Pemantauan yang konsisten dan pelaporan risiko tepat pada masanya kepada jawatankuasa penyeliaan masing-masing</b></p>	<p><b>Mengalakkan pemilihan risiko dan akauntabiliti di seluruh organisasi, merentasi semua jabatan dan kakitangan semua peringkat</b></p>

CRP membentangkan pelbagai jenis risiko dengan butiran yang relevan, termasuk tahap risiko yang sepadan dan prospek risiko untuk tempoh tiga bulan bagi setiap kategori risiko, dijadualkan dalam risiko *heatmap* dan papan pemuka risiko.

Di samping itu, bagi memberi konteks dan pemahaman jelas tentang bidang risiko, CRP menggariskan huraian risiko dan tindakan mitigasi untuk menangani risiko dan ancaman berpotensi kedua-duanya pada peringkat korporat dan operasi untuk setiap kategori risiko yang diketengahkan dalam pelaporan.

CRP dilaporkan dan dibincang semasa mesyuarat bulanan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO), mesyuarat suku tahunan Jawatankuasa Lembaga Risiko (RC), dan dipanjangkan kepada mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Integriti dan Risiko (BIRC).

Pelaporan dan perbincangan tentang CRP yang tepat pada masanya adalah penting dalam mengenal pasti dan menilai kemampuan dan keupayaan pengurusan risiko sedia ada. Apabila risiko utama dikenal pasti dan didokumenkan, tumpuannya adalah untuk mengintegrasikan maklumat risiko ke dalam struktur dan perancangan tadbir urus jabatan sedia ada, serta dalam kitaran pelaporan masing-masing di mana risiko utama dapat disampaikan dengan berkesan.

Semua risiko berkaitan aktiviti-aktiviti organisasi dapat ditangani dengan teratur, dan seterusnya, menghasilkan manfaat dalam membuat keputusan strategik bermaklumat yang lebih baik, berjaya membawa perubahan dan meningkatkan kecekapan operasi.

### Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko pasaran merupakan risiko kerugian tidak dijangka daripada perubahan negatif dalam nilai aset yang timbul daripada pergerakan dalam harga atau kadar pasaran. Pemacu risiko pasaran utama dalam aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP ialah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko mata wang asing.

Pengurusan risiko pasaran dalam KWAP berpandukan dasar, garis panduan, sistem risiko dan kawalan risiko berkaitan Risiko Pasaran yang tersedia, yang mana ini dilaksanakan untuk menyokong pengurusan risiko pasaran kukuh dan holistik.

## MENGGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### Kawalan Risiko Pasaran

Kawalan Risiko Pasaran mewakili satu siri had risiko yang dilaksanakan untuk menguruskan aktiviti pengambilan risiko pasaran. Ia disemak dan diselaraskan secara berkala untuk mencerminkan perubahan dinamik strategi dan persekitaran pelaburan KWAP. Kawalan risiko pasaran utama digambarkan seperti di bawah:



### Produk Lindung Nilai Dan Derivatif

Pelbagai jenis kontrak derivatif digunakan untuk mengurus pendedahan risiko pasaran ke atas pelaburan KWAP, terutamanya pergerakan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan untuk mengurus pendedahan ini adalah pertukaran silang mata wang (*Cross Currency Swaps*), pertukaran kadar faedah (*Interest Rate Swaps*) dan kontrak hadapan mata wang asing (*FX Forward*). KWAP menggunakan *FX Forward* untuk melindungi nilai pendedahan mata wang dalam pasaran antarabangsa dan ia mengurangkan dan mengofset volatiliti mata wang ke atas pelaburan luar negara KWAP.

## MENGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

#### Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kebarangkalian kehilangan prinsipal atau pendapatan daripada kegagalan peminjam, rakan niaga atau penerbit sekuriti memenuhi obligasi kontrak selaras dengan syarat yang dipersetujui.

Tujuan pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan pendedahan risiko kredit pada tahap toleransi risiko yang dapat diterima dan untuk memastikan pulangan setimpal dengan risiko yang diambil. Dasar Risiko Kredit dan Garis Panduan berkaitan dengan Risiko Kredit diperkenalkan untuk memformalkan fungsi risiko kredit merangkumi pengukuran risiko kredit, penilaian risiko kredit dan pemantauan. Amalan terbaik industri diterapkan melalui kemas kini berterusan ke atas dasar, garis panduan dan proses risiko kredit dengan objektif untuk meminimumkan keingkaran dan kerugian kredit. Untuk menguruskan pendedahan risiko kredit KWAP, satu siri had dan kawalan risiko kredit telah disediakan seperti di bawah:

#### Pengurusan Risiko Kredit yang Berkesan

##### Risiko Portfolio

Risiko Rakan Niaga	Risiko Pengeluar	Risiko yang Bertumpu	Nilai pada Risiko Kredit	Risiko Manfaat	Analisis Kredit	Ujian Tekanan	Penarafan Dalaman	Ulasan Kredit
Had Risiko Rakan Niaga	Had Penarafan Minimum Bon Korporat, Had Pengeluar dan Pengawasan Penarafan Negatif	Had Penarafan Portfolio Bon Korporat, Had Portfolio Peminjam, Had Peminjam Tunggal, Penglibatan Pelaburan Kumpulan, Penumpuan Sektor dan Penumpuan EFM Kumpulan	Satu kaedah untuk mengira risiko kredit yang mengukur kebarangkalian kerugian maksimum yang boleh berlaku akibat kerugian kredit yang tidak dijangka sepanjang tempoh masa tertentu dalam tahap keyakinan yang diberikan	Had Manfaat, Had Perjanjian Pembelian Semula ( <i>REPO</i> ) dan Had Pembiayaan Pelaburan Hartanah	Analisis Kuantitatif dan Analisis Kualitatif untuk menentukan kepercayaan kredit	Mengenal pasti senario yang boleh terjadi atau perubahan pada masa hadapan yang berkemungkinan berada dalam keadaan kewangan dan ekonomi yang mempunyai kesan negatif ke atas pendedahan KWAP, serta menilai keupayaan KWAP untuk menangani perubahan	Semua rakan niaga adalah berdasarkan model penarafan dalaman yang sesuai	Penilaian ke atas bon korporat dan pinjaman dalam mengenal pasti perubahan kemungkinan awal dalam kelayakan kredit rakan niaga

#### Pematuhan

Fungsi pematuhan dalam organisasi kekal sebagai fungsi teras yang amat penting dalam KWAP. Kegagalan fungsi pematuhan dalam kes berprofil tinggi di Malaysia dan luar negara telah menekankan impak ketidakpatuhan terhadap kedua-dua kewangan dan reputasi. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan, iaitu, risiko sekatan undang-undang atau kawal selia, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi kesemua undang-undang, peraturan, kod tatalaku dan piawaian atau amalan terbaik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk memelihara reputasi KWAP agar kedudukan berdaya saing, reputasi dan nilai saham KWAP bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif ini, misi dasar KWAP adalah untuk menilai dan menguruskan risiko pematuhan organisasi bagi memenuhi kehendak kesemua pihak berkepentingan. Rangka Kerja Pematuhan menyediakan asas kepada aspirasi ini yang dilaksanakan pada tahun 2010; yang mana, asas-asas fungsi pematuhan dirangka. Dalam menguruskan pelaksanaan Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan juga mengguna pakai Model Tiga Barisan Pertahanan dalam mengurus risiko pematuhan dalam KWAP.

## MENGGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### Skop Pematuhan

#### Pematuhan Kawal Selia


Ini meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan luaran yang wajib dipatuhi oleh KWAP, termasuk Akta Parlimen yang berkaitan, dekri Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan terbitan badan-badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Tanggungjawab pematuhan kawal selia adalah kepada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi, di mana sekiranya wujud potensi pelanggaran pematuhan, ianya hendaklah dikenal pasti sebelum terjadi. Langkah proaktif telah diguna pakai kerana ketidakpatuhan bukanlah satu pilihan.

#### Pematuhan Dalaman

Ini meliputi pematuhan terhadap dasar dan garis panduan dalaman, sebagai contoh, Dasar Pelaburan dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Prosedur Operasi Standard. Pendekatan KWAP dalam memastikan pematuhan dalaman dikekalkan menerusi kawalan had risiko dalam sistem pelaburan dan kawalan proses operasi yang diterapkan di dalam Prosedur Operasi Standard.

### Proses Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung rapat dengan perkembangan pematuhan di peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta dasar dan prosedur KWAP. Rajah di bawah menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



### Nilai Pematuhan

Seiring dengan perubahan model perniagaan, kemunculan teknologi baharu dan peningkatan pelaburan baharu kelas aset, kecekapan operasi juga menerima tumpuan hebat. Sebelum ini, KWAP tidak pernah terdedah kepada banyak risiko. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga dan pengurusan kanan telah menyatakan sokongan dan kerjasama penuh bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Pihak Lembaga dan pengurusan kanan melakukannya dengan menetapkan arahan daripada peringkat atasan bagi mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengamalkan tingkah laku beretika. Semua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan pengurusan kanan tidak ada kompromi terhadap pelanggaran pematuhan ini. Unit Pematuhan menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Budaya pematuhan juga diperluas kepada EFM kami. EFM kami dikehendaki untuk mengisytiharkan secara tahunan bahawa kesemua garis panduan pelaburan KWAP boleh diterima pakai dalam sistem pelaburan mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengurus dana kami sentiasa mematuhi garis panduan yang dikenakan terhadap mereka.

### Dasar Tembok Penghalang

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Penghalang sejak tahun 2014. Dasar Tembok Penghalang KWAP diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif dalam KWAP untuk mengurangkan risiko perdagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan. Ia juga membantu memastikan bahawa pemilihan maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif tidak menimbulkan risiko atau risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

## MENGGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

#### Senarai Semak Pematuhan Kendiri Automasi

KWAP juga telah melaksanakan sistem pematuhan kendiri berautomasi di mana kesemua proses pengesahan kini diautomasikan melalui sistem pematuhan. Sistem pematuhan tersebut merangkumi dasar dan garis panduan dalam serta keperluan kawal selia luaran. Latihan pengesahan kini adalah proses tanpa kertas dan meningkatkan kecekapan. Senarai semak pematuhan kendiri akan dilengkapkan oleh pegawai perhubungan pematuhan jabatan masing-masing dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan mereka menerusi sistem. Latihan pengesahan dilaksanakan dua kali setahun bagi semua jabatan berkaitan pelaburan dan setahun sekali bagi jabatan-jabatan lain, termasuk subsidiari KWAP.

#### Latihan Semakan Pematuhan

Bagi memastikan kami benar-benar yakin dengan proses pematuhan kami, KWAP telah memulakan inisiatif yang dipanggil Semakan Pematuhan, di mana latihan semakan berkala dijalankan ke atas jabatan dalam KWAP. Tujuan latihan ini adalah untuk memastikan kebenaran daripada senarai semak pematuhan diri yang diisytiharkan dan dikemukakan oleh jabatan masing-masing melalui sistem pematuhan. Latihan ini dijalankan dengan melaksanakan ujian sampel ke atas keperluan yang ditetapkan dalam senarai semak pematuhan kendiri.

#### Lawatan Pematuhan ke EFM

KWAP telah melaksanakan lawatan ke EFM sejak 2017 dan telah berjaya menyelesaikan kitaran pertama EFM domestik pada 2020. Pasukan pematuhan telah memulakan kitaran kedua semakan semula EFM domestik kami pada Februari 2021. Objektif lawatan itu adalah untuk memastikan aktiviti dan amalan EFM mematuhi Mandat Pelaburan yang diluluskan dan untuk memastikan kawalan risiko dalaman mereka tersedia.

#### Semakan Tematik Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)

Pasukan Pematuhan juga menjalankan semakan tematik dan pada tahun 2021, semakan tematik BCM telah dijalankan untuk menilai BCM perspektif penyelaras sebagai barisan pertahanan pertama pada tahap kefahaman mereka dalam melaksanakan tugas sebagai Penyelaras BCM. Ini adalah untuk memastikan semua Penyelaras BCM dari jabatan masing-masing boleh memahami kepentingan peranan mereka dan memastikan kesediaan dalam melaksanakan rancangan BCM dengan lancar. Penilaian itu dijalankan pada tahun 2021 dan telah berjaya disiapkan.

#### Saringan Know Your Counterparty (KYC)

Pasukan pematuhan menjalankan saringan dan pemeriksaan KYC untuk rakan niaga KWAP. Latihan saringan ini adalah untuk mengenal pasti jenayah kewangan iaitu Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) risiko kawal selia dan risiko reputasi untuk rakan niaga yang mungkin berupaya meletakkan KWAP dalam kerumitan. Ini merupakan satu langkah yang diambil dengan pematuhan dalam memastikan pasukan mengenal pasti tanda bahaya dalam saringan KYC yang menyemak identiti atau latar belakang sebenar rakan niaga, mengesan potensi penipuan kewangan pendedahan politik atau rasuah, dan menghalang KWAP daripada dipergunakan untuk aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram.

#### PENGURUSAN RISIKO OPERASI (ORM)

Risiko operasi ialah kerugian berpotensi akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, modal insan dan sistem atau peristiwa luaran. Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang dan kawal selia, risiko kesihatan dan keselamatan pekerja. Ia juga meliputi risiko reputasi berkaitan operasi atau tatalaku perniagaan KWAP.

Bagi menampung operasi perniagaan masa kini yang rumit, KWAP menggunakan pelaporan Kejadian Risiko Operasi (ORE) untuk bertindak balas dan mengurus potensi kerugian operasi berikutan kejadian sebenar secara lebih berkesan. Sekiranya dilaksanakan dengan berkesan, hasil positif ORE bukan sahaja memberi penambahbaikan tindak balas kepada kejadian risiko malah penambahbaikan kepada pengurusan risiko.

Pada tahun 2021, tiada kejadian risiko dengan impak negatif dilaporkan terhadap operasi kerana majoriti ORE telah diperbetulkan tepat pada masanya. ORE yang dilaporkan kebanyakannya di bawah kategori kejadian risiko berikut:

Amalan  
perniagaan

Gangguan  
perniagaan  
dan  
kegagalan  
sistem

Pengurusan  
pelaksanaan,  
penyampaian  
dan proses




## MENGGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Langkah-langkah proaktif dalam menangani ORE yang dilaporkan adalah seperti berikut:

Memudahcarakan perbincangan dengan pihak lain untuk mengurangkan risiko dan mengelakkan kejadian sama berulang	Menjalankan analisis punca masalah dan pengesahan pada proses utama mengenai kejadian risiko untuk meningkatkan risiko kawalan dan untuk memastikan peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat ditakrifkan dengan jelas	Membentangkan ORE yang dilaporkan dalam EXCO, Jawatankuasa Risiko (RC) dan BIRC untuk memastikan semua isu ditangani dengan sewajarnya	Menjeaki dan memantau ORE yang tertunggak dengan pihak terbabit dalam memastikan tindakan mitigasi disediakan bagi meminimumkan potensi untuk kejadian sama berulang
--	--	--	--

Rajah berikut memaparkan bilangan ORE sepanjang 2021:



### Program Pengurusan Risiko Penipuan

Program Pengurusan Risiko Penipuan telah dibangunkan untuk menunjukkan jangkaan Lembaga dan pengurusan kanan dan komitmen mereka terhadap integriti tinggi dan nilai etika berkenaan pengurusan risiko penipuan dan rasuah dengan berkesan.

Program Pengurusan Risiko Penipuan untuk KWAP terdiri daripada dasar dan garis panduan, latihan dan kesedaran serta penilaian risiko penipuan pada peringkat jabatan. Selaras dengan penubuhan Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) pada 2019, Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) termasuk dalam rangka kerja pengurusan risiko. Hasilnya, penilaian risiko tematik untuk semua jabatan dan subsidiari KWAP diteruskan secara bekerjasama.

## MENGGALAKKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

### PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Pada tahun 2021, bengkel penilaian risiko penipuan dan rasuah telah dikendalikan. Kerjasama ini terus menyemai kesedaran tentang risiko penipuan dan rasuah semasa program latihan dan sesi cabaran dengan semua jabatan.

Melangkah ke hadapan, KWAP akan terus:

- Mengukuhkan rangka kerja tadbir urus risiko penipuan dengan menyemak secara berkala dasar dan garis panduan pengurusan risiko penipuan;
- Mengadakan latihan dan kesedaran berterusan untuk memupuk budaya antipenipuan dan antirasuah yang kukuh; dan
- Menangani kerentanan KWAP secara aktif terhadap risiko penipuan dan rasuah dalaman serta luaran melalui penilaian risiko penipuan dan rasuah secara berkala untuk semua jabatan dan subsidiari.

#### Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)

BCM sentiasa penting kepada KWAP dalam bertindak balas terhadap ancaman dalaman atau luaran kepada organisasi. Pada tahun 2021, selaras dengan pengembangan perniagaannya, KWAP telah menjalankan beberapa latihan dan program BCM:

- Latihan BCM bukan secara langsung yang melibatkan sistem kritikal dan fungsi perniagaan dalam persekitaran bukan secara langsung;
- Latihan *Call Tree*;
- Mobilisasi kakitangan KWAP ke tapak alternatif untuk melaksanakan pemulihan sistem dan fungsi perniagaan kritikal; dan
- Pelaksanaan aturan pasukan kerja berbahagi berikutan situasi COVID-19.

Objektif latihan dan program BCM adalah untuk:

Membuat simulasi senario sebenar pengaktifan BCM untuk kakitangan KWAP;

Kesediaan Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) jabatan dalam bertindak balas kepada apabila BCM diaktifkan;

Memastikan Analisis Impak Perniagaan (BIA) jabatan adalah berkaitan dan terkini;

Memastikan strategi pemulihan sistem sejajar dengan operasi KWAP;

Kesediaan semua sistem di tapak alternatif (pejabat KWAP-Kuala Lumpur ke pejabat KWAP-Cyberjaya dan sebaliknya);

Memastikan infrastruktur asas contoh perkakasan/perisian IT, peranti berfungsi dengan baik di tapak alternatif;

Mengesahkan keupayaan sistem berdasarkan kebolehcapaian dan kefungsiannya;

Memastikan nombor telefon kakitangan adalah betul dan dikemas kini; dan

Mengukur keupayaan untuk menyambung semula operasi perniagaan dalam tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan kekritikalan fungsi perniagaan.

Latihan BCM telah berjaya dijalankan sepanjang tahun 2021 yang bukan sahaja menguji kesinambungan operasi KWAP melalui senario krisis, tetapi juga berjaya mengenal pasti kelemahan dan jurang yang penyelesaiannya dirumus serta banyak lagi pembaikan jangka panjang strategik.

# PENYATA AUDIT DALAMAN

## AUDIT DALAMAN

### GAMBARAN KESELURUHAN

Jabatan Audit Dalaman menyediakan perkhidmatan perunding secara bebas, dengan objektif yang terjamin untuk menambah nilai dan menambah baik operasi KWAP. Misi audit dalaman adalah untuk meningkatkan dan melindungi nilai organisasi dengan memberi jaminan objektif dan berdasarkan risiko, nasihat dan wawasan. Aktiviti audit dalaman membantu mencapai objektif dengan membawa kaedah berdisiplin dan sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan.

### KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Audit Dalaman melapor kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) dan pentadbirannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Aturan pelaporan semasa bagi Audit Dalaman membolehkan tanggungjawab aktiviti audit dalaman dipenuhi dan tidak mengganggu tanggungjawab hakiki Ketua Audit Dalaman kepada BAC.

Status bebas Audit Dalaman tidak dipertikai dan tiada sekatan terhadap skop kerja, sumber dan akses Audit Dalaman sepanjang tahun lepas.

Ketua Audit Dalaman menyedari bahawa sekiranya sekatan besar terhadap skop aktiviti audit dalaman berlaku, ia akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit.

### SKOP KERJA

Skop aktiviti audit dalaman termasuk kepada pemeriksaan objektif ke atas bukti untuk tujuan memberi penilaian bebas kepada BAC, Pengurusan dan pihak luar tentang kelengkapan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalam KWAP.

Skop kerja sekunder Jabatan Audit Dalaman merangkumi perkara berikut:

- Menjalankan penyiasatan khas.
- Mengambil bahagian sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa projek terpilih yang diwujudkan untuk membangunkan atau melaksanakan sistem-sistem atau proses-proses baharu. Penyertaan sedemikian adalah terhad kepada memberi nasihat dalam hal-hal kawalan dan tidak menghalang Audit Dalaman daripada mengaudit sistem atau proses tersebut.

Audit Dalaman terus mengamalkan pendekatan perancangan audit berdasarkan risiko, mengutamakan aktiviti-aktiviti audit dalaman mengikut peringkat risiko audit. Pada tahun 2021, sebanyak 13 laporan telah dibentangkan kepada BAC. Status isu audit tertunggak dilaporkan kepada pihak pengurusan secara bulanan dan kepada BAC secara suku tahunan. Jabatan Audit Dalaman terus memantau pelaksanaan pelan tindakan sebagaimana dipersetujui oleh pihak pengurusan. Bagi tahun 2021, tiada pelan tindakan tertunggak dilaporkan kepada BAC.

### SUMBER AUDIT DALAMAN DAN PEMBANGUNAN KECEKAPAN BERTERUSAN

BAC mengkaji semula keperluan Jabatan Sumber Manusia untuk memastikan jabatan tersebut dilengkapi secukupnya dengan juruaudit dalaman yang cekap. Pada 31 Disember 2021, terdapat 13 orang juruaudit dalaman.

### PENCAPAIAN TAHUN 2021

Pencapaian ketara Audit Dalaman bagi tahun 2021 termasuk penyiapan Semakan Jaminan Kualiti yang pertama oleh Perkhidmatan Risiko PricewaterhouseCoopers. Jabatan Audit dalaman telah dinilai untuk mematuhi Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman. Walaupun menghadapi cabaran semasa pandemik COVID-19, Jabatan Audit Dalaman telah menyelesaikan semua tugas audit yang dirancang dan laporan juga dikeluarkan pada tahun yang sama. Jabatan Audit Dalaman juga berjaya menjalankan sebanyak 14 sesi kesedaran kakitangan mengenai bidang tadbir urus yang baik dan peranan fungsi audit dalaman dalam KWAP.

# INTEGRITI DAN TADBIR URUS YANG BAIK

## INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Kakitangan berintegriti tinggi dan mempunyai amalan tadbir urus yang baik, menyumbang kepada persekitaran kerja yang baik dan produktif dan penting kepada operasi dan perniagaan yang mampan. Sehubungan itu, pada tahun 2021, kami meneruskan usaha untuk meningkatkan budaya integriti dalam organisasi dan mengukuhkan lagi langkah kawalan sedia ada melalui aktiviti dan inisiatif yang berkaitan.

### INISIATIF BAGI INTEGRITI DAN TADBIR URUS

#### Integriti dan Kesedaran Antirasuah

Kami menjalankan program untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan kakitangan kami tentang pendirian antirasuah KWAP dan langkah-langkah untuk membendungnya, kepentingan integriti, dan kesan buruk rasuah. Bagi tahun 2021, program tersebut telah dilaksanakan dalam bentuk mesej daripada pihak pengurusan atasan, e-buletin bulanan berkaitan integriti, ceramah integriti dan antirasuah, sesi latihan integriti untuk ahli baharu, taklimat mengenai dasar berkaitan Antisogokan dan rasuah, dan sambutan hari integriti atau antirasuah kebangsaan dan antarabangsa. Kami juga mengeluarkan komunikasi pertama kepada rakan kongsi perniagaan KWAP mengenai komitmen antirasuah kami dengan memberi mereka penerangan berkaitan toleransi sifar KWAP terhadap rasuah dan keperluan mereka untuk bertindak selaras dengan pendirian ini apabila berurusan dengan KWAP atau bagi pihak KWAP. Di samping itu, maklumat berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah untuk kegunaan orang ramai juga telah diterbitkan di laman web, media sosial dan penerbitan korporat KWAP.

#### Sistem Pengurusan Antisogokan ISO 37001:2016

Dalam memastikan keperluan langkah-langkah disediakan secukupnya untuk menangani risiko rasuah dalam organisasi, KWAP berusaha untuk memperoleh Penujutan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) ISO 37001:2016 pada tahun 2021. KWAP telah dianugerahkan dengan pensijilan ISO pada 3 Disember 2021 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd, badan pensijilan yang dilantik. Pensijilan meliputi semua fungsi teras KWAP dan KWAP telah dianugerahkan berdasarkan hasil audit yang dijalankan ke atas jabatan-jabatan yang beroperasi di Kuala Lumpur dan pejabat di Cyberjaya serta dalam pelaburan hartanah KWAP, KWEST Sdn Bhd. Pencapaian tersebut merupakan bukti usaha dan komitmen bersama oleh semua pihak dalam KWAP dalam memastikan pelaksanaan ABMS yang berkesan dalam organisasi.

#### Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi Tahun 2021 - 2025







Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP) merupakan keperluan di bawah Pelan Pencegahan Rasuah Kebangsaan Tahun 2019 - 2023. KWAP, sebagai sebuah badan berkanun, yang dikehendaki membangunkan OACP nya sendiri, sebagai usaha untuk menyokong agenda negara dalam memerangi rasuah. Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi KWAP 2021 - 2025 lengkap pada Disember 2020 dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Februari 2021 serta telah dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada bulan yang sama. Pelan lima tahun itu terdiri daripada 57 inisiatif yang bertujuan untuk menangani risiko rasuah dalam KWAP. Menjelang akhir tahun pertama pelaksanaan OACP KWAP, 33% daripada inisiatif ini telah selesai.

#### Dasar Antisogokan dan Rasuah

Lembaga telah meluluskan Dasar Antisogokan dan Rasuah (Dasar ABC) baharu KWAP pada November 2021. Dasar ABC melarang semua kakitangan, Lembaga, dan ahli Panel Pelaburan KWAP, serta kakitangan dan Lembaga Pengarah subsidiari KWAP daripada mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti sogokan dan rasuah. Dasar ini juga menetapkan kedudukan KWAP dalam perkara-perkara seperti penajaan dan derma, sumbangan politik, kemudahan pembayaran, dan berurusan dengan pihak ketiga, untuk memastikan KWAP mengekalkan piawaian tadbir urus, integriti, akauntabiliti dan ketelusan tertinggi dalam aktiviti operasi dan perniagaan kami.

#### Pemberi Maklumat

KWAP telah mewujudkan mekanisme pemberi maklumat untuk kakitangan KWAP dan orang awam untuk membuat laporan secara bertanggungjawab. Dasar Pemberi Maklumat melindungi pemberi maklumat (untuk kakitangan sahaja) daripada sebarang tindakan balas. Segala perbuatan rasuah dan salah laku terhadap KWAP boleh dilaporkan dan tindakan yang perlu akan diambil terhadap mana-mana kakitangan KWAP yang melakukan kesalahan tersebut. Sehingga kini, terdapat lima saluran pemberi maklumat yang disediakan dan diuruskan oleh Pejabat Integriti dan Tadbir Urus KWAP (IGO). IGO beranggapan semua laporan yang diterima sebagai sulit. Maklumat mengenai pemberian maklumat dan salurannya disampaikan secara berterusan melalui platform dalaman dan juga boleh didapati di laman web korporat. Butiran mengenai saluran pemberian maklumat KWAP adalah seperti di bawah:


-  E-borang di laman web KWAP dan platform dalaman lain
-  E-mel: [whistleblow@kwap.gov.my](mailto:whistleblow@kwap.gov.my)
-  Untuk melapor mengenai kakitangan IGO [chairman.bic@kwap.gov.my](mailto:chairman.bic@kwap.gov.my)
-  Hotline: 03-2174 8090
-  Surat fizikal kepada IGO
-  Temu janji bersama pegawai IGO

# MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

## PELABURAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Kemampuan merupakan tonggak penting untuk membina sumber dana persaraan yang stabil dan memberi jaminan jangka panjangnya. Di KWAP, kami menyepadukan keperluan kemampuan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam prinsip pelaburan kami untuk menjana pulangan yang mampan dan bersesuaian dengan risiko. Prinsip ini mencerminkan kewajipan fidusiar kami dalam memenuhi peranan mandat yang diamanahkan kepada kami demi menjana pulangan jangka panjang yang mampan untuk pemegang kepentingan kami, iaitu pesara di Malaysia.

### PERJALANAN KELESTARIAN KWAP



Pada tahun 2018, KWAP mengintegrasikan ESG ke dalam analisis pelaburan dan proses membuat keputusan serta menjalankan ukuran pelaburan jejak karbon untuk mengenal pasti pelepasan karbon (CO<sub>2</sub>) pada portfolio ekuiti domestik KWAP. Kami juga menubuhkan Metodologi Penjejakan ESG bagi struktur proses untuk menjejak, memantau dan menyemak prestasi ESG syarikat-syarikat penerima pelaburan KWAP.

## MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

### PELABURAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

#### KEPENTINGAN ESG KEPADA KWAP



Kami menyedari kepentingan faktor ESG sebagai pemacu risiko jangka panjang dan peluang untuk kemampan. Pendekatan kami untuk menerapkan prinsip kemampan dalam pelaburan bertujuan untuk menyumbang ke arah pengurusan sumber alam sekitar dan sosial secara bertanggungjawab demi memenuhi keperluan generasi akan datang.

#### PENDEKATAN ESG KWAP

Kepercayaan kami terhadap ESG membentuk dan memacu falsafah dan pendekatan pelaburan. Kami mempraktikkan prinsip ini melalui tindakan kami dalam pemilihan dan sokongan terhadap syarikat penerima pelaburan yang menerima pakai amalan ESG yang baik dengan sumbangan ke arah pulangan terlaras risiko yang mampan serta dalam masa yang sama, boleh meningkatkan nilai pemegang saham dalam jangka panjang. Sebagai pemilik aset besar dengan pelaburan jangka panjang dalam pelbagai industri, KWAP berada dalam kedudukan yang mempengaruhi perubahan positif ESG dalam syarikat penerima pelaburan seperti menguar-uarkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan bebas penebangan hutan.

Kami juga bertanggungjawab untuk menetapkan petunjuk contoh dalam pasaran disebabkan kewujudan domestik kami yang besar. KWAP juga bertanggungjawab dalam menyokong rancangan pembangunan ekonomi negara dan aktiviti pasaran modal disebabkan kebolehan kami membuat perubahan dengan mengubah hala modal ke arah syarikat yang menumpukan ESG dalam ruang pasaran.

## MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

Impak Perubahan oleh KWAP	Huraian
Prestasi penanda aras terhadap teras ESG yang dikenal pasti	• Kami menggunakan prestasi bukan kewangan syarikat penerima pelaburan untuk menentukan skor prestasi mereka yang ditanda aras dengan teras ESG sejak tahun 2016.
Libat urus bersama pemegang saham	• Kami mengadakan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan pada setiap tahun untuk membimbing mereka dalam meningkatkan amalan dan prestasi ESG.
Pelaksanaan aktivisme pemegang saham	• Kami menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) untuk melaksanakan aktivisme pemegang saham dan mengadakan libat urus bersama pemegang saham serta penerima pelaburan syarikat untuk membincangkan hal-hal kewangan dan bukan kewangan.
Saringan amalan negatif ESG	• Kami mematuhi saringan amalan negatif ESG KWAP seperti yang dijelaskan dalam Dasar Pelaburan KWAP untuk melindungi pelaburan dan melindungi aset daripada risiko kewangan dan reputasi. Sebagai sebahagian daripada usaha KWAP untuk melindungi pelaburan dan aset daripada risiko kewangan dan reputasi, KWAP tidak membuat pelaburan dalam industri-industri berikut melalui pemeriksaan negatif berdasarkan pertimbangan etika yang dijalankan: <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Tembakau;</li> <li>(ii) Alkohol;</li> <li>(iii) Perjudian;</li> <li>(iv) Hiburan Dewasa;</li> <li>(v) Persenjataan (senjata kimia, bom kelompok dan lain-lain);</li> <li>(vi) Negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Malaysia;</li> <li>(vii) Negara berisiko tinggi (termasuk negara yang dikenal pasti oleh senarai sekatan dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu); dan</li> <li>(ix) Amalan Rasuah.</li> </ol>
Penerapan amalan ESG dalam KWAP	• Kami menyepadukan amalan ESG yang baik dalam seluruh aktiviti perniagaan dan operasi KWAP yang merangkumi semua bidang utama iaitu pelaburan, pentadbiran operasi dan perkhidmatan pencecahan dan pengurusan.

### DASAR DAN GARIS PANDUAN ESG KWAP

#### Garis Panduan ESG Peringkat Korporat

KWAP telah menggabungkan pertimbangan ESG merentasi semua operasinya termasuk proses membuat keputusan pelaburan melalui Garis Panduan ESG KWAP Peringkat Korporat yang telah diwujudkan pada tahun 2016. KWAP bercadang untuk mengemas kini Garis Panduan ESG bagi Pelaburan Ekuiti dan melancarkan Garis Panduan ESG yang baharu bagi aset kelas Pelaburan Hartanah pada masa hadapan.

#### Penerapan tadbir urus korporat (CG) dan pertimbangan inisiatif-inisiatif kemampunan ke dalam proses membuat keputusan pelaburan melalui:

- (i) Dasar Pelaburan dan Garis Panduan Pelaburan;
- (ii) Garis Panduan ESG KWAP untuk Pelaburan;
- (iii) Metodologi Penyelidikan Berasaskan ESG;
- (iv) Prinsip Tadbir Urus Korporat dan Garis Panduan Pengundian bagi Ekuiti Tersenarai;
- (v) Garis Panduan ESG untuk Pelaburan Pendapatan Tetap;
- (vi) Metodologi Penjejakan ESG KWAP; dan
- (vii) Garis Panduan ESG untuk Ekuiti Persendirian.

## MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

### PELABURAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Objektif Garis Panduan ESG Peringkat Korporat	Keterangan
Menjalankan peranan pelaburan yang bertanggungjawab demi kepentingan pemegang taruh	Membolehkan KWAP menjalankan peranannya kepada pemegang kepentingan dan memenuhi keperluan masa kini dan masa depan generasi demi pertumbuhan dana yang stabil dalam jangka panjang secara bertanggungjawab dan mampan dengan mempraktikkan amalan ESG yang baik.
Menambah baik prestasi mampan	Meningkatkan kelestarian dan prestasi jangka panjang untuk KWAP dan syarikat penerima pelaburannya. KWAP percaya faktor kelestarian berpotensi mempengaruhi profil pulangan risiko pelaburan.
Menggalakkan dan mempromosi amalan ESG dalam pasaran modal dan rakan kongsi perniagaan KWAP	<p>Memanfaatkan kedudukan KWAP sebagai pelabur institusi besar untuk menyokong dan menambah baik amalan ESG dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasaran Modal: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Libat urus bersama syarikat penerima pelaburan.</li> <li>(ii) Kerjasama dengan pengawal selia (cth. Bursa Malaysia Berhad dan Suruhanjaya Sekuriti).</li> <li>(iii) Kerjasama dengan badan tadbir urus korporat (CG) (cth. ACGA dan PRI).</li> <li>(iv) Berperanan aktif dalam majlis berkaitan CG (cth. Majlis Pelabur Institusi dan Kumpulan Pemegang Kepentingan CG Utama Suruhanjaya Sekuriti).</li> </ul> </li> <li>• Syarikat dalam seluruh rantai nilai KWAP termasuk pembekal, penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan rakan kongsi perniagaan lain yang berkaitan.</li> </ul>
Tujuh Teras Garis Panduan ESG Peringkat Korporat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Alam Sekitar</li> <li>• Modal Insan</li> <li>• Tadbir Urus</li> <li>• Pengurusan Pelaburan</li> <li>• Pentadbiran Ahli</li> <li>• Amalan Beretika</li> <li>• Sosial</li> </ul>

### AKTIVISME PEMEGANG SAHAM

Sebagai pemegang saham aktif, KWAP melibatkan diri bersama syarikat penerima pelaburannya dan juga membangkitkan isu ESG jika perlu. Libat urus bersama syarikat penerima pelaburan diketuai oleh barisan pengurusan dan pegawai KWAP melalui AGM/EGM dan mesyuarat bersemuka dalam menambah baik amalan tadbir urus syarikat penerima pelaburannya.

#### Memantau Syarikat Penerima Pelaburan

- Pemantauan harian prestasi dan pemacu nilai melalui pengumuman syarikat dan aliran berita;
- Pemantauan keterangan dan isu-isu berkaitan ESG; dan
- Pemantauan melalui AGM/EGM
  - (i) Memantau isu yang dibincangkan dalam AGM/EGM syarikat penerima pelaburan; dan
  - (ii) Menyerahkan resolusi AGM/EGM kepada semua syarikat penerima pelaburannya.



## MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

Aktivisme dan penglibatan pemegang saham KWAP untuk tahun 2021 adalah seperti di bawah:

### i. Penglibatan Pemegang Saham dengan Syarikat Pelabur

- KWAP menganjurkan 14 libat urus bersama pemegang saham melalui platform maya pada tahun 2021.

Bil.	Syarikat	Tarikh
1.	Top Glove Corporation Berhad	8 Februari 2021
2.	AMMB Holdings Berhad	1 Mac 2021
3.	Top Glove Corporation Berhad	17 Mac 2021
4.	Tune Protect Group Berhad	24 Mac 2021
5.	Serba Dinamik Holdings Berhad	28 Mei 2021
6.	CapitaLand Malaysia Mall Trust	21 Jun 2021
7.	Pos Malaysia Berhad	24 Jun 2021
8.	Malakoff Corporation Berhad	7 Julai 2021
9.	CIMB Berhad	5 Ogos 2021
10.	AMMB Holdings Berhad	6 Ogos 2021
11.	Time Dotcom Berhad	9 Ogos 2021
12.	Syarikat Perumahan Negara Berhad	21 Oktober 2021
13.	Bandar Malaysia Sdn Bhd	22 Oktober 2021
14.	Gas Malaysia Berhad	24 November 2021

- Topik yang dibincangkan semasa libat urus adalah gambaran keseluruhan syarikat, keadaan pasaran, rancangan perniagaan masa depan syarikat dan isu-isu berkaitan ESG.
- Libat urus disertai oleh barisan pengurusan kanan KWAP termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif KWAP.

### ii. Libat Urus ESG yang Dijalankan oleh KWAP

- KWAP menyaring syarikat penerima pelaburannya berdasarkan pertimbangan yang digariskan dalam kaedah penjejakan ESG dan menyenarai pendek beberapa syarikat untuk dimasukkan dalam senarai pemerhatian ESG.
- KWAP menjalankan analisis menyeluruh tentang isu ESG yang berkaitan mengikut piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dan membangunkan pangkalan data ESG untuk setiap syarikat yang disenaraikan dalam senarai pemerhatian ESG.
- KWAP menganjurkan libat urus dan dialog ESG bersama syarikat di bawah senarai pemerhatian ESG untuk terus memantau operasi dan had mereka serta berkongsi pengalaman berdasarkan libat urus yang lepas bersama

syarikat lain. Ini bagi membolehkan KWAP memberi mesej kepada semua syarikat penerima pelaburan mengenai jangkaannya untuk menjadi peneraju dalam ESG bagi kategori pemilik aset.

- KWAP menjalankan lima libat urus ESG dan satu libat urus susulan berkaitan ESG bersama syarikat penerima pelaburannya pada tahun 2021.

Bil.	Syarikat	Tarikh
1.	Padini Holdings Berhad	3 Jun 2021
2.	Wellcall Holdings Berhad	21 Oktober 2021
3.	CapitaLand Malaysia Mall Trust	26 November 2021
4.	Al-Aqar Healthcare Real Estate	30 November 2021
5.	Petronas Gas Berhad	2 Disember 2021
6.	Tenaga Nasional Berhad	10 Disember 2021

- Libat urus KWAP bersama syarikat penerima pelaburan menunjukkan bahawa pendedahan berkaitan kemampuan masih rendah. Beberapa isu KWAP yang diketengahkan semasa libat urus adalah berkaitan pelepasan karbon, kecekapan tenaga, pengurusan air, hak asasi manusia, buruh kanak-kanak dan pengawasan Lembaga Pengarah terhadap ESG.
- Pada tahun 2021, lebih banyak proses penekanan diberikan kepada perkara/isu berkaitan alam sekitar dan sosial dalam pembuatan keputusan pelaburan KWAP:
  - (i) Di bawah teras Alam Sekitar: - menggabungkan lebih banyak perkara berkaitan Perubahan Iklim seperti peralihan ke arah Penyelesaian Rendah Karbon dan Teknologi Hijau, Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut, Tiada Eksploitasi, dan lain-lain; dan
  - (ii) Di bawah teras Sosial: - Menghormati Hak Pekerja, Tempat Kerja yang Positif, Piawaian Minimum Pekerja dan Perumahan merupakan antara pertimbangan ESG KWAP.
- Penganalisis penyelidikan KWAP juga menjalankan sebanyak 1,074 libat urus sepanjang tahun yang terdiri daripada taklimat penganalisis, mesyuarat dalaman dan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan dan termasuk ulasan mengenai amalan ESG mereka.

## MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

### PELABURAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

#### iii. Interaksi Majlis Pelabur Institusi (IIC) dengan Syarikat Awam Tersenarai (PLC)

- KWAP mengambil bahagian dalam tujuh libat urus bersama syarikat awam tersenarai yang dijalankan oleh IIC pada tahun 2021.

#### iv. Hak Mengundi

- KWAP menyerahkan 132 resolusi AGM/EGM syarikat kepada semua syarikat penerima pelaburan.
- Menggunakan hak mengundi berdasarkan Garis Panduan Pengundian KWAP yang diterbitkan seperti yang diterangkan kepada semua syarikat penerima pelaburan.

Bil.	Syarikat	Tarikh
1.	AMMB Holdings Berhad	26 Mac 2021
2.	AMMB Holdings Berhad	2 April 2021
3.	Top Glove Corporation Berhad	15 April 2021
4.	AMMB Holdings Berhad	16 Jun 2021
5.	Serba Dinamik Holdings Berhad	29 Jun 2021
6.	Bursa Malaysia Berhad	13 Ogos 2021
7.	Sime Darby Plantation Berhad	1 Oktober 2021

#### v. Libat Urus Lain Berkaitan ESG

- KWAP meneruskan libat urus bersama syarikat penerima pelaburannya melalui lawatan untuk membangkitkan perkara-perkara penting berkaitan ESG dan amalan ESG syarikat penerima pelaburan yang dilaporkan secara terbuka pada tahun tersebut. Lawatan ini diketuai oleh pihak pengurusan dan pegawai KWAP melalui mesyuarat bersemuka untuk menambah baik lagi amalan ESG syarikat penerima pelaburannya.
- KWAP mengambil bahagian dalam lapan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan pada tahun 2021.

Bil.	Syarikat	Tarikh	Tujuan Mesyuarat
1.	Tenaga Nasional Berhad	8 Januari 2021	Strategi bagi Laluan Kemampunan TNB 2050
2.	Sime Darby Plantation Berhad	30 April 2021	Kemas kini mengenai keputusan kewangan tahun 2020 dalam persiapan AGM pada Jun 2021 dan pelan pelaburan semula dividen
3.	CapitaLand Malaysia Mall Trust	21 Mei 2021	Cadangan Pengembangan Mandat
4.	Yinson Holdings Berhad	10 Jun 2021	Kemas kini mengenai perniagaan FPSO, Boleh Diperbaharui, ESG dan perniagaan Teknologi Hijau
5.	Yinson Holdings Berhad	5 Oktober 2021	Libat Urus Materialiti Pihak Berkepentingan
6.	Inari Amertron Berhad	6 Disember 2021	Kebimbangan Isu Buruh
7.	SKP Resources Berhad	7 Disember 2021	Kebimbangan Isu Buruh
8.	V.S. Industry Berhad	10 Disember 2021	Kebimbangan Isu Buruh

## MEUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

### LIBAT URUS BERSAMA PENGAWAL SELIA/SYARIKAT PELABURAN BERKAITAN KERAJAAN (GLIC)

Sebagai sebahagian daripada inisiatif KWAP dalam menyokong amalan ESG dan meningkatkan tahap pengamalannya di Malaysia, KWAP mengambil bahagian dalam pelbagai libat urus bersama pengawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia Berhad, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penyertaan KWAP dalam kumpulan kerja berkaitan kemampunan dan inisiatif termasuk:

#### i. Jawatankuasa Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3)

- Tiga pegawai KWAP merupakan ahli Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3). Pada 27 September 2019, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menubuhkan JC3 untuk meneruskan tindakan kerjasama bagi membina daya tahan iklim dalam sektor kewangan negara Malaysia. Tiga jawatankuasa JC3 termasuk:
  - (i) Jawatankuasa Kecil JC3 1: Kumpulan Kerja Perubahan Iklim dan Taksonomi yang berasaskan Prinsip;
  - (ii) Jawatankuasa Kecil JC3 2: Tadbir Urus dan Pendedahan; dan
  - (iii) Jawatankuasa Kecil JC3 5: Merapatkan Jurang Data.

#### ii. PERKUKUH

- PERKUKUH merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk memperbaharui dan memperhalusi mandat bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) termasuk Dana Kekayaan Kerajaan (SWF), dan Pelabur Institusi di negara ini dengan tujuan untuk mewujudkan ekosistem masa depan di samping memperkukuh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).
- Pembaharuan itu terdiri daripada 20 inisiatif utama yang memberi tumpuan kepada mencapai mandat yang lebih jelas untuk setiap GLIC, lebih banyak pelaburan dalam bidang pemangkin dan pembangunan, peningkatan penyertaan sektor swasta dan memperkemas peranan kerajaan.
- KWAP berkait secara langsung dengan lima daripada 20 inisiatif PERKUKUH iaitu:
  - (i) No. 3 – Pengoptimuman struktur untuk SWF;

- (ii) No. 4 – Penstabilan dan penjimatan peraturan fiskal;
- (iii) No. 8 – Mengoptimumkan had pelaburan antarabangsa;
- (iv) No. 9 – Pembaharuan keselamatan sosial; dan
- (v) No. 11 – Piawaian pelaburan mampan.

- Inisiatif no. 11 adalah asas ke arah peningkatan amalan tadbir urus ESG dalam pasaran modal domestik yang mana KWAP telah memberikan input dalam tinjauan dan soal selidik yang dikeluarkan oleh Pengawal Selia dan Persatuan Berkaitan ESG seperti berikut:

- (i) Kertas Perundingan Bursa 1 – Cadangan Pindaan kepada Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama dan Pasaran ACE Berkaitan Pelantikan Pengarah dan Kebebasan;
- (ii) Kertas Perundingan Bursa 2 - Cadangan Pindaan kepada Keperluan Penyenaiaan Pasaran ACE Berkaitan Pusat Sehenti Pasaran ACE;
- (iii) Kertas Perundingan Bursa 3 - Cadangan Pindaan kepada Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama Berhubung Rangka Kerja Penasihat yang Dipertingkat, Penyerahan Cadangan Korporat dan Bidang Lain;
- (iv) Kertas Perundingan Bursa 4 - Cadangan Pindaan kepada Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama dan Pasaran ACE Berkaitan Konflik Kepentingan dan Bidang Lain;
- (v) Tinjauan SIP - Tinjauan Pemilik Aset dan Pengurus Aset 2021;
- (vi) Draf Pendedahan Penyata Amalan IFRS® ED/2021/6;
- (vii) Maklum Balas Mengenai Draf Rujukan Panduan Mengenai Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario;
- (viii) Tinjauan Mengenai Cadangan Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia (Edisi Ke-4);
- (ix) Perundingan mengenai Cadangan Pindaan kepada Peraturan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (Peraturan Depositori) untuk Memudahkan Operasi yang Lebih Baik dan Mencerminkan Perubahan dan Kemas Kini Kawal Selia;
- (x) Maklum Balas ke atas Draf Panduan Permohonan TCFD bagi Institusi Kewangan Malaysia;
- (xi) Kaji Selidik Mengenai Persekitaran SRI Bursa Malaysia & Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC); dan
- (xii) Kaji Selidik mengenai Rangka Kerja Pelaporan Kemampunan Bursa Malaysia Berhad.

## MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG

### PELABURAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

#### PENGLIBATAN DENGAN BADAN TADBIR URUS KORPORAT

KWAP melibatkan diri dengan badan yang mempunyai matlamat yang sama untuk mencapai papaian tadbir urus korporat dan amalan terbaik ESG.

#### i. Majlis Pelabur Institusi (IIC)/ Kod Pelabur Institusi Malaysia (Kod)

- KWAP merupakan ahli pengasas IIC sejak penubuhannya pada Julai 2015, dengan bekas Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman Bin Wan Ahmad dilantik sebagai pengerusi pertama Ahli Lembaga Majlis IIC dari Julai 2015 hingga Jun 2019.
- Pada 15 Disember 2021, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Puan Nik Amlizan Mohamed dilantik sebagai Naib Pengerusi Lembaga Majlis IIC ketika Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-3 IIC.
- Sebagai ahli IIC, KWAP mengesahkan komitmennya untuk menegakkan standard tadbir urus korporat yang baik dengan menjadi penandatanganan kepada Kod. Kod ini mengandungi satu set prinsip yang membantu pelabur institusi dalam memenuhi tanggungjawab mereka dengan mempengaruhi dan mempromosikan budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat penerima pelaburan mereka.
- Sebagai tambahan kepada pembentukan IIC, sebuah jawatankuasa kerja khas telah dibentuk untuk memberi tumpuan kepada isu dan topik yang mempunyai kepentingan strategik yang mempunyai kepentingan bersama kepada pelabur institusi dan selaras dengan objektif IIC, iaitu Pasaran dan Industri, serta Tadbir Urus dan Dasar.
- Sehingga kini, terdapat 38 penandatanganan di bawah Kod, yang merangkumi Pelabur Institusi, pengurus aset dan pemilik aset.
- KWAP mengambil bahagian secara aktif dalam acara berkaitan IIC, termasuk mesyuarat majlis dan kumpulan kerja dan terlibat dalam libat urus IIC bersama tujuh PLC tempatan pada 2021.

#### ii. Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

- KWAP menjadi penandatanganan kepada PRI pada 7 Februari 2018, sebuah organisasi bebas yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menggalakkan pelabur mengguna pakai pelaburan bertanggungjawab dalam meningkatkan pulangan dan mengurus risiko dengan lebih baik.

- PRI menggalakkan kesedaran tentang implikasi pelaburan faktor ESG dan menyokong rangkaian pelabur penandatanganan antarabangnya dengan memasukkan enam prinsip PRI ke dalam amalan untuk pelaburan dan keputusan pemilikan.
- Menjadi penandatanganan kepada PRI adalah sebahagian daripada usaha KWAP untuk mengembangkan inisiatif pelaburan bertanggungjawab kami di platform yang diiktiraf di peringkat global. Sebagai penandatanganan, kami komited untuk:
  - (i) menerima pakai dan melaksanakan enam prinsip untuk pelaburan bertanggungjawab yang konsisten dengan tanggungjawab fidusiari kami; dan
  - (ii) menilai keberkesanan dan menambah baik kandungan Prinsip tersebut dari semasa ke semasa.
- Kami percaya ini akan meningkatkan keupayaan kami untuk memenuhi komitmen terhadap benefisiari serta menyelaraskan aktiviti pelaburan kami dengan lebih baik demi kepentingan masyarakat yang lebih luas, dan kami menggalakkan pelabur lain untuk menerima pakai prinsip tersebut.
- KWAP terlibat rapat dengan wakil dari PRI untuk menambah baik lagi inisiatif ESG di rantau ini.

#### iii. Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA)

- Pada 2021, KWAP mengambil bahagian dalam Dialog Perniagaan Asia ACGA mengenai Tadbir Urus Korporat 2021, Menghubungkan Tadbir Urus dan ESG di Asia.

#### PENGLIBATAN KWAP SEBAGAI PENCERAMAH JEMPUTAN

Dalam meneruskan topik dan integrasi ESG dalam pasaran, KWAP memanfaatkan kedudukannya sebagai pengurus dana yang besar untuk berkongsi pemikiran dan hala tuju tentang ESG dan kemampuan.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP mengambil bahagian sebagai penceramah jemputan dalam pelbagai acara berkaitan ESG dalam:

- (i) SIDC - *Responding to Investor Demand for ESG Action Post COVID-19*;
- (ii) Invesco APAC Management Strategy Forum - *Building sustainable portfolios in a reflating world and the role of technology: disruptor or enabler?*; dan
- (iii) *Rebuilding A Sustainable Economy – IMKL Series 4: Renewable Energy, Decarbonising Malaysia*.

# 05

## MENINGKATKAN KETANGKASAN DAN PENGADAPTASIAN BAGI MEREbut PELUANG- PELUANG KEEMASAN

Dengan memahami sentimen pasaran, kami sentiasa menilai persekitaran pelaburan untuk mengimbangi antara menghadapi cabaran jangka pendek dan membina daya tahan jangka panjang Dana.

### ULASAN EKONOMI DAN STRATEGI

- 84** Ulasan Ekonomi, Pasaran dan Kelas Aset
- 96** Strategi Pelaburan Kami
- 97** Prestasi Kami
- 98** Kelas Aset
- 115** Subsidiari

# ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

## ULASAN EKONOMI

### EKONOMI GLOBAL 2021

Ekonomi global kembali pulih pada tahun 2021 selepas mengharungi tahun 2020 yang mencabar. Pemulihan yang kukuh dalam aktiviti-aktiviti pembuatan dan perdagangan global telah menyokong pertumbuhan secara global. Keluaran dalam negara kasar (KDNK) global meningkat sebanyak 6.2% pada tahun 2021 berbanding pada tahun 2020 iaitu 3.1%, disokong oleh pemulihan dalam pertumbuhan ekonomi, dengan dasar-dasar fiskal dan kewangan akomodatif yang berterusan walaupun inflasi meningkat kepada paras tertinggi dalam beberapa dekad.

Pemulihan perdagangan global adalah lebih baik daripada jangkaan disebabkan oleh permintaan yang tinggi daripada biasa berikutan dengan kontraksi pada tahun sebelumnya. Pemulihan dalam perdagangan global mengekalkan momentumnya sepanjang tahun walaupun berhadapan dengan halangan daripada gangguan rantai bekalan dan kemunculan varian baharu virus yang disokong oleh pelonggaran dasar kewangan oleh bank-bank pusat di seluruh dunia.

Di Amerika Syarikat, pemulihan pasaran buruh telah menyokong pembaikan ekonomi tersebut. Walaupun terdapat tekanan inflasi disebabkan oleh pemulihan dalam aktiviti-aktiviti dan pasaran buruh, Rizab Persekutuan menilai inflasi tersebut hanyalah bersifat sementara dan tidak menormalkan kadar dasar.

Dalam ekonomi-ekonomi pesat lain, terutamanya Zon Eropah, aktiviti-aktiviti berjalan semula dengan rancak berikutan pembukaan semula ekonomi walaupun pada kadar berbeza merentasi rantau. Polisi memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan pemulihan dengan menggalakkan pelaburan dan memudahkan peluang pekerjaan. Di United Kingdom, tindakan kerajaan meningkatkan pemberian vaksin dan dos penggalak (booster) secara besar-besaran membantu untuk memacu pertumbuhan ke tahap seperti pra-pandemik.

Penggabul dasar China memperkenalkan polisi-polisi untuk membendung ketidaksamaan pendapatan yang memperjuangkan tema "kemakmuran bersama" dengan mengenakan tindakan keras terhadap syarikat-syarikat hartanah dan teknologi besar. Namun begitu, ekonominya mencatatkan pertumbuhan terpantas dalam hampir sedekad. Ekonomi serantau juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh disokong oleh pemulihan dalam pasca kemelesetan perdagangan global pada tahun 2020.

### EKONOMI MALAYSIA 2021

Ekonomi Malaysia masih ketinggalan pada tahun 2021 kerana sekatan pergerakan masih lagi dilanjutkan akibat peningkatan jangkitan COVID-19 dan sistem penjagaan kesihatan awam yang terjejas. Walau bagaimanapun, negara telah beralih ke fasa akhir Pelan Pemulihan Negara (NRP) apabila program vaksinasi dipercepat pada separuh kedua tahun lalu, yang membolehkan kelonggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) secara beransur-ansur menjelang penghujung tahun 2021. Oleh yang demikian, pertumbuhan KDNK kembali ke wilayah pengembangan pada 3.1% pada tahun 2021, walaupun sebahagiannya dinaikkan daripada asas kontraksi yang rendah sebanyak 5.6% pada tahun 2020.

Sementara itu, dasar fiskal terus menyokong ekonomi dengan pakej rangsangan berjumlah RM530 bilion digunakan sejak bermulanya pandemik ini. Dasar kewangan kekal akomodatif dengan Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras terendah iaitu 1.75% sepanjang tahun.

## TINJAUAN EKONOMI

### TINJAUAN EKONOMI GLOBAL 2022

Walaupun kadar pemulihan terpantas belum dapat dicapai, pertumbuhan global dijangka kekal teguh pada tahun 2022 disebabkan oleh simpanan yang lebih tinggi dan pembinaan semula inventori. Ekonomi besar utama dijangka akan tumbuh dengan pesat sehingga pertengahan tahun dan kemudian beransur sederhana apabila dorongan jangka pendek berkurangan. Ekonomi yang sedang membangun mungkin berdepan dengan prestasi yang hambar. Pasaran hartanah China juga berkemungkinan akan terus perlahan sementara dasar makro mula dilonggarkan secara sederhana.

Lonjakan inflasi yang didorong oleh harga barangan dari tahun 2021 mungkin menyebabkan bank-bank pusat memulakan proses penormalan kadar faedah walaupun pada tahap kelajuan penormalan yang dijangka berbeza mengikut ekonomi yang berlainan.

## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

### TINJAUAN EKONOMI MALAYSIA 2022

Dalam suasana pertumbuhan global yang terus kukuh pada tahun 2022, ekonomi domestik perlu meneruskan langkah pemulihan yang mantap, diperkukuh oleh pembukaan semula aktiviti ekonomi dan penyelesaian peningkatan permintaan tertahan. Namun begitu, tekanan inflasi luaran boleh memberi impak dari segi penggalakan tekanan harga dalam negara. Inflasi domestik dijangka dapat terus dibendung memandangkan kawalan harga barangan utama di bawah kategori makanan dan minyak masih diteruskan yang membolehkan penormalan kadar faedah secara beransur-ansur.

Namun begitu, risiko penurunan masih ada memandangkan ketidakpastian yang timbul daripada kelembapan ekonomi utama dan konflik geopolitik, termasuk kemungkinan lanjutan kekangan rantaian bekalan dan impak ekonomi.

### ULASAN PASARAN EKUITI

#### PASARAN GLOBAL 2021


Tahun 2021 bermula dengan sentimen positif apabila para pelabur menanti-nantikan pemulihan ekonomi global dan keadaan kembali normal didorong oleh pelaksanaan program vaksinasi. Ia merupakan tahun yang penuh dengan penantian dan ketidakpastian dengan ekonomi mencapai kemajuan ke arah pengadaptasian terhadap dunia pasca pandemik. Namun begitu, masih banyak yang perlu dilakukan memandangkan pemulihan tidak sekata dan sering terganggu oleh kebimbangan dan penularan varian virus baharu. Walaupun adanya vaksin, imuniti semula jadi yang signifikan dan pelbagai langkah pencegahan telah dilaksanakan, virus COVID-19 telah meragut lebih banyak nyawa pada tahun 2021 berbanding dengan tahun sebelumnya.

Namun demikian, tahun ini adalah positif bagi kebanyakan pasaran ekuiti global, disokong oleh pemulihan yang kukuh dalam pertumbuhan ekonomi dan dasar-dasar fiskal dan monetari akomodatif yang berterusan walaupun inflasi meningkat kepada paras tertinggi dalam beberapa dekad. Secara keseluruhannya, Indeks Dunia MSCI memberikan jumlah pulangan sebanyak +16.8% pada tahun 2021, dengan para pelabur menumpukan kepada asas pendapatan ekonomi dan korporat walaupun berdepan dengan kebimbangan terhadap pandemik COVID-19.

Ekuiti A.S. mendahului keuntungan merentas semua pasaran dengan MCSI US (MXUS) memberikan jumlah pulangan sebanyak 25.2% pada tahun 2021, mengatasi Indeks Dunia MSCI sebanyak 8.4 peratus mata. Indeks S&P 500 memperoleh 26.9%, Nasdaq Composite yang berkecenderungan teknologi mencatatkan peratus lebih tinggi pada 21.4%, manakala Indeks Dow Jones Industrial (DJI) memperoleh sebanyak 18.7% untuk mengakhiri tahun ini. Semenjak pandemik, Kongres A.S. telah meluluskan lebih kurang USD6.0 trilion dalam pakej rangsangan fiskal melalui 4 rang undang-undang utama, termasuk rang undang-undang bantuan COVID-19 pada USD1.9 trilion pada Mac 2021 di bawah pentadbiran Biden. Pakej-pakej rangsangan tersebut termasuklah pemberian tunai sebanyak USD1,400 kepada hampir semua rakyat Amerika dan USD20 bilion untuk menyokong usaha pengagihan vaksin, serta menyaksikan ekuiti A.S. mencapai paras tertinggi baharu. Pemulihan ekonomi dan pendapatan korporat yang teguh pada tahun 2021 mendorong pasaran A.S. untuk mengatasi semua indeks utama yang lain walaupun pandemik kekal sebagai faktor risiko utama sepanjang tahun.

China pula menunjukkan prestasi tidak memuaskan pada tahun 2021. Setelah mencapai rekod yang tinggi pada bulan Februari, Indeks Hang Seng (HSI) merosot sepanjang tahun. Hal ini disebabkan oleh peningkatan ketetapan pada sektor teknologi dan hartanah yang seiring dengan kekurangan tenaga dan kelembapan ekonomi. Indeks tersebut menunjukkan pulangan negatif sebanyak 14.1% pada tahun 2021.

#### Prestasi Indeks Ekuiti Global pada 2021 (%)



## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

### TINJAUAN PASARAN EKUITI

#### PASARAN EKUITI MALAYSIA 2021

FBM KLCI susut 3.7% dari tahun ke tahun pada tahun 2021 kepada 1,568 mata, disebabkan pasaran dilanda rentetan aliran berita dan peristiwa negatif. Walaupun harga tertinggi minyak sawit mentah (MSM) dicatatkan pada tahun 2021 dan prestasi cemerlang sektor Teknologi, Pengeluaran Perindustrian dan Penjagaan Kesihatan, prestasi ekuiti Malaysia terkesan oleh sektor pembuatan Sarung Tangan dan Perladangan, disebabkan oleh sentimen negatif berikutan ketidakpatuhan terhadap pengurusan buruh asing.

#### PASARAN EKUITI MALAYSIA 2022

Ekonomi global akhirnya mengalami fasa aktiviti ekonomi yang agak normal pada tahun 2022 memandangkan perjuangan menentang COVID-19 berubah dengan drastik setelah kadar vaksinasi global mencapai tahap imuniti kelompok yang kritikal. Situasi ini berlaku terutamanya di Pasaran Baharu Muncul yang secara amnya mengambil masa yang lebih lama untuk mengatasi isu pandemik disebabkan kekurangan akses kepada bekalan vaksin dan isu-isu logistik. Pemulihan kemunculan ekonomi Pasaran Baharu lambat disebabkan kadar pemberian vaksin yang perlahan pada tahun 2021 berbanding dengan pemain pasaran maju yang lain. Mereka berpotensi menjadi peluang pelaburan yang lebih menarik apabila kadar vaksinasi ditingkatkan pada tahun 2022. Sektor perkhidmatan terutamanya pelancongan dan yang berkaitan dengannya dijangka akan kembali kepada fasa pra-pandemik apabila sempadan negara dibuka semula dan mobiliti meningkat.

Masih terdapat keperluan bagi pemantauan risiko berterusan yang timbul daripada varian baharu yang berkemungkinan lali terhadap vaksin. Walau bagaimanapun, vaksin sedia ada didapati berkesan menghentikan peningkatan mendadak dalam kes kemasukan ke hospital dan kematian. Buat masa ini, varian Omicron kekal sebagai sesuatu yang perlu dipantau dan bukannya menjadi punca panik kerana kesannya lebih ringan, dan mutasi varian juga kurang memudaratkan. Fokus masih pada ketahanan atau kebolehsuaian vaksin, keberkesanan dan suntikan penggalak, dan kesan sampingan tidak seteruk yang dialami ketika kemelesetan pada tahun 2020.

Permintaan tertahan, gangguan bekalan, tahap inventori rendah dan kelembapan perbelanjaan modal (CAPEX) pada tahun-tahun lalu telah mengakibatkan tekanan inflasi global. Inisiatif sokongan Kerajaan telah membantu pemulihan kedudukan kewangan korporat dan isi rumah yang akan meningkatkan permintaan tertahan barangan terpilih serta permintaan perkhidmatan. Harga minyak mentah yang kukuh juga akan meningkatkan inflasi apabila ekonomi dibuka semula. Oleh itu, kebimbangan mengenai inflasi yang semakin meningkat dan berkemungkinan lebih berpanjangan akan terus menguasai pasaran ekuiti pada tahun 2022. Hasil perbendaharaan dijangka terus meningkat sepanjang tahun 2022 dengan faktor-faktor seperti persekitaran peningkatan kadar inflasi, pengurangan penirusan pelonggaran kuantitatif (QE) yang lebih pantas dan potensi kenaikan kadar Rizab Persekitaran lebih cepat daripada jangkauan. Ini akan terus memberi kesan kepada penilaian pertumbuhan dan menyokong nilai dan kitaran saham. Di samping itu, kemunculan Ekonomi Baharu terutamanya saham-saham yang mempunyai imbangan luaran yang lemah perlu menaikkan kadar dasar mereka dengan lebih cepat untuk melindungi mata wang dan pasaran modal mereka daripada potensi aliran keluar dana.

Bertumpu kepada bursa tempatan, belanjawan 2022 Malaysia yang diumumkan pada 29 Oktober 2021 dianggap sebagai belanjawan terbesar setakat ini. Walau bagaimanapun, pengenalan "Cukai Makmur" merupakan satu kejutan dan menyebabkan penangguhan sementara disebabkan kesan negatifnya terhadap keuntungan korporat. Walaupun berdepan dengan rintangan setelah berada di bawah pelbagai sekatan sepanjang tahun 2021, terdapat penunjuk kukuh bahawa aktiviti-aktiviti ekonomi akan dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penuh pada tahun 2022, didorong oleh kadar vaksinasi yang tinggi serta penurunan dalam kadar kemasukan ke hospital. Dengan sentimen pasaran keseluruhan yang bertambah baik, ini juga memberi petanda baik untuk pasaran ekuiti.



## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

### ULASAN PASARAN BON

#### ULASAN PASARAN PENDAPATAN TETAP GLOBAL 2021

Pasaran pendapatan tetap global mengharungi tahun yang mencabar pada tahun 2021. Ketika dunia lama-kelamaan sudah lazim dengan keadaan pandemik ini, jangkaan pemulihan pertumbuhan mengurangkan tarikan bagi pelaburan yang selamat. Sementara itu, gangguan rantaian bekalan, kekurangan buruh dan pembukaan semula ekonomi telah menyebabkan lonjakan tekanan inflasi yang menimbulkan jangkaan penormalan dasar monetari bank-bank pusat yang mendorong para pelabur untuk mengelak daripada bon global.

Inflasi yang berterusan pada separuh kedua yang dicetuskan oleh pembukaan semula ekonomi global mendorong kepada pulangan bon yang lebih tinggi pada peringkat global. Di A.S., Perbendaharaan A.S. 10-Tahun berakhir dengan 60 mata asas (bps) lebih tinggi berbanding 1.51% pada penghujung tahun 2021 daripada kedudukannya tahun 2020 dengan keluk hasil menunjukkan trend mendatar apabila tenor pertengahan meningkat paling pantas pada suku ketiga semenjak pandemik bermula. Ini adalah berlatar belakangkan Indeks Perbelanjaan Penggunaan Peribadi A.S. (PCE), ukuran inflasi yang terus meningkat dan akhirnya mencapai tahap tertinggi dalam tempoh 38 tahun dan disebabkan oleh lonjakan harga komoditi serta kesan kejutan berikutan gangguan rantaian bekalan.

Berikutan kebimbangan mengenai inflasi, Rizab Persekutuan A.S. memulakan kitaran pengetatan dengan memberi komitmen untuk meningkatkan kadar pengurangan asetya pada Mac 2022. Jangkaan pasaran bagi kenaikan pertama Rizab Persekutuan semenjak COVID-19 juga dianjak ke depan kepada suku pertama bagi tahun 2022, dengan plot titik menandakan kenaikan kadar faedah lebih pantas dan tinggi berbanding dengan jangkaan sebelumnya untuk menangani inflasi yang meningkat dan berterusan. Kebimbangan mengenai perubahan dinamik tekanan harga dikongsi oleh Norges Bank dan Bank of England memandangkan kedua-dua bank itu memulakan kitaran pengetatan mendahului Rizab Persekutuan dengan menaikkan kadar faedah pada suku ketiga dan keempat.


Bank-bank pusat utama lain juga mengambil langkah yang lebih berjaga-jaga dan tersusun bagi menaikkan kadar faedah walaupun berdepan dengan tekanan inflasi Bank Pusat Eropah (ECB) yang berpendapat bahawa kedudukan kewangan masih diperlukan untuk mengukuhkan ekonomi dan menstabilkan inflasi dalam jangka sederhana. Sementara itu, ekonomi

yang perlahan mendorong People's Bank of China (PBOC) untuk berada dalam mod kelonggaran, sementara Bank of Japan (BOJ) mengekalkan kadar dasarnya ketika inflasi Jepun terus berlegar sekitar sifar.

Pada tahun 2021, dunia bergelut dengan pandemik COVID-19 dan kemunculan varian baharu memburukkan lagi keadaan. Walaupun ekuiti menunjukkan prestasi yang baik daripada segi prospek pemulihan yang didorong oleh pelaksanaan vaksinasi yang kukuh, bon tempatan dan Sukuk juga tidak terkecuali.

Indeks Refinitiv (RF) BPAM All Bond yang berada pada 188.887 mata pada akhir Disember 2020, jatuh kepada 182.496 mata pada akhir Mac 2021, berikutan peningkatan semula kes-kes harian COVID-19 di seluruh dunia dan lonjakan dalam hasil Perbendaharaan A.S. yang timbul daripada kebimbangan inflasi yang tidak terkawal selepas rang undang-undang bantuan COVID-19 bernilai USD1.9 trilion diluluskan oleh kerajaan A.S. Namun, Indeks tersebut kembali pulih kerana permintaan bagi bon tempatan menunjukkan daya tahan walaupun berhadapan dengan cabaran. Indeks meningkat kepada 187.286 mata pada akhir Disember 2021. Secara keseluruhan, indeks mencatatkan penurunan -0.85% dari tahun ke tahun dan prestasi pasaran bon Ringgit Malaysia seperti yang diukur oleh indeks mencatatkan pulangan tahunan negatif untuk kali pertama sejak penubuhan KWAP pada tahun 2007.

#### Hasil MGS vs Tahap OPR



Sumber: BPAM

## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

### ULASAN PASARAN BON

#### ULASAN PASARAN BON KORPORAT TEMPATAN 2021 (SAMBUNGAN)

Bon kerajaan dalam pasaran utama terus mencatat permintaan yang kukuh pada tahun 2021, menarik sokongan daripada pelabur-pelabur asing dan tempatan. Ia berikutan pengesahan semula Moody mengenai penarafan penerbit jangka panjang Malaysia dalam mata wang tempatan dan asing pada A3 dengan unjuran yang stabil, serta pengesahan semula FTSE Russell mengenai keahlian Malaysia dalam Indeks Bon Kerajaan Dunia. Permintaan asing seterusnya didorong oleh pelabur yang ingin memperoleh nilai dengan mengambil kesempatan daripada serakan hasil Malaysia yang lebih menarik berbanding dengan pasaran membangun yang lain. Hasil MGS menunjukkan trend yang lebih tinggi pada tahun 2021, mencapai tahap semasa pra-pandemik menjelang akhir tahun. Hasilnya, pasaran merekodkan aliran masuk bersih pelaburan asing tertinggi ke dalam pasaran bon domestik sejak tahun 2012, iaitu sebanyak RM33.6 bilion pada tahun 2021 berbanding RM18.3 bilion pada tahun 2020.

Penerbitan kasar bon korporat dalam pasaran domestik meningkat kepada RM114.28 bilion pada tahun 2021 berbanding RM104.58 bilion pada tahun 2020, yang disumbangkan oleh persekitaran pengumpulan dana yang lebih menggalakkan serta disokong oleh keyakinan pelabur yang bertambah baik dan hasil yang rendah. Mengikut julat penarafan, 53.5% daripada jumlah penerbitan merupakan penerbitan berkadaran, diikuti oleh penerbitan yang dijamin oleh Kerajaan pada 24.6% dan penerbitan tidak berkadaran pada 21.9%. Bagi kategori berkadaran, lebih separuh daripada penerbitan diberikan penarafan AAA yang menunjukkan keadaan pasaran kekal mencabar bagi syarikat korporat yang mempunyai profil kredit yang lebih lemah. Sementara itu, penerbitan tidak berkadaran meningkat sebanyak 31.6% disebabkan syarikat korporat mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang rendah.


#### Kedudukan Kredit Domestik

Tahun 2021 terus mencabar pasaran kredit domestik, menyaksikan bilangan penerbit yang berada di bawah Unjuran Negatif meningkat. Daripada 21 penerbit di bawah Unjuran Negatif, 16 telah terjejas secara langsung dan/atau tidak langsung oleh gangguan operasi perniagaan akibat sekatan berkaitan dengan pandemik yang berterusan dari tahun 2020. Impak negatif pandemik itu kelihatan tidak sekata merentas sektor, dengan sektor hartanah, jalan bertol dan utiliti membentuk bahagian terbesar penerbit di bawah Unjuran Negatif.


Pasaran menyaksikan jumlah penurunan taraf tertinggi sejak tahun 2016. Pada tahun 2021, 14 bon mengalami penurunan taraf berbanding dengan 10 bon yang mendapat peningkatan taraf, tanpa kecenderungan ke arah mana-mana industri tertentu. Perubahan penarafan dilihat sebagai khusus penerbit dan tidak berlaku pada seluruh industri. Ini menyetekankan kepentingan bagi syarikat korporat supaya mempunyai kunci kira-kira yang kukuh untuk menghadapi tempoh yang mencabar.

Meskipun bilangan penerbit di bawah Unjuran Negatif adalah besar, hanya satu penerbit yang terjejas pada tahun 2021, iaitu sebuah syarikat tujuan khas yang dimiliki sepenuhnya oleh syarikat yang menawarkan perkhidmatan jualan kredit. Risiko keingkaran di seluruh pasaran kelihatan terkawal dan terurus walaupun menghadapi cabaran.

#### Penerbit di bawah Tinjauan Negatif



#### Serakan Kredit Korporat dalam Ringgit Malaysia (5 tahun)



## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

### TINJAUAN PASARAN KREDIT

#### PASARAN KREDIT TEMPATAN PADA 2022

Pasaran kredit domestik dijangka kekal berdaya tahan pada tahun 2022 walaupun kekuatan pemulihan ekonomi masih belum dipastikan, di samping kemunculan varian baharu COVID-19, gangguan rantaian bekalan dan peningkatan inflasi. Peralihan Malaysia ke fasa endemik yang disokong oleh kadar vaksinasi yang kukuh akan menggalakkan aktiviti ekonomi. Di samping itu, asas korporat domestik yang teguh akan membolehkan mereka mengharungi keadaan makroekonomi akan datang yang mencabar, yang mungkin memperlambatkan pemulihan. Namun, terdapat kemungkinan tekanan penarafan negatif, terutamanya dalam sektor hartanah, penerbangan dan perbankan, yang paling terjejas oleh pandemik ini. Berikutan pembukaan semula ekonomi, bank pusat dijangka menaikkan OPR, walaupun dengan agak berhati-hati supaya tidak menghalang pertumbuhan ekonomi yang semakin meningkat. Hasil dijangka meneruskan trend menaik, kembali ke paras pra-pandemik pada penghujung tahun 2021. Ini mungkin memberi manfaat kepada pasaran domestik apabila pelabur mencari penilaian yang menarik dan memenuhi keperluan untuk melindungi portfolio mereka daripada perubahan persekitaran makroekonomi, terutamanya berkaitan ESG dan inflasi yang meningkat.

Apabila rantau lain menghadapi cabaran ESG yang unik, ia mewujudkan peluang bagi penciptaan nilai. Malaysia berpotensi untuk menarik pelaburan sebagai peneraju dalam penerbitan ESG di rantau ini. Malaysia mencatat sejarah dengan penerbitan Sukuk Kemampunan denominasi USD pertama di dunia pada tahun 2021. Di Malaysia, pasaran domestik menyaksikan pertumbuhan yang ketara dalam penerbitan bon ESG pada tahun 2021, berjumlah kira-kira RM4.9 bilion berbanding RM1.0 bilion pada tahun 2020, yang tertinggi sejak Rangka Kerja Sukuk SRI ditubuhkan pada tahun 2014. Trend meningkat itu mungkin akan berterusan pada tahun 2022, disokong oleh inisiatif cukai bagi Sukuk SRI sehingga tahun 2025, yang dijangka menggalakkan penerbitan bon ESG oleh syarikat korporat. Lonjakan pemilik aset yang mempertimbangkan ESG dalam proses pemilihan dan kontrak mereka telah mendorong pecutan dalam mengintegrasikan ESG ke dalam proses pelaburan. KWAP juga berada dalam proses mengukuhkan integrasi ESG untuk melengkapkan mekanisme penapisan pelaburannya yang sudah ketat. Walaupun penerbitan ESG mengalami pertumbuhan yang luar biasa, masih terdapat ruang untuk meneruskan pembangunan garis panduan dan peraturan bagi menghalang penyalahgunaan istilah tersebut sambil mengukuhkan keyakinan dalam pelaburan ESG dan melindungi para pelabur.

### ULASAN PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN

#### EKUITI PERSENDIRIAN PADA 2021


2021 merupakan tahun yang luar biasa bagi kelas aset ekuiti persendirian seperti yang dilihat dalam daya tahan, pertumbuhan dalam pengumpulan dana dan modal yang diperoleh serta peningkatan dalam Aset Di Bawah Pengurusan (AUM). Walaupun tahun tersebut kelihatan seperti lanjutan daripada tahun 2020, dari segi sekatan pergerakan global yang berlanjutan dan kawalan pergerakan akibat mutasi virus COVID-19, ia perlahan-lahan beralih kepada tempoh pemulihan. Dengan sejumlah besar ekonomi membuka semula sempadan masing-masing terutamanya bagi urusan perniagaan apabila kadar vaksinasi meningkat secara global. Ini memberikan prospek yang lebih cerah untuk separuh kedua bagi tahun 2021 di mana pasaran dan institusi kewangan menggunakan tempoh pemulihan dengan sebaiknya dengan peningkatan tahap

pengumpulan dana dan aktiviti rundingan. Merujuk kepada *McKinsey's Global Private Markets Review 2022*, faktor utama kepada peningkatan permintaan dalam kelas aset pasaran persendirian ini adalah berdasarkan angka prestasi utama Kadar Pulangan Dalaman (IRR) terkumpul 10 tahun sebanyak 27.0% pada tahun 2021, mengatasi kebanyakan ukuran Kesetaraan Pasaran Awam (PME). Pasaran ekuiti persendirian global menyaksikan pemulihan dalam modal agregat dikumpul dan purata saiz pengumpulan dana. Fenomena ini berlaku tepat pada masanya selepas pelbagai peristiwa yang disebabkan oleh pandemik pada tahun 2020 menyaksikan penurunan tahun pertama bagi kelas aset, di mana pengumpulan dana agregat jatuh sebanyak 7.1%.

## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET


### ULASAN PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN

**Carta 1: Pengumpulan Dana Ekuiti Persendirian Global dari 2010 hingga 2021**



Sumber: Preqin

**Carta 2: Pendedahan Pengumpulan Dana Ekuiti Persendirian Global Mengikut Rantau pada 2021**



Sumber: Preqin

Modal agregat dikumpul pada tahun 2021 seperti yang digambarkan dalam Carta 1, meningkat sebanyak 17.8% daripada USD722.7 bilion pada tahun 2020 kepada paras tertinggi sebanyak USD851.6 bilion berikutan pemulihan ekonomi global. Purata saiz dana ekuiti persendirian yang terkumpul pada tahun 2021 pulih dengan pertumbuhan sebanyak 0.8% kepada USD358.0 juta tahun ke tahun disebabkan sokongan para pengurus dana kuartil teratas mengembangkan dana utama mereka dan meningkatkan kekerapan pengumpulan dana berikutan peluang yang lebih besar semasa tempoh pemulihan ekonomi global. Pengurus dana berkemungkinan tertarik dengan peluang untuk menggunakan modal ke dalam pasaran-pasaran yang semakin pulih, serta ke dalam sektor-sektor yang berkembang pesat seperti teknologi, perkhidmatan pengguna dan penjagaan kesihatan.

Carta 2 menunjukkan pengumpulan dana ekuiti persendirian global pada tahun 2021 mengikut rantau, yang didahului oleh rantau Amerika Utara dengan bilangan dana sebanyak 1,566, meningkat 46.9% tahun ke tahun daripada 1,066 dana, manakala modal agregat dikumpul meningkat 15.9% kepada USD481.1 bilion. Rantau Eropah menduduki tempat kedua dari segi modal agregat dikumpul pada USD170.4 bilion, manakala Asia mengumpul USD164.7 bilion, kurang sedikit daripada Eropah. Bilangan dana yang dikumpul di Asia adalah 492, iaitu 140 lebih banyak daripada di Eropah, yang dikaitkan dengan dana bersaiz lebih kecil, yang berkemungkinan tertumpu dalam Pasaran Baharu Muncul. Selain itu, semua rantau selain Asia mencapai rekod pengumpulan dana setahun yang baharu pada tahun 2021. Seperti yang diperhatikan dalam *Preqin's Global Private Equity Report 2022*, perkara ini dikaitkan dengan pengumpulan dana ekuiti modal teroka dan pertumbuhan yang lebih rendah dalam rantau geografi yang disebabkan oleh kitaran umum. Sebaliknya, pengumpulan dana Eropah disediakan untuk saiz dana yang lebih besar yang berpotensi disebabkan oleh peluang yang lebih besar dan ketersediaan tawaran yang lebih banyak berkaitan teknologi, penjagaan kesihatan dan pembangunan perkhidmatan pengguna dengan syarikat asas yang lebih mahal.


## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

### PASARAN INFRASTRUKTUR PADA 2021

Pasaran infrastruktur kembali pulih pada tahun 2021 sejajar dengan pemulihan global apabila kebanyakan ekonomi memasuki fasa endemik. Ketika kelas aset terus berkembang, peningkatan tahap modal terus mengalir pada kadar yang besar ke dalam ruang infrastruktur tidak tersenarai global. Hal ini disebabkan oleh fasa pendigitan dan evolusi tenaga yang pesat dalam ruang tersebut, seterusnya dikenali sebagai peralihan kepada bentuk alternatif penjana tenaga yang boleh diperbaharui dan memberikan kesan positif terhadap kemampuan alam sekitar. Tambahan pula dengan tahun 2021 yang digelar sebagai tahun pemulihan juga menghadapi ancaman inflasi apabila ekonomi dibuka dan penggunaan meningkat,

walaupun dengan kekurangan yang dihadapi dalam rantaian bekalan pelbagai industri yang berkaitan dengan infrastruktur. Kebimbangan mengenai ancaman inflasi ini mewakili faktor bagi peningkatan populariti kelas aset berkenaan sebagai aset infrastruktur, yang mempunyai ciri lindung nilai hasil kontrak dan kuasa penetapan harga yang membolehkan konsistensi dalam hasil. Di samping itu, peralihan pantas ke arah pelaburan mampan dan berimpak yang jelas kelihatan dalam agenda kebanyakan pengurus dana selaras dengan *United Nations Sustainable Development Goals (UNSDG)* dan *25<sup>th</sup> United Nations Climate Change Conference (COP25)* yang diadakan pada tahun 2021 menyaksikan peningkatan permintaan untuk pelaburan dalam pasaran infrastruktur, terutamanya dalam dana hijau dan berimpak.

**Carta 3: Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Tersenarai Global 2010 hingga 2021**




Carta 3 menunjukkan peningkatan dalam pertumbuhan pengumpulan dana infrastruktur tidak tersenarai global sepanjang 11 tahun, dengan modal agregat dikumpul 2021 berjumlah USD128.0 bilion, meningkat sebanyak 12.1% daripada tahun 2020. Purata saiz dana tinggi sepanjang masa dicatatkan pada tahun 2021 dengan kenaikan sebanyak 36.5% yang melebihi had bilion dolar kepada lebih USD1.0 bilion berbanding dengan tahun 2020 pada USD756.2 juta. Memandangkan mandat infrastruktur terus berkembang selaras dengan aliran makroekonomi, pengurus dana menghadapi dilema untuk mengimbangi semula portfolio infrastruktur mereka selaras dengan pendirian ESG yang semakin meningkat, seperti melabur dalam sumber penjana tenaga

alternatif dan boleh diperbaharui serta aset teknologi bersih. Kelas aset infrastruktur juga menyaksikan peningkatan pelaburan ke dalam teknologi infrastruktur dalam sektor komunikasi seperti dalam syarikat menara pencawang dan pembangunan teknologi penghantaran internet 5G generasi hadapan. Akhir sekali, faktor ketiga yang mendorong kadar pertumbuhan kelas aset ialah teknologi infrastruktur (*infra tech*), yang melibatkan naik taraf projek *brownfield* seperti pelaburan untuk menambah baik infrastruktur sedia ada dalam pengumpulan data yang membolehkan pengurusan sumber yang cekap, serta projek *greenfield* seperti pembangunan kemudahan pengecasan untuk kenderaan elektrik demi masyarakat yang lebih lestari.

## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

**Carta 4: Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Tersenarai Global pada 2021 mengikut Rantau**



Sumber: Preqin

modal agregat dikumpul merosot 10.0% kepada USD6.5 bilion. Dengan peningkatan tumpuan kepada pelaburan berkaitan infrastruktur yang mampan dan mesra alam, jelas sekali bahawa rantau Asia kurang membangun dan memerlukan pertumbuhan selanjutnya untuk menarik pelaburan dalam bidang infrastruktur seperti rantau Eropah dan Amerika Utara.

Peralihan dilihat di rantau terkemuka bagi modal agregat dikumpul pada tahun 2021, dengan jumlah pengumpulan dana pasaran Eropah meningkat 72.2% kepada USD72.5 bilion daripada USD42.1 bilion, manakala bilangan dana yang diperoleh menurun daripada 61 pada 2020 kepada 52 pada tahun 2021. Merujuk kepada *Preqin's Infrastructure Global Report 2022* peningkatan pengumpulan dana di rantau ini terbukti melalui bilangan dana yang diperoleh lebih tinggi, dengan saiz dana melebihi USD5.0 bilion. Rantau Amerika Utara menyaksikan penurunan 23.3% dalam bilangan dana yang diperoleh serta penurunan 31.6% kepada USD38.5 bilion dalam modal agregat dikumpul pada tahun 2021. Berdasarkan *McKinsey's Private Market Annual Review 2022*, punca penurunan pengumpulan dana Amerika Utara berkemungkinan berkaitan isu penawaran urus niaga berkualiti dengan pertumbuhan yang memberi peluang berbanding rantau Eropah. Bilangan dana yang dikumpul di Asia merosot hampir separuh kepada 13 dana infrastruktur, manakala

### TINJAUAN PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN

#### TINJAUAN PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN DAN INFRASTRUKTUR PADA 2022

Tahun 2021 kelihatan seperti lanjutan daripada tahun sebelumnya. Banyak negara masih mengekalkan sekatan pergerakan dan pergerakan terhad merentasi sempadan antarabangsa yang disebabkan oleh mutasi virus COVID-19. Walau bagaimanapun, apabila kadar pemberian vaksin di seluruh dunia meningkat pada separuh kedua tahun 2021, Amerika Utara dan Eropah melonggarkan sekatan pergerakan dan keperluan kuarantin, manakala kebanyakan

negara-negara Asia masih mengekalkan dasar sehingga akhir tahun 2021. Apabila lebih banyak sekatan pergerakan berkaitan pandemik dilonggarkan secara beransur-ansur, pertumbuhan dalam kelas aset ekuiti persendirian dan infrastruktur akan meningkat terutamanya keadaan pasaran dengan hasil yang rendah pada peringkat awal. Keadaan ini dapat dilihat terutamanya dalam peningkatan aset dalam pengurusan (AUM) serta aktiviti pengumpulan dana yang berkembang dengan pesat pasca pandemik.

**Carta 5: Aset Dalam Pengurusan dan Unjuran Ekuiti Persendirian bagi tahun 2010-2026**



Sumber: Preqin


## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

Carta 5 menggambarkan AUM ekuiti persendirian global yang berjumlah USD5.3 trilion pada tahun 2021, berkembang dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 10.8% dalam tempoh 11 tahun antara 2010 dengan 2021. Pasaran ekuiti persendirian melepasi rekod prestasi apabila dibandingkan dengan indeks MSCI ACWI yang berkembang pada CAGR sebanyak 8.4%, untuk tempoh masa yang sama. *Preqin's Private Equity Global Report 2022* meramalkan pertumbuhan 18.8% dalam AUM untuk kelas aset tersebut sehingga tahun 2022, disokong oleh pemulihan global persekitaran makroekonomi apabila organisasi berusaha untuk memenuhi kekurangan bekalan akibat penggunaan yang meningkat berpunca daripada dua tahun pandemik. Ramalan seterusnya menunjukkan CAGR sebanyak 15.1% dalam AUM pasaran ekuiti persendirian kepada USD11.1 trilion menjelang tahun 2026. Peningkatan dalam pertumbuhan AUM didorong terutamanya oleh aktiviti pengumpulan dana yang mula meningkat disebabkan oleh jangkaan pulangan yang lebih tinggi daripada kelas aset ini. Sebagai contoh, analitik Preqin mencatatkan bahawa ekuiti persendirian global menjejaki dananya setelah menghasilkan paras IRR bersih melebihi 18.0% dalam tempoh lima tahun hingga suku pertama tahun 2021. Ramalan meningkat itu disokong oleh jangkaan pertumbuhan ekonomi global pada peratusan satu digit pertengahan bagi tahun 2021, dengan pengecualian terhadap sebarang isu ekonomi atau geopolitik utama pada tahun 2022, berdasarkan Oxford Economics.

### TINJAUAN PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN 2022

Aset di Bawah Pengurusan (AUM) infrastruktur tidak tersenarai global mencatatkan sejumlah USD864.2 bilion pada tahun 2021, meningkat 18.4% seperti yang digambarkan dalam Carta 6. Preqin mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 18.5% pada tahun 2022 dengan kelas aset melepasi paras USD1.0 trilion dan CAGR sebanyak 16.6% bagi tempoh antara tahun 2021 hingga tahun 2026. Model analitis Preqin mengesyorkan pertumbuhan bagi kelas aset AUM infrastruktur tidak tersenarai bakal disumbang oleh permintaan jangka panjang dan pelaburan stabil untuk mengatasi ketidakpastian pelaburan ekuiti. Tambahan lagi, peningkatan kadar faedah dalam aset infrastruktur dijana oleh tenaga mampan dan bersih serta pembangunan pesat aset teknologi infrastruktur yang merupakan faktor utama yang memacu faedah kelas aset. Hal ini terbukti dalam kenaikan CAGR yang meningkat 18.5% sepanjang enam tahun dari tahun 2015 hingga tahun 2021, dan diunjurkan pertumbuhan CAGR akan terus meningkat sebanyak 16.6% dalam tempoh lima tahun lagi sehingga tahun 2026. Penyelidikan Preqin juga mengambil maklum bahawa kelas aset infrastruktur tidak tersenarai akan meningkatkan bahagian syernya dalam pasaran modal persendirian daripada 9.7% kepada 10.5% antara tahun 2021 hingga tahun 2026, manakala pasaran ekuiti persendirian akan kekal sebagai kelas aset paling dominan, meningkat daripada sebanyak 59.4% pada tahun 2021 kepada 62.6% dalam tempoh enam tahun.


**Carta 6: AUM Infrastruktur Tidak Tersenarai dan Unjuran bagi Tahun Berakhir 2010-2026**



## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET


### ULASAN PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN

**Carta 7: Dry Powder Ekuiti Persendirian Mengikut Jenis Dana bagi Tahun Berakhir 2010-2020**



Sumber: Preqin

**Carta 8: Nilai dan Saiz Urus Niaga Agregat Ekuiti Persendirian Global**



Sumber: Preqin


*Dry powder* bagi industri ekuiti persendirian seperti yang digambarkan dalam Carta 7, kekal kukuh pada USD2.2 trilion pada akhir tahun 2021. Majoriti *dry powder* diperuntukkan ke arah strategi beli habis pada 38.7% diikuti oleh lain-lain pada 28.2%, modal teroka pada 19.4% dan pertumbuhan pada 13.7%. Sepanjang tempoh 11 tahun, strategi pertumbuhan telah mencapai CAGR tertinggi sebanyak 14.9%, diikuti oleh modal urus niaga pada 14.7%, seterusnya diikuti oleh komponen lain-lain, yang terdiri daripada sekunder, situasi bermasalah dan sebagainya, mengalami CGAR sebanyak 11.5%. Strategi beli habis, yang sentiasa mengekalkan kedudukannya dari segi peruntukan *dry powder* bagi kelas aset, meningkat pada CGAR 6.7%. Peningkatan *dry powder* yang diperuntukkan kepada strategi pertumbuhan adalah selaras dengan pemulihan pasaran global pasca pandemik memandangkan organisasi mementingkan penjagaan kesihatan, penyelesaian pengguna, perisian risikan perniagaan, infrastruktur teknologi dan sokongan logistik yang berupaya menangani jurang dalam peningkatan permintaan yang didorong oleh penggunaan dan jurang dalam kekurangan bekalan di seluruh dunia.

Pasaran ekuiti persendirian global mengalami pertumbuhan monumental dalam nilai urus niaga agregat dengan peningkatan 88.3%, melepasi paras USD1.0 trilion pada tahun 2021. Nilai urus niaga agregat USD1.57 trilion tersebut meningkat daripada USD856.3 bilion, disumbangkan oleh saiz urus niaga yang dilaksanakan pada tahun tersebut. Saiz tawaran purata untuk tahun 2021 meningkat 44.5%, daripada USD437.3 kepada USD632.0 juta, seperti yang digambarkan dalam Carta 8. Peningkatan dalam saiz purata urus



## ULASAN EKONOMI, PASARAN DAN KELAS ASET

**Carta 9: Nilai Urus Niaga Agregat Infrastruktur Tidak Tersenarai Global dan Purata Saiz Urus Niaga**



niaga ini berkait dengan peningkatan dua kali ganda tawaran pasaran pertengahan yang luas melebihi USD1.0 bilion. Ini adalah disebabkan oleh modal tidak terjual tahun sebelumnya, seperti yang dipaparkan dalam Carta 8 di mana purata saiz urus niaga berada pada arah aliran menurun selama dua tahun, antara tahun 2018 hingga 2020. Pada tahun 2020, pandemik menyekat strategi pelaburan akibat kemelesetan global dan ini turut memberi tekanan kepada Rakan Kongsi Am (GP) untuk menggunakan peruntukan modal yang tidak dilaburkan pada tahun 2021. Hal ini berikutan pelbagai pakej rangsangan yang diumumkan oleh pelbagai kerajaan menyebabkan GP berusaha mendapatkan tawaran yang lebih besar untuk menstabilkan dan memaksimumkan pulangan. Urus niaga pada tahun 2021 juga dinilai lebih tinggi disebabkan oleh gandaan yang lebih tinggi akibat peralihan dalam pendekatan ekuiti persendirian daripada kos dan pertumbuhan pengunderaitan.

Tahun 2021 merupakan tahun pemulihan yang kukuh dalam nilai urus niaga agregat dan purata saiz urus niaga bagi kelas aset infrastruktur tidak tersenarai global seperti yang digambarkan

dalam Carta 9. Nilai urus niaga agregat pada tahun 2021 meningkat 84.6% berbanding tahun 2020 kepada USD546.5 bilion, manakala purata saiz urus niaga juga meningkat 81.9% kepada USD793.2 juta. Pandemik memberi kesan ketara kepada jumlah urus niaga dan purata saiz urus niaga pada tahun 2020 apabila pelabur mengambil pendekatan konservatif untuk menghalang pelaburan yang menyaksikan nilai urus niaga agregat jatuh 42.7% antara tahun 2019 dan 2020 serta purata saiz urus niaga merosot 37.3% dalam tempoh yang sama. Kelas aset ini telah berkembang daripada fokus pelaburan dalam aset infrastruktur awam yang menjana tunai, kepada sektor yang beroperasi dalam pasaran yang lebih luas dengan pendapatan boleh direalisasikan bukan sahaja melalui hartanah tetapi juga aset-aset lain, seperti kontrak terjamin pada masa hadapan. Disebabkan oleh kestabilan kelas aset ini, peluang untuk pertumbuhan disebabkan oleh permintaan yang didorong oleh penggunaan dan kekurangan rantaian bekalan, peralihan kepada strategi pelaburan fokus kelestarian alam sekitar, peruntukan rakan kongsi terhad telah mengimbangi semula peruntukan ke arah kelas aset ini dan membawa kepada kadar pertumbuhan pesat pada tahun 2021.

# STRATEGI PELABURAN KAMI

**Tujuan KWAP adalah untuk mengekalkan dan mengembangkan dana dengan melabur dalam aset-aset secara berhemat untuk mengoptimalkan pulangan pelaburan bagi membantu warga perkhidmatan awam Malaysia dengan membina jaminan kewangan semasa bersara. Kami mengambil pendekatan jangka panjang dalam pengurusan dana di bawah strategi seperti yang digariskan dalam tiga tahun Alokasi Aset Strategik (SAA) yang dinamik. SAA telah berkembang sejak beberapa tahun dan membolehkan KWAP meningkatkan strategi kepelbagaian portfolionya untuk meraih peluang pasaran. Ini telah menyaksikan KWAP secara konsisten mengatasi sasaran pulangan jangka panjang sebanyak 5% hingga 6% dalam tempoh 10 tahun.**

Susulan semakan SAA yang dijalankan pada tahun 2020, sasaran SAA lima tahun yang baharu yang dirumus oleh Lembaga dan Panel Pelaburan telah membolehkan Dana meningkatkan alokasi antarabangsanya daripada 19% kepada 30% daripada jumlah aset.

Sebagai pengurus dana yang besar, KWAP melabur dalam gabungan aset berkualiti merentas pelbagai geografi untuk mengembangkan saiz dana dalam tempoh jangka panjang. Kami menggunakan gabungan pengurusan profesional pelaburan secara dalaman dan luaran di Malaysia dan luar negara, untuk memastikan Dana berada pada kedudukan yang baik bagi memanfaatkan peluang dan terus memberikan pertumbuhan jangka panjang.

Kami sedar akan keperluan untuk memacu pelaburan yang lebih bertanggungjawab dan komited bagi menyepadukan lagi Alam Sekitar, Sosial dan Amalan Tadbir Urus (ESG) dalam pendekatan pelaburan agar kami boleh memberikan prestasi yang mampan untuk tahun-tahun akan datang. Kami memainkan peranan aktif melalui penglibatan kami bersama syarikat penerima pelaburan untuk mempengaruhi penyepaduan ESG dalam perniagaan mereka dan menggalakkan mereka untuk mengukur dan mengurangkan jejak karbon mereka yang penting untuk menuju ke arah menangani isu perubahan iklim yang semakin membimbangkan.

## Pendekatan Strategi Pelaburan 2022

Strategi pelaburan kami telah dibangunkan dengan matlamat untuk mengembangkan saiz Dana kepada RM200 bilion menjelang tahun 2025. Peruntukan aset KWAP kepada pelaburan domestik pada masa ini adalah 80.0% daripada jumlah aset, yang bersamaan dengan RM127.13 bilion, daripada jumlah saiz dana sebanyak RM159.04 bilion pada 31 Disember 2021. Kami kekal komited untuk melabur dalam pasaran domestik dan telah merancang pelaburan domestik bernilai RM8 bilion sebagai sebahagian daripada kelulusan untuk strategi pelaburan dan sasaran pulangan tahun 2022.

Dalam menyokong pembangunan pasaran modal swasta Malaysia, KWAP bercadang untuk meningkatkan saiz pelaburan swasta tiga kali ganda dalam ekonomi domestik, dengan tujuan untuk meningkatkannya daripada RM3.5 bilion kepada RM12 bilion menjelang tahun 2025. Ini tertakluk kepada ketersediaan peluang pelaburan, pembiayaan melalui kelas aset boleh niaga dan instrumen pasaran wang. Kami menganggap bahawa penempatan pelaburan swasta cenderung untuk dikenakan caj dalam tempoh peralihan SAA.

Bagi tahun 2022, sejumlah RM3.6 bilion telah dirancang untuk pelaburan persendirian, di mana RM0.34 bilion telah diperuntukkan untuk pelaburan domestik yang merupakan sebahagian daripada kelulusan strategi pelaburan dan sasaran pulangan 2022. Sebagai tambahan kepada peruntukan aset KWAP dalam pasaran swasta, kami juga berhasrat untuk menggunakan 3% daripada kelulusan peruntukan aset kepada portfolio strategik atau oportunistik untuk memacu pertumbuhan baharu dan meningkatkan impak sosio-ekonomi kepada ekonomi domestik. Oleh itu, kami berhasrat untuk memberikan komitmen sehingga RM6 bilion menjelang tahun 2025, berdasarkan sasaran saiz dana sebanyak RM200 bilion. Kira-kira 0.5% daripada pelaburan baharu disasarkan untuk menggunakan peruntukan strategik atau oportunistik untuk tahun 2022.

Kami kekal komited untuk terus melabur dalam ekonomi domestik, yang memberi tumpuan pada pelaburan yang mementingkan ESG untuk memacu usaha pemulihan serta meningkatkan daya saing dan kemampanan.

# PRESTASI KAMI

## Prestasi Penyelidikan Portfolio Model 2021

Walaupun dalam persekitaran ekonomi dan perniagaan yang tidak menentu, portfolio model KWAP mengakhiri tahun dengan prestasi positif, mengatasi prestasi penanda arasnya seperti di bawah:

Portfolio Model	Tanda Aras	Pulangan Portfolio Model (%)	Pulangan Penanda Aras (%)	Pulangan Lebihan (%)
<b>Malaysia</b>	KLCI	16.60	1.88	14.72
<b>Asia Pasifik</b>	MXAP	14.52	-2.83	17.34
<b>AS</b>	MXUS	32.82	28.84	3.98
<b>UK</b>	FTSE100	31.26	12.83	18.43
<b>EU</b>	MXEU	38.39	20.47	17.92

Sumber: Preqin

Beberapa pelaburan antarabangsa terbaik KWAP pada tahun ini adalah Nvidia Corporation, Lowe's Companies Inc., Denso Corporation dan Hermes International, yang memperoleh antara 58.6% hingga 101.2% dalam portfolio model kami. Sementara itu, pelaburan domestik terbaik kami adalah dalam Inari Amertron Berhad, D&O Green Technologies Berhad dan Petronas Chemicals Group Berhad yang memperoleh antara 52.2% hingga 30.0%. Tahun 2021 merupakan tahun yang baik bagi syarikat teknologi walaupun ekonomi bermula dengan pelbagai halangan dan kesukaran untuk dibuka semula. Walau bagaimanapun, dengan hasil kekal pada trend rendah dan trend jangka panjang yang dipercepatkan oleh pandemik, pertumbuhan saham masih mengatasi prestasi.

## PRESTASI PELABURAN

Tahun 2021 menandakan tahun pertama KWAP beroperasi penuh dalam keadaan pandemik. KWAP telah menunjukkan keupayaannya untuk terus mengharungi ketidakpastian persekitaran pelaburan bagi memelihara dan mencipta nilai. Pada 31 Disember 2021, saiz dana meningkat 3.4% kepada RM159.04 bilion daripada RM153.82 bilion pada tahun 2020.

### Sorotan Utama

#### Pengembangan Saiz Dana

3.4% kepada **RM 159.04 bilion**

#### Penyusutan Pendapatan Pelaburan Kasar

7.0% kepada **RM 6.33 bilion**

#### Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR)

**4.22%**  
Kelas Aset Awam

## PRESTASI KELAS ASET

### EKUITI

- Jumlah Pendapatan: **RM4.06 bilion**
- Jumlah Pulangan: **7.69%**, prestasi meningkat sebanyak 642 bps

### PENDAPATAN TETAP

- Pendapatan direalisasi: **RM2.53 bilion**
- TWRR: **0.78%**, di bawah prestasi sebanyak 33 bps berbanding penanda aras yang bercampur

### EKUITI PERSendirian

- Pengalihan pendapatan: **RM637.52 juta**
- IRR bersih sebanyak **16.2%**

### PELABURAN HARTANAH

- Perolehan logistik dalam Amazon Coalville, United Kingdom sebanyak **GBP158.9 juta**
- Penyahlaburan logistik dalam 1 Griffin Crescent, Brisbane, Australia sebanyak **AUD160 juta**

# KELAS ASET

## EKUITI

### PRESTASI TAHUN 2021

Pendedahan KWAP dalam kelas aset ekuiti berjumlah RM77.23 bilion pada 31 Disember 2021, menyumbang kepada 48.6% jumlah keseluruhan aset KWAP. Ekuiti domestik mewakili 74.4% daripada jumlah pegangan ekuiti KWAP manakala bakinya adalah dalam ekuiti pasaran antarabangsa. Daripada jumlah pendedahan ekuiti, 85.4% diuruskan secara dalaman manakala selebihnya disalurkan kepada EFM yang dilantik oleh KWAP.

Pada tahun 2021, ekuiti mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 7.69% berbanding penanda aras bersepadu sebanyak 1.27%, atau prestasi cemerlang yang melebihi 642 mata asas (bps). Ekuiti juga mengatasi prestasi penanda aras bersepadu untuk tempoh yang lebih lama iaitu tiga tahun dan 10 tahun. Jumlah pendapatan direalisasikan daripada pelaburan ekuiti pada tahun 2021 berjumlah RM4.06 bilion.

	2021	2020	3 tahun	10 tahun
<b>Jumlah Ekuiti</b>	<b>7.69</b>	7.67	7.10	6.13
<b>Penanda Aras Campuran</b>	<b>1.27</b>	5.38	2.58	2.60
<b>Alpha</b>	<b>6.42</b>	2.29	4.52	3.54

### DIURUS SECARA DALAMAN


### PRESTASI KWAP 2021

#### Ekuiti Domestik


Pendekatan KWAP yang secara keseluruhannya defensif bersama tumpuan strategik pada kemampuan pertumbuhan dan keupayaan menjana pendapatan jangka panjang yang digunakan pada tahun 2021, memainkan peranan yang baik dalam mengemudi pasaran ekuiti domestik yang lembab. Strategi pelaburan keseluruhan adalah bertumpu kepada portfolio *Net Asset Value* (NAV) digabungkan dengan peningkatan pelaburan dalam syarikat yang menghasilkan dividen tinggi yang menyumbang ketara kepada pendapatan keseluruhan 2021. Strategi ini membuahkan hasil yang lumayan, seperti yang disaksikan dalam rekod pembayaran dividen oleh saham mewah terkemuka KLCI pada tahun 2021. Pada masa yang sama, keuntungan modal jangka pendek hingga sederhana diperoleh daripada kedudukan aktif dalam portfolio bukan teras, memanfaatkan peluang tematik yang muncul apabila ekonomi global beradaptasi dengan norma baharu dan pembukaan semula ekonomi selepas COVID-19. Ekuiti domestik dalam KWAP merekodkan TWRR sebanyak 3.08% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -4.23%, mengatasi prestasi 7.31%. KWAP mencapai jumlah keseluruhan pendapatan direalisasikan sebanyak RM2.79 bilion pada tahun 2021, yang menyumbang kira-kira 63% kepada jumlah pendapatan pelaburan ekuiti yang direalisasikan bagi tahun berkenaan.

#### Pendedahan Ekuiti KWAP pada 31 Disember 2021

RM  
**77.23 bilion**  
48.6% daripada jumlah aset KWAP



#### Pengurusan Dana Ekuiti KWAP pada 31 Disember 2021



## KELAS ASET

### Ekuiti Antarabangsa

Tahun 2021 merupakan satu lagi tahun yang produktif bagi ekuiti antarabangsa, yang berjaya menyatukan semua pelaburan antarabangsa dalaman di bawah satu portfolio iaitu Portfolio Ekuiti Global (GEP). KWAP kini memiliki pelaburan di Amerika Utara, Eropah, Asia Pasifik, dan Amerika Latin. Selepas berjaya mengharungi cabaran pandemik COVID-19 pada tahun 2020, portfolio antarabangsa bergantung pada pemulihan ekonomi yang mampan pada tahun 2021. Memandangkan prospek global pasaran ekuiti mencatatkan prestasi positif, GEP KWAP mengembangkan pembeliannya pada awal tahun. Usaha ini terbukti bermanfaat sebagai indeks paling utama yang merekodkan paras tertinggi baharu sehingga penghujung tahun 2021. Memandangkan portfolio telah diseimbangkan semula terlebih dahulu, KWAP berada pada kedudukan yang baik untuk mengambil peluang rali pasaran bagi merealisasikan sebahagian besar keuntungan modal dalam separuh pertama tahun ini. Pasaran disokong oleh kemajuan

vaksinasi dan hasil nyata rangsangan fiskal dan monetari ke atas ekonomi sedia ada sejak tahun 2020. Indeks MXWD mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 19.7% bagi tahun ini, didorong oleh Amerika Syarikat S&P 500 dan Indeks STOXX 50 Eropah yang mencatatkan jumlah pulangan cemerlang masing-masing sebanyak 30.9% dan 23.8%. Sementara itu, Ekuiti Jepun dan United Kingdom, yang diwakili oleh Indeks TOPIX dan FTSE 100, mencatatkan prestasi rendah penanda aras global dan mencatatkan jumlah pulangan masing-masing sebanyak 13.4% dan 16.7%. Kenaikan harga minyak mendorong harga saham tenaga mengatasi sektor lain, manakala keyakinan pelabur yang pulih dalam saham teknologi membantu mengekalkan prestasinya yang lebih baik. Saham kewangan dan saham hartanah turut mencatatkan prestasi tinggi. Secara dalaman, GEP mengulangi prestasi cemerlangnya mengatasi penanda aras, mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 24.35% berbanding pulangan Indeks MXWD sebanyak 20.79%, kedua-duanya dalam Ringgit Malaysia. Bagi tahun 2021, GEP mencatatkan jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM919.60 juta.

### DIURUS SECARA LUARAN

#### Prestasi KWAP 2021

##### Ekuiti Domestik

Sehingga 31 Disember 2021, jumlah nilai pasaran yang diuruskan oleh EFM domestik berjumlah RM7.31 bilion, meningkat 2.8% daripada RM7.10 bilion pada tahun 2020. Jumlah portfolio ekuiti domestik yang diuruskan oleh EFM menyumbang 4.6% daripada jumlah saiz dana sebanyak RM159.04 bilion. Secara keseluruhan, terdapat 12 mandat domestik yang terdiri daripada lapan EFM yang menguruskan mandat Konvensional, tiga EFM menguruskan mandat Syariah, satu EFM menguruskan penjagaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), dan empat EFM menguruskan mandat Pulangan Mutlak.

KWAP meneruskan penglibatan aktifnya dengan semua EFM domestik setiap suku tahun untuk menyemak prestasi dan pematuhan operasi mereka. Bagi portfolio yang menjalani penstrukturkan semula, pemantauan dilakukan secara berkala pada setiap bulan. Selain itu, KWAP juga mengadakan lawatan secara maya ke premis EFM dan menjalankan lawatan pematuhan maya sepanjang tahun.

#### Senarai Pengurus Dana Luar Domestik pada 31 Disember 2021

Konvensional	Permulaan Dana
Principal Asset Management Sdn Bhd	2005
Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd	2007
Abrdn Malaysia Sdn Bhd	2008
Affin Hwang Asset Management Berhad	2016
Kenanga Investors Berhad	2011
Maybank Asset Management Sdn Bhd	2019
Eastspring Investments Berhad	2019
UOB Asset Management Sdn Bhd	2019
Islamik	Permulaan Dana
Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2012
AmIslamic Asset Management Bhd	2012
AIIMAN Asset Management Berhad	2015
Penjagaan Alam Sekitar, Sosial, Tadbir Urus (ESG)	Permulaan Dana
BNP Paribas Asset Management Malaysia Sdn Bhd	2015
Pulangan Mutlak	Permulaan Dana
Eastspring Investments Berhad	2018
Abrdn Malaysia Sdn Bhd	2018
MIDF Amanah Asset Management Berhad	2018
Affin Hwang Asset Management Berhad	2018

## KELAS ASET

### EKUITI

Sehingga 31 Disember 2021, EFM ekuiti domestik KWAP mencatatkan pendapatan direalisasi agregat sebanyak RM351.31 juta. Secara keseluruhannya, EFM mencatatkan TWRR sebanyak 4.21% berbanding penanda aras Indeks FBM100 sebanyak -4.23%, mewakili prestasi mengatasi 844 mata asas. Salah satu inisiatif KWAP untuk tahun 2021 termasuk pengagihan semula dana. Ini adalah untuk mengukuhkan pendedahan KWAP di dalam pasaran ekuiti domestik secara strategik. Ini dilakukan melalui suntikan modal tambahan kepada EFM yang berprestasi tinggi dan penamatan EFM yang tidak berprestasi. EFM yang mempunyai rekod prestasi cemerlang dengan pelaburan yang kukuh dikekalkan sebagai EFM KWAP.

#### Prestasi TWRR Domestik

Mandat	TWRR (%)	Penanda Aras (%)	Melebihi/ (di bawah) prestasi (%)
Konvensional	4.96	-4.23	9.19
Syariah	-0.51	-10.49	9.98
ESG	0.62	-4.23	4.85
Pulangan Mutlak	5.49	8.00	-2.51
Agregat Domestik	4.21	-4.23	8.44

#### Ekuiti Antarabangsa

Pada tahun 2021, pelaburan antarabangsa yang diuruskan KWAP secara luaran telah diasingkan kepada tiga mandat iaitu, Asia Pasifik kecuali Jepun (APEXJ), penjagaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), dan mandat-mandat *Global Multi-Factor* (GEMF). Sebagai sebahagian daripada inisiatif tahun 2021 untuk meningkatkan pendedahan ekuiti global, KWAP telah melantik Invesco Asset Management Singapore Limited dan Allianz Global Investors bagi menguruskan mandat Ekuiti Global Pelbagai Faktor.

#### Senarai EFM Antarabangsa pada 31 Disember 2021

Dana Permulaan Asia Pasifik Kecuali Jepun	Permulaan Dana
State Street Global Advisors Limited	2011
Invesco Asset Management Singapore Limited	2015
ESG Global	Permulaan Dana
Nikko Asset Management Asia Limited	2017
LGT Capital Partners	2017
Pelbagai Faktor Global	Permulaan Dana
Invesco Asset Management Singapore Limited	2021
Allianz Global Investors	2021

Pada 31 Disember 2021, EFM ekuiti antarabangsa KWAP mencatatkan jumlah pendapatan direalisasi sebanyak RM343.87 juta. Keseluruhannya, EFM antarabangsa mencatatkan TWRR sebanyak 17.16% berbanding Indeks MXWD sebanyak 20.79%, yang berada di bawah prestasi sebanyak 362 mata asas disebabkan oleh peruntukan pelaburan besar ke dalam APEXJ.

Mandat	TWRR (%)	Penanda Aras (%)	Melebihi/ (di bawah) prestasi (%)
APEXJ	7.56	-1.63	9.19
Global ESG	23.16	23.17	-0.00
GEMF	12.49	10.25	2.24
Agregat Antarabangsa	17.16	20.79	-3.62
Agregat Domestik	4.21	-4.23	8.44

\* Angka prestasi adalah dalam MYR

Pada setiap suku tahun, mesyuarat semakan prestasi telah diadakan melalui persidangan video dan telefon. Topik yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah prestasi portfolio, strategi dan laporan pematuhan. KWAP juga mengadakan libat urus bersama pengurus dana yang berpotensi secara kerap melalui panggilan persidangan dan mesyuarat. Input ini disimpan dalam pangkalan data KWAP untuk membantu proses pencarian pengurus pada masa hadapan.

KELAS  
ASET


## PENDAPATAN TETAP

## PRESTASI 2021

Walaupun menghadapi tekanan pasaran, portfolio pendapatan tetap KWAP menghasilkan pulangan yang memberangsangkan. Portfolio ini mencatatkan pendapatan kasar direalisasikan yang membanggakan sebanyak RM2.53 bilion pada tahun 2021 berbanding RM2.87 bilion pada tahun 2020, walaupun berdepan dengan kerugian sebanyak RM1.43 bilion disebabkan oleh penstrukturan semula salah sebuah syarikat yang dilaburkan. Ia telah memberi Pulangan atas Pelaburan (ROI) sebanyak 3.98% pada tahun 2021 berbanding 4.41% pada tahun 2020.


Pendapatan direalisasikan yang lebih rendah juga disebabkan oleh pengurangan dalam alokasi aset strategik (SAA) pendapatan tetap. Jumlah pegangan portfolio susut sebanyak 3.64% kepada RM63.60 bilion pada tahun 2021 berbanding RM66.00 bilion pada tahun 2020. Pengurangan dalam pegangan portfolio adalah sejajar dengan pengurangan 2.31 mata peratusan dalam penggunaan pendapatan tetap SAA, yang berjumlah 40.38% pada akhir tahun 2021.

## Pendapatan Tetap Direalisasikan Berbanding Jumlah Portfolio dan Jumlah Dana dari 2015 hingga 2021



Sumber: KWAP

## Pulangan atas Pelaburan (ROI) Pendapatan Tetap Berbanding SAA dari 2015 hingga 2021



Sumber: KWAP

## DIURUS SECARA DALAMAN

## BON BERDAULAT DOMESTIK

## Tinjauan Pasaran 2021

Pasaran bon domestik lemah pada tahun 2021 berikutan pasaran mengambil kira kadar inflasi yang lebih tinggi dalam pertimbangan mereka. Lonjakan dalam jangkaan inflasi didorong oleh rangsangan monetari dan fiskal yang besar sedia ada serta pemberian pantas vaksinasi COVID-19 dan pembukaan semula ekonomi. Ini menyebabkan pasaran-pasaran meletakkan harga sebagai tindak balas daripada bank pusat untuk memerangi inflasi dengan mengetatkannya lebih awal daripada jangkaan. Hal ini mendorong kepada peningkatan hasil bon global dan pengurangan harga bon.

## KELAS ASET

### PENDAPATAN TETAP

Penjualan bon global mempengaruhi pasaran domestik yang memberi tekanan kepada MGS untuk naik dalam tahun berkenaan dengan hasil MGS 10 tahun meningkat daripada paras rendah 2.58% pada permulaan dagangan tahun 2021 untuk mencapai kemuncak 3.67% pada November 2021. Secara keseluruhannya, keluk penanda aras tempatan menurun apabila harga bon merentasi keluk.

Walaupun hasil bon global dan tempatan meningkat pada tahun 2021, lelongan bon kerajaan di pasaran utama diteruskan untuk menjana minat dengan purata nisbah *bid-to-cover* (BTC) sebanyak 2.2 kali, sama seperti tahun sebelumnya walaupun dengan terbitan yang lebih tinggi pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Walaupun terdapat jangkaan untuk bank pusat utama mengetatkan kadar faedah, BNM terus mengekalkan kadar faedah pada rekod rendah 1.75% demi menyokong pertumbuhan ekonomi domestik.

Pegangan asing bagi sekuriti hutang dalam dominasi Ringgit kerajaan tempatan stabil sepanjang tahun 2021. Ini adalah sebahagiannya berpunca daripada daya tarikan relatif hasil bon tempatan apabila BNM meneruskan dasar monetari akomodatifnya dan pengesahan keahlian Malaysia dalam Indeks Bon Kerajaan Dunia oleh FTSE Russell, yang mengekalkan sokongan daripada pelabur asing ke dalam bon tempatan. Tahun berkenaan menyaksikan aliran masuk selama 10 bulan berturut-turut sekuriti hutang dalam dominasi Ringgit kerajaan tempatan sejak permulaan tahun 2021, sebelum aliran keluar bersih pada November 2021 berikutan daripada pendekatan agresif Rizab Persekutuan AS. Namun begitu, aliran masuk asing bersih kembali pada Disember 2021.


Pegangan asing bagi bon tempatan berjumlah 14.7% daripada jumlah bon tempatan yang belum

ditebus pada akhir tahun 2021, bersamaan kira-kira RM260.0 bilion. Komposisi bon kerajaan tempatan yang dipegang oleh pelabur asing adalah sebanyak 39.4% dan 10.5% daripada jumlah terkumpul Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan.

### Prestasi KWAP 2021

Walaupun tahun ini merupakan tahun mencabar untuk pendapatan tetap, portfolio domestik KWAP mencatatkan ROI sebanyak 3.99% bagi tahun kewangan berkenaan, mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM1.35 bilion. Jumlah pelaburan KWAP dalam sekuriti kerajaan telah berkembang pada tahun itu apabila nilai pasaran bon berdaulat domestik (MGS, GII dan Bon Kerajaan Kuasi) pada 31 Disember 2021 merekodkan sebanyak RM35.64 bilion berbanding RM33.76 bilion pada akhir tahun 2020.

### Nilai Pasaran Pegangan Berdaulat Domestik berbanding Pendapatan bagi 2015 hingga 2021



KWAP kekal sebagai peserta aktif dalam pasaran primer dan sekunder bagi bon kerajaan domestik dan terbitan bon kuasi kerajaan. Jumlah dagangan kumulatif tahunan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM12.19 bilion, dengan jumlah pembelian sebanyak RM8.67 bilion dan jumlah jualan sebanyak RM3.53 bilion. Jumlah pelaburan KWAP dalam bon berdaulat (MGS, GII dan Bon Kuasi Kerajaan) pada 31 Disember 2021 berjumlah 22.43% daripada jumlah saiz dana berbanding 21.97% pada 31 Disember 2020.



## KELAS ASET


Dalam jangkaan pertumbuhan domestik yang lebih tinggi apabila pembukaan semula ekonomi dan tekanan inflasi yang berterusan, hasil bon domestik juga dijangka meningkat pada tahun 2022. Walaupun dengan unjuran bekalan bersih bon kerajaan yang lebih tinggi, permintaan dijangka teguh dengan sokongan daya tarikan penilaian relatif hasil bon tempatan. KWAP juga mempunyai rancangan untuk melindungi portfolio pendapatan tetapnya melalui instrumen lindung nilai dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada nilai portfolio dalam persekitaran peningkatan kadar faedah.

### BON KORPORAT DOMESTIK

#### Gambaran Keseluruhan Pasaran 2021

Hasil yang rendah dan pertumbuhan yang bertambah baik menawarkan persekitaran yang kondusif untuk penerbitan kredit. Ini disaksikan dengan jumlah terbitan bon korporat domestik dan Sukuk yang berjumlah RM114.28 bilion pada tahun 2021, yang merekodkan peningkatan sebanyak 9.28% berbanding terbitan RM104.58 bilion pada tahun 2020, dengan terbitan bersih bagi tahun itu berjumlah RM40.0 bilion berbanding RM34.0 bilion pada tahun 2020. Bon kuasi kerajaan dan Sukuk mencatatkan terbitan tidak aktif sebanyak RM28.0 bilion berbanding RM29.0 bilion pada tahun 2020, dengan sektor infrastruktur seperti DanaInfra Nasional Berhad dan Prasarana Malaysia Berhad menyumbang paling banyak untuk terbitan kuasi kerajaan.

Terbitan bon dan Sukuk daripada segmen AAA meningkat kepada RM34.0 bilion daripada RM23.0 bilion pada tahun 2020, menyaksikan kenaikan yang ketara tahun ke tahun sebanyak 47.83%. Sementara itu, terbitan daripada segmen AA terus mengalami penurunan,



mengakhiri 2021 dengan RM23.0 bilion berbanding RM27.0 bilion tahun 2020. Terbitan *Single A* juga kurang memberangsangkan dengan jumlahnya mengalami pengurangan hampir separuh, tahun ke tahun kepada RM4.0 bilion berbanding RM7.0 bilion pada tahun 2020. Sebaliknya, sektor bon dan Sukuk yang tidak ditaraf menyaksikan lonjakan ketara dalam terbitan sebanyak 31.58% tahun ke tahun kepada RM25.0 bilion daripada RM19.0 bilion pada tahun 2020.

Dari segi sektor, sebahagian besar terbitan bon korporat dan Sukuk pada tahun 2021 adalah daripada sektor infrastruktur, dengan terbitan berjumlah RM34.0 bilion, meningkat berbanding RM30.70 bilion pada tahun 2020. Ini diikuti oleh sektor pinjaman kenderaan seperti Cagamas Berhad, LPPSA dan PTPTN, dengan jumlah terbitan bernilai RM19.70 bilion daripada RM12.90 bilion pada tahun 2020. Sektor perkhidmatan kewangan juga menyaksikan terbitan pada paras RM19.0 bilion, mengalami penurunan kecil daripada RM19.80 bilion pada tahun 2020. Penurunan itu boleh dikaitkan dengan bekalan lebih rendah bagi bon dan Sukuk peringkat 2 dan peringkat 1 tambahan (AT1). Sektor Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) menyaksikan bekalan rendah sedikit pada RM13.60 bilion daripada RM15.40 bilion tahun sebelumnya.

Terdapat sedikit kemerosotan dalam kredit pasaran bon korporat domestik, dengan dua kegagalan teknikal berlaku pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 yang mempunyai satu kegagalan teknikal. Cendana Sejati Sdn Bhd telah diturunkan taraf kepada D pada awal tahun 2021, dan Mex II Sdn Bhd terlepas obligasi Sukuknya pada Disember 2021. Serakan kredit bertambah besar pada suku terakhir tahun 2020 merentasi segmen kuasi, sektor AAA dan AA, yang diperketatkan pada penghujung tahun 2021 untuk kedua-dua tempoh lima tahun dan 10 tahun. Walau bagaimanapun, kredit keseluruhan kekal stabil disebabkan kemerosotan yang berlaku adalah lebih khusus kepada penerbit berbanding sistemik.

## KELAS ASET

### PENDAPATAN TETAP

#### DIURUS SECARA DALAMAN


### BON KORPORAT DOMESTIK

#### Prestasi KWAP 2021

Pada tahun 2021, pegangan portfolio KWAP dalam bon korporat domestik pada nilai pasaran meningkat kepada RM11.14 bilion pada 31 Disember 2021, daripada RM10.39 bilion pada 31 Disember 2020. Jumlah jualan dan jumlah kematangan sepanjang tahun itu kekal pada RM0.70 bilion berbanding pembelian baharu sebanyak RM1.72 bilion, daripada kedua-dua pasaran utama dan sekunder.


Portfolio bon korporat domestik dalam KWAP menyediakan TWRR sebanyak -0.37%, mencatatkan prestasi menurun daripada penanda aras Jumlah Pulangan Indeks Semua Bon Korporat BPAM yang menunjukkan pulangan sebanyak 0.30% bagi tempoh yang sama. Ini adalah disebabkan penurunan taraf pegangan kami yang mengakibatkan pengurangan harga yang ketara bagi saham tersebut sebanyak hampir 50%. Namun begitu, portfolio tersebut berjaya memperoleh ROI sebanyak 4.44% pada tahun tersebut, direkodkan dengan jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM319.52 juta pada tahun 2021.

Nilai Pasaran Pegangan KWAP dalam Bon Korporat Domestik dan TWRR dari 2016 hingga 2021




Bagi tempoh portfolio bon korporat, ianya jatuh daripada 5.22 tahun pada tahun 2020 kepada 4.35 tahun pada tahun 2021, sejajar dengan penggesaan neutral dalam tempoh kadar faedah yang rendah.


Penglibatan dalam Bon Korporat Domestik mengikut Penarafan pada 31 Disember 2021



Penglibatan dalam Bon Korporat Domestik mengikut Sektor pada 31 Disember 2021



Penglibatan dalam Bon Korporat Domestik mengikut Prinsip pada 31 Disember 2021



KELAS  
ASET

## PINJAMAN

## Prestasi KWAP 2021


Portfolio pinjaman KWAP berjumlah RM2.98 bilion pada 31 Disember 2021, yang meliputi 1.87% daripada jumlah dana KWAP. Portfolio pinjaman telah berkurangan dengan ketara pada tahun 2021 disebabkan oleh tempoh matang dan pembayaran balik pinjaman tertunggak, yang berjumlah RM2.48 bilion. Tiada pinjaman baharu dikeluarkan pada tahun 2021.

Pendapatan yang dijana daripada portfolio pinjaman merosot kepada RM73.61 juta pada tahun 2021 daripada RM240.21 juta pada tahun sebelumnya. Ini adalah sejajar dengan pengecilan saiz portfolio pinjaman disebabkan oleh tempoh matang pinjaman dan pembayaran balik prinsipal.

## Pergerakan Portfolio Pinjaman 2021


Pergerakan Portfolio Pinjaman	Amaun (RM Juta)
Portfolio Pinjaman pada 1 Januari 2021	5,463.98
Pembayaran Semula Modal / Kematangan	(2,481.58)
Portfolio Pinjaman pada 31 Disember 2021	2,982.40

## Profil Kematangan Portfolio Pinjaman



Sumber: KWAP

## Saiz Portfolio Pinjaman dan Pendapatan Pinjaman



Sumber: KWAP

## PASARAN WANG


## Prestasi KWAP 2021

Strategi pelaburan KWAP untuk portfolio pasaran wang kekal dengan objektif untuk menjana pulangan terbaik dalam keadaan pasaran semasa. Pada tahun 2021, pelaburan pasaran wang menjana pendapatan kasar RM111.07 juta, mencatatkan pulangan yang lebih rendah sebanyak 43.15%, daripada RM195.36 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan kadar faedah rendah berpanjangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan untuk instrumen pasaran wang dan deposit. OPR dikekalkan pada rekod rendah sebanyak 1.75% mengikut jangkaan sepanjang tahun 2021, sejajar dengan kadar faedah global yang rendah.


## KELAS ASET

### PENDAPATAN TETAP

Sehingga 31 Disember 2021, jumlah pelaburan pasaran wang termasuk mata wang asing dalam Ringgit Malaysia berjumlah RM7.57 bilion, berbanding RM10.17 bilion pada awal tahun 2021. Pelaburan KWAP dalam Mata Wang Asing dicatatkan pada USD312.64 juta, GBP27.17 juta, AUD40.32 juta dan EUR0.21 juta. Secara keseluruhan, jumlah baki tunai KWAP mewakili 4.77% daripada jumlah saiz dana KWAP.



### Pelaburan Pasaran Wang dan Pendapatan dari 2016 hingga 2021



### PENDAPATAN TETAP ANTARABANGSA

#### Prestasi KWAP 2021

Pendapatan tetap global mengalami pulangan yang perlahan pada tahun 2021 apabila hasil bon global mengakhiri tahun dengan lebih tinggi berbanding pada permulaan tahun. Hasil Perbendaharaan AS meningkat secara menyeluruh dengan peningkatan lebih besar dengan Perbendaharaan AS 5 tahun meningkat kepada 1.26% pada 31 Disember 2021 daripada 0.35% pada 4 Januari 2021. Peningkatan hasil bon global didorong oleh jangkaan kenaikan kadar faedah untuk membendung peningkatan inflasi dalam ekonomi. Lonjakan inflasi adalah hasil sampingan daripada peningkatan dalam permintaan selepas kemelesetan berikutan COVID-19, gangguan rantaian bekalan dan kekurangan buruh, yang mewujudkan persekitaran sempurna untuk kenaikan harga.

Sebagai tindak balas kepada inflasi yang tinggi, bank-bank pusat utama beralih kepada dasar yang lebih ketat. Rizab Persekutuan AS secara rasmi mengumumkan permulaan pengurangan pembelian aset pada 3 November 2021, yang menunjukkan kesediaan Rizab Persekutuan dalam menormalkan dasar monetari kerana ekonomi terus pulih seperti yang dijangkakan. Ekonomi global berkembang sebanyak 5.5% pada tahun 2021 daripada kelembapan 3.3% pada tahun 2020 berikutan pengagihan vaksin dan pelonggaran penutupan di seluruh dunia. Di samping itu, Bank of England menaikkan kadar faedah utamanya kepada 0.25% daripada paras terendah dalam sejarah sebanyak 0.10% pada Disember 2021 apabila UK mencatatkan kadar inflasi tahun ke tahun sebanyak 5.1% pada November 2021, tertinggi sejak 10 tahun lalu. Sementara itu, di rantau ini, jangkaan untuk pergerakan kadar dasar adalah kurang

KELAS  
ASET

agresif kerana ekonomi bergelut dengan kesan ekonomi berikutan pandemik, dengan bank pusat Indonesia, Thailand, dan Filipina mengekalkan kadar mereka pada rekod terendah.

Sehingga 31 Disember 2021, portfolio pendapatan tetap antarabangsa KWAP berada pada nilai pasaran RM596.82 juta berbanding RM906.74 juta pada tahun 2020 berdasarkan prestasi lemah pasaran pendapatan tetap global berikutan peningkatan hasil bon.

Portfolio pendapatan tetap antarabangsa KWAP yang diuruskan secara dalaman terus mencatatkan prestasi yang membanggakan dalam keadaan yang tidak stabil dengan menjana pendapatan realisasi agregat sebanyak RM28.14 juta berbanding RM36.67 juta pada tahun 2020. Portfolio pendapatan tetap antarabangsa menyaksikan TWRRnya mengatasi penanda aras sebanyak 252 mata asas pada 2021 dengan TWRR portfolio itu berada pada 1.13% berbanding penanda aras -1.39%. Prestasi lebih baik itu didorong oleh strategi KWAP untuk memberi lebih tumpuan kepada bon dalam denominasi dolar AS berbanding bon mata wang tempatan.

Melangkah ke tahun 2022, pertumbuhan global yang positif dan prospek bank-bank pusat menarik balik sokongan monetari dengan kenaikan kadar untuk membendung kenaikan inflasi dijangka menjadi faktor paling ketara yang mempengaruhi pendapatan tetap global. Mutasi virus baharu seperti Omicron dijangka melambatkan tetapi tidak menjejaskan pemulihan ekonomi yang didorong oleh program vaksinasi berkesan yang dilaksanakan secara global. Oleh itu, hasil bon dijangka terus bergerak lebih tinggi pada 2022. Memandangkan senario sedemikian, KWAP kekal berhati-hati dalam melindungi nilai pelaburan antarabangsanya ketika ia terus meminimumkan risiko harga melalui pelbagai instrumen lindung nilai.


## DIURUS SECARA LUARAN

## Prestasi KWAP 2021


KWAP percaya dengan kesan kepelbagaian pelaburannya dalam menyalur sebahagian daripada dananya untuk diurus secara luaran. Sejak penubuhan KWAP pada tahun 2007, bilangan EFM pendapatan tetap KWAP telah meningkat daripada dua EFM menguruskan mandat bon konvensional domestik kepada 10 EFM yang memberi tumpuan kepada dua jenis mandat bon domestik Malaysia. Pertumbuhan bagi EFM pendapatan tetap adalah ketara sepanjang 15 tahun yang lalu, dengan saiz dana meningkat lebih daripada 30 kali ganda daripada RM150.0 juta pada tahun 2006 kepada RM5.67 bilion pada tahun 2021.

Sejumlah RM5.67 bilion yang disalurkan kepada EFM mewakili kira-kira 3.56% daripada saiz dana KWAP pada 31 Disember 2021. Dalam tahun 2021, KWAP mengekalkan tumpuannya di dalam negara berhubung dengan dana pendapatan tetap yang diuruskan secara luaran. Daripada jumlah tetap dana pendapatan melalui sumber luar, kira-kira 63.21% aset telah dilaburkan dalam portfolio bon konvensional domestik, manakala baki 36.79% pula dilaburkan dalam portfolio sukuk domestik.

## Pegangan Pendapatan Tetap Global mengikut Mata Wang dalam Nilai Pasaran USD pada 31 Disember 2021



## Pendedahan EFM mengikut Jenis Mandat




## KELAS ASET

### PENDAPATAN TETAP

Pada 31 Disember 2021, nilai pasaran EFM pendapatan tetap KWAP berjumlah RM5.67 bilion, meliputi 8.91% daripada keseluruhan pelaburan pendapatan tetap KWAP berbanding 8.07% pada tahun 2020. Portfolio EFM pendapatan tetap domestik mencatatkan pendapatan direalisasikan agregat sebanyak RM269.70 juta atau 4.94% daripada purata saiz dana EFM pendapatan tetap domestik. Berdasarkan TWRR, EFM domestik kurang mencapai prestasi penanda aras yang ditetapkan sebanyak 84 mata asas pada asas tahun hingga kini. Walau bagaimanapun, mengikut pusingan tiga tahun, EFM domestik terus mengatasi penanda aras yang ditetapkan sebanyak 17 mata asas.

#### Pasaran EFM Domestik dan Pendapatan Direalisasikan



#### Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik setakat 31 Disember 2021

Domestik	Penubuhan Dana
Principal Asset Management Berhad	2006
AmFunds Management Berhad	2007
Affin Hwang Asset Management Berhad	2011
Amundi Malaysia Sdn Bhd	2012
Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
RHB Islamic International Asset Management Berhad	2014
Maybank Asset Management Sdn Bhd	2015
Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd	2015
AIIMAN Asset Management Sdn Bhd	2015

Sumber: KWAP

KWAP memantau rapi EFMnya melalui lawatan mengejut dan semakan prestasi berkala. Tinjauan adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan mengenai risiko portfolio dan ciri-ciri pulangan serta peruntukan strategi portfolio. Selain itu, lawatan bertujuan untuk memerhatikan pematuhan EFM terhadap syarat perjanjian, prosedur kawalan dalaman yang berkaitan dan amalan perniagaan terbaik dalam aktiviti perdagangan harian serta operasi pejabat. Sepanjang tahun 2021, semua libat urus bersama EFM telah dijalankan secara maya berikutan pandemik COVID-19, dengan 46 mesyuarat semakan prestasi dan tiga lawatan pematuhan dilaksanakan secara maya.

KELAS  
ASET

## EKUITI PERSENDIRIAN

## PRESTASI 2021

## Prestasi Pelaburan Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur

Tahun 2021 menawarkan penambahbaikan yang ketara berbanding cabaran yang dihadapi pada tahun 2020. Selaras dengan pemulihan dan kestabilan ekonomi seluruh dunia di samping cabaran seperti varian virus, kadar pantas vaksinasi merentasi ekonomi utama menetapkan hala tuju pemulihan di kawasan pelaburan ekuiti persendirian KWAP.

## SOROTAN UTAMA



## Agihan Pendapatan yang Dijana

**97.1%**

daripada pelaburan  
dana

**2.9%**

daripada pelaburan  
langsung

RM

**637.52** Juta

Gandaan ke atas Modal  
Dilaburkan (MOIC)

**1.5x**

daripada pelaburan dana

**1.6x**

daripada pelaburan langsung

Menjana pulangan  
**selama 10 tahun sebanyak**

**16.2%**

Pulangan pelaburan KWAP dalam pasaran persendirian dikaitkan dengan keupayaan untuk mengenal pasti peluang pelaburan yang optimum serta menguruskan portfolio dan aset pelaburan sebaik sahaja keputusan pelaburan dibuat. Kaedah yang dilaksanakan dalam pengurusan portfolio dan pengurusan pelaburan KWAP menerapkan tadbir urus yang mantap dalam tugas operasi portfolio dan memberi keyakinan yang kukuh terhadap keputusan pelaburan.

Pelbagai peluang timbul dalam industri yang boleh menutup jurang antara permintaan berasaskan penggunaan dan kekurangan rantaian bekalan apabila ekonomi global beransur pulih. Hal ini meningkatkan pendapatan yang diterjemahkan kepada pulangan kukuh bagi KWAP. Pemulihan keseluruhan

pasaran menyaksikan realisasi dan penunaian keluar syarikat portfolio pendasar dengan pulangan kukuh yang membolehkan program ekuiti persendirian dalam KWAP mengatasi prestasi sasarannya sebanyak 2.7x.

Perkembangan selanjutnya pada tahun 2021 adalah tumpuan ke arah aliran makroekonomi yang memfokuskan kepada kepentingan kelestarian alam sekitar dan evolusi aset infrastruktur. Aliran modal yang lebih besar ke dalam strategi infrastruktur global tidak tersenarai merupakan penunjuk utama pembangunan kelas aset, bersama-sama peningkatan tumpuan kepada penjana tenaga mampan; menyediakan peluang pelaburan baharu yang selaras dengan UNSDG.

## KELAS ASET

### EKUITI PERSENDIRIAN

#### PELABURAN BERKAITAN LOGISTIK

##### Prestasi KWAP 2021

##### Swift Haulage Group Berhad

KWAP melabur dalam Swift Haulage pada tahun 2017, sebuah syarikat logistik yang diperbadankan di Malaysia dengan kedudukannya sebagai peneraju dalam segmen kontena pengangkutan. Disebabkan oleh permintaan yang ketara terhadap pengangkutan dan pergerakan produk antara pengeluar dan pengguna berikutan sekatan pergerakan pada tahun 2021, prestasi kewangan Swift meningkat dengan pelanggan kembali berada dalam operasi selepas mengalami kekangan yang disebabkan oleh COVID-19 pada tahun 2020. Hasil pendapatan 2021 Swift meningkat sebanyak 6% tahun ke tahun dan meningkatkan keuntungan kasar dan Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA).

Di sebalik pertumbuhan yang disebutkan seperti di atas, Swift memuktamadkan tawaran awam permulaan (IPO) pada Disember 2021, mencapai permodalan pasaran kira-kira RM920 juta. IPO itu dimiliki oleh sembilan pelabur asas, termasuk AIA Berhad, pelbagai anak syarikat AmBank (M) Berhad, Kenanga Investors Berhad, HSBC Global Asset Management (UK) Limited, Nikko Asset Management Company Limited, UOB Asset Management Malaysia Berhad dan Zurich Life Insurance Berhad. Terbitan saham itu merekodkan lebih langgan sebanyak 18.9 kali dengan anggaran nisbah pembayaran dividen sebanyak 30% dan hasil dividen sebanyak 2.5%. Sebagai sebahagian daripada IPO, KWAP telah memperuntukkan 18.5 juta saham Swift di bawah peruntukan tawaran untuk dijual kepada orang ramai, membolehkan KWAP mengubah sebahagian daripada pelaburannya kepada tunai. Sehingga 31 Disember 2021, KWAP menjana IRR sebanyak 25.0% ke atas pelaburan dalam Swift Haulage.

##### Global Aviation Group

KWAP mengambil alih pemilikan sebuah kumpulan penerbangan global yang terdiri daripada tiga portfolio perniagaan utama dan berada di bawah situasi pemulihan khas. Perniagaan penerbangan ini beroperasi pada rangkaian laluan yang meluas merentasi Asia, Australasia, Eropah dan Timur Tengah.

Perniagaan ini turut terjejas teruk disebabkan sekatan perjalanan antarabangsa dan domestik pada tahun 2020, yang menyaksikan hasil pendapatan daripada penumpang menurun lebih separuh pada tahun 2021. Hal ini dialami oleh semua syarikat penerbangan global disebabkan oleh perjalanan yang dihadkan kepada penumpang ketika pra-pandemik, yang menyumbang sebahagian besar daripada pendapatan untuk syarikat-syarikat ini. Walau bagaimanapun, disebabkan peningkatan dalam permintaan untuk pengangkutan kargo, kumpulan ini menggunakan semula pesawatnya untuk membawa kargo yang memberi pertumbuhan ketara dalam segmen hasil kargonya. Ini membantu dalam memberi sokongan kepada prestasi keseluruhannya pada tahun 2021.

#### PELABURAN BERTUMPUKAN PERALIHAN TENAGA

##### Prestasi KWAP 2021

KWAP mengenal pasti peralihan tenaga sebagai tema pelaburan utama bagi tahun 2021, disokong kuat oleh kesatuan pada peringkat global semasa *United Nations Climate Change Conference (COP26)* untuk mempercepatkan tindakan ke arah matlamat Perjanjian Iklim Paris. Oleh itu pada tahun 2021, portfolio infrastruktur KWAP telah melabur dalam tiga dana yang menunjukkan ciri-ciri rekod prestasi dan keupayaan yang kukuh daripada pengurus-pengurus infrastruktur persendirian dalam memberi impak dan pulangan daripada pelaburan dalam sektor peralihan tenaga daripada sektor infrastruktur lain berdasarkan mandat dana.

Pelaburan yang dibuat ke dalam salah satu daripada tiga dana iaitu; Stonepeak Infrastructure Fund IV, menghasilkan pendedahan tidak langsung kepada perkhidmatan pengangkutan maritim bebas LNG ketiga terbesar di seluruh dunia, dengan 47 kapal LNG, 30 kapal LPG dan satu terminal LNG yang berkhidmat dalam pasaran Asia. Perkhidmatan pengangkutan LNG adalah penting dan berkembang dalam persekitaran infrastruktur global kerana gas asli terus memainkan peranan penting dalam peralihan daripada penjana arang batu kepada penjana pembakaran gas berintensiti karbon yang lebih rendah. Ini membolehkan KWAP membuat peralihan yang stabil kepada pelaburan yang lebih mampan. Portfolio infrastruktur KWAP akan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong peralihan global tanpa menjejaskan pulangan melalui pelaburan langsung atau pelaburan kepada pengurus pelaburan persendirian yang bereputasi.



## STRATEGI AKAUN YANG DIURUSKAN SECARA BERASINGAN


### Prestasi KWAP 2021

Pada November 2021, KWAP memuktamadkan pelaburan dalam *Partners Group AG* (Partners Group) buat julung kalinya secara akaun yang diuruskan secara berasingan. *Partners Group* telah ditubuhkan di Switzerland pada tahun 1996 sebagai firma ekuiti persendirian. Pada mulanya ia memberi tumpuan kepada ekuiti persendirian, tetapi selepas itu *Partners Group* melaksanakan hutang swasta pertama dan pelaburan infrastruktur swasta pada tahun 1999 dan 2001, dan berkembang menjadi hartanah persendirian pada tahun 2007. Walaupun baru dilaburkan, mandat strategi akaun yang diuruskan secara berasingan (SMA) KWAP yang berfokuskan alfa, melalui *Partners Group*, akan diteruskan dalam mengambil bahagian dan memainkan peranan aktif menyokong peralihan global tanpa menjejaskan pulangan melalui penyumberan tematik dan penyaringan secara tetap pada tema pelaburan yang berkaitan.


Carta pai menggambarkan pecahan dalam pendedahan geografi ekuiti persendirian dan infrastruktur KWAP berdasarkan jumlah komitmen sebanyak RM10.1 bilion, dengan 55 dana yang komited dan lima pelaburan langsung, setakat 31 Disember 2021. Pecahan pendedahan geografi menunjukkan prestasi konsisten sepanjang dua tahun, dengan majoriti pendedahan ekuiti persendirian dan infrastruktur KWAP pada tahun 2021 terletak di rantau Amerika Utara pada 31.3%, diikuti oleh Asia Pasifik pada 22.1%, dan Eropah pada 18.5%. Peningkatan paling ketara dalam pendedahan geografi merupakan rantau Global dan terbahagi kepada tiga komitmen baharu iaitu ekuiti persendirian, infrastruktur dan mandat SMA. Dua lagi pelaburan untuk tahun 2021 terletak di Eropah dan Amerika Utara.

Disebabkan oleh pulangan yang kukuh dan konsisten dalam pasaran swasta, SAA bagi ekuiti persendirian dan infrastruktur KWAP telah disemak dan menunjukkan peningkatan daripada 6.0% kepada 11.0% pada tahun 2020. Sehingga 31 Disember 2021, ekuiti persendirian dan portfolio infrastruktur KWAP merekodkan jumlah RM7.7 bilion (NAB) atau RM10.8 bilion (NAB + Tidak Dibiayai) dengan kadar penggunaan SAA sebanyak 3.3% ekuiti persendirian dan 1.5% bagi infrastruktur (NAB)/ 4.8% bagi ekuiti persendirian dan 2.0% bagi infrastruktur (NAB + Tidak Dibiayai).

### Pendedahan Geografik Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur bagi Tahun 2020 berbanding Tahun 2021



● Amerika Utara ● Eropah ● Global  
● Asia Pasifik ● Pasaran Baharu Muncul



● Amerika Utara ● Eropah ● Asia Pasifik  
● Global ● Pasaran Baharu Muncul


Sumber: KWAP

KELAS  
ASET

PELABURAN HARTANAH


PRESTASI 2021

KWAP mempunyai 22 hartanah dalam portfolionya termasuk tiga tapak tanah dan pembangunan dalam negara. KWAP terus mengamalkan prinsip ESG dalam pelaburannya, dengan enam daripada hartanahnya diiktiraf dengan pensijilan akreditasi alam sekitar dan kecekapan tenaga dan terus komited untuk memenuhi prinsip ESG dalam pelaburan hartanahnya.



Pelaburan hartanah KWAP menjana pendapatan bersih RM313.3 juta atau 4.0% hasil pendapatan bersih berbanding kos pelaburan. Carta 1 menggambarkan hasil pendapatan bersih berbanding kos pelaburan portfolio hartanah KWAP dari tahun 2017 hingga 2021.


**Carta 1: Portfolio Hartanah KWAP – Hasil Pendapatan Bersih Berbanding Kos Pelaburan dari 2017 hingga 2021**



PRESTASI KWAP 2021


Pada tahun 2021, pelaburan hartanah KWAP mencatatkan pulangan lima tahun berterusan sebanyak 6.25% yang melebihi penanda aras 5.58%. Carta 2 menunjukkan pulangan lima tahun (2017-2021) yang berterusan portfolio hartanah KWAP dengan prestasi penanda aras.

**Carta 2: Portfolio Hartanah KWAP – Jumlah Pulangan 5 Tahun Berterusan**




Pendedahan geografi dan jenis aset portfolio hartanah setakat akhir tahun 2021 digambarkan dalam Carta 3 dan Carta 4, berdasarkan kos pelaburan ekuiti KWAP. Purata penghunian dalam hartanah KWAP adalah 89.2% pada 31 Disember 2021.

**Carta 3: Pendedahan Geografi pada 31 Disember 2021 (RM Juta)**



**Carta 4: Pendedahan Jenis Aset pada 31 Disember 2021 (RM Juta)**



## KELAS ASET

Pada April 2021, KWAP mengembangkan portfolio logistiknya dengan memperoleh aset logistik di UK iaitu, Amazon Coalville di Bardon, pada harga keseluruhan GBP158.9 juta atau RM905.7 juta. Pada November 2021, KWAP melepaskan hartanah logistiknya di Australia iaitu 1 Griffin Crescent, Brisbane dengan harga keseluruhan AUD160.0 juta atau RM512.0 juta.

Pada Disember 2021, penyahlaburan pejabat di 179 Turbot Street, Brisbane, Australia, telah dilaksanakan pada AUD150.9 juta dengan Perjanjian Jualan yang ditandatangani. Pelupusan tersebut dijangka menepati unjuran untuk dimuktamadkan menjelang Februari 2022, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Semakan Pelaburan Asing (FIRB).

KWAP menjalankan pembiayaan pejabat di 100 Cheapside, UK, yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada November 2021. Kami juga telah menyelesaikan pembiayaan semula sebanyak 60% kepentingan pegangan portfolio pejabat di 747 Collins Street, Melbourne. Pada April 2021, kami telah menyelesaikan pembiayaan semula untuk pejabat di 179 Turbot Street, Brisbane, Australia, di bawah pinjaman pemegang saham.

Penstrukturan semula pajakan melalui inisiatif penanguhan sewa telah dijalankan ke atas hartanah terjejas seperti The Chimes, Kompleks Komersial Mydin, Menara Integra dan Menara Cap Square.

### Pensijilan Alam Sekitar dan Penarafan Hartanah KWAP

Hartanah	Pensijilan Alam Sekitar	Penarafan
<b>Malaysia</b>		
Integra Tower, Kuala Lumpur	<i>Leadership in Energy &amp; Environmental Design (LEED) US</i>	Platinum Shell & Core
Cap Square Tower, Kuala Lumpur	<i>Green Building Index (GBI) Malaysia</i>	Diperakui
<b>Australia</b>		
747 Collins Street, Melbourne	<i>National Australian Built Environment Rating System (NABERS)</i>	NABERS Tenaga: 6.0 NABERS Air: 5.0
179 Turbot Street, Brisbane	<i>National Australian Built Environment Rating System (NABERS)</i>	NABERS Tenaga: 5.5 NABERS Air: 4.0
<b>United Kingdom</b>		
100 Cheapside, London	<i>Building Research Establishment Environmental Assessment Method (BREEAM) UK</i>	Cemerlang
	<i>Leadership in Energy &amp; Environmental Design (LEED) US</i>	Platinum
	<i>Energy Performance Certificate UK (EPC)</i>	B30
<b>Jerman</b>		
Zalando Distribution Centre, Erfurt	<i>German Sustainable Building Council (DGNB)</i>	Emas

KWAP menyasarkan untuk meneruskan usaha dalam memenuhi prinsip ESG untuk pelaburan hartanahnya.

## KELAS ASET

### PELABURAN HARTANAH

#### PRESTASI KWAP 2021

Hartanah dan harta tanah KWAP pada tahun 2021:

Bil.	Hartanah	Jenis Hartanah	Tarikh Perolehan	Jenis Pegangan
<b>HARTANAH DOMESTIK</b>				
1.	Integra Tower, Kuala Lumpur	Pejabat	31 Mac 2015	Pegangan bebas
2.	Capsquare Tower, Kuala Lumpur	Pejabat	15 Disember 2016	Pegangan bebas
3.	Mydin Commercial Centre, Skudai, Johor	Runcit	22 Januari 2019	Pegangan pajak (tamat pada 4 September 2911)
4.	Lot 20010, Jalan Stonor	Tanah	3 Disember 2015	Pegangan pajak
5.	Lot 392, Jalan Changkat Kia Peng	Tanah	30 Oktober 2015	Pegangan bebas
6.	STP2A, Penang	Tanah	30 Mac 2017	Pegangan bebas
<b>HARTANAH ANTARABANGSA</b>				
7.	747 Collins Street, Melbourne, Australia	Pejabat	30 September 2013 dan 8 Februari 2018	Pegangan bebas
8.	179 Turbot Street, Brisbane, Australia	Pejabat	31 Oktober 2013	Pegangan bebas
9.	133 Lenore Drive, Erskine Park, Sydney, Australia	Logistik	30 November 2014	Pegangan bebas
10.	38 - 46 Bernara Road, Prestons, Sydney, Australia	Logistik	30 Julai 2015	Pegangan bebas
11.	133a, Lenore Drive, Erskine Park, Sydney, Australia	Logistik	23 Disember 2015 dan 14 April 2017	Pegangan bebas
12.	Amazon Coalville, Bardon, UK	Logistik	30 April 2021	Pegangan bebas
13.	10 Gresham Street, London, UK	Pejabat	24 Oktober 2012	Pegangan pajak (tamat pada 24 Jun 2164)
14.	100 Cheapside, UK	Pejabat	20 Disember 2019	Pegangan pajak
15.	The Chimes, Uxbridge, London, UK	Runcit	20 Jun 2014	Pegangan bebas
16.	800 Bristol Road, Birmingham, UK	Penginapan Pelajar	8 Ogos 2018	Pegangan bebas
17.	The Mill House, Edinburgh, UK	Penginapan Pelajar	8 Ogos 2018	Pegangan bebas Scotland
18.	Symons House, Leeds, UK	Penginapan Pelajar	30 Jun 2020	Pegangan bebas
19.	Crown House, Sheffield, UK	Penginapan Pelajar	30 Jun 2020	Pegangan bebas
20.	82, Albion Gate, Albion Street, London, UK	Pangsapuri	27 Februari 2015	Pegangan pajak
21.	9 Sherwood Court, Seymour Place, London, UK	Pangsapuri	27 Februari 2015	Pegangan pajak
22.	Zalando Distribution Warehouse, Erfurt, Germany	Logistik	5 May 2017	Pegangan bebas

# SUBSIDIARI

## KWEST SDN BHD

### PRESTASI 2021

KWEST Sdn Bhd (KWEST) ialah anak syarikat milik penuh KWAP yang ditubuhkan pada tahun 2017 dan merupakan platform pelaburan KWAP bagi pembangunan hartanah. Pada masa kini, KWEST mempunyai dua projek utama yang sedang berjalan

iaitu Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2A) di Pulau Pinang dan Compass IP di Selangor. Kedua-dua projek ini mempunyai gabungan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM23 bilion, dengan jumlah pelaburan komited melebihi RM771 juta setakat ini.

### SOROTAN UTAMA



#### Seri Tanjung Pinang Fasa 2

*(Pembangunan Kegunaan Bercampur Bersepadu di Pulau Pinang)*

- Pra-pelancaran perkhidmatan produk sulung pangsapuri 'The Meg'
- Permulaan pembinaan The Meg dengan sasaran untuk siap dan diserahkan menjelang tahun 2025
- Berjaya mendapat kelulusan untuk penukaran tanah daripada pegangan pajak kepada pegangan bebas



#### Compass@KSL

*(Taman Perindustrian Bersepadu di Selangor)*

- Penjualan sebidang tanah pembangunan seluas 50 ekar berjaya dimuktamadkan
- Menghasilkan pendapatan dividen pertama KWEST berjumlah RM1.8 juta daripada langganan projek *Redeemable Convertible Preference Shares Islamic* (RCPSi)

Sebagai sebahagian daripada Rangka Tindakan Lima Tahun KWEST (2022-2026), KWEST akan mempergiatkan usahanya untuk mengembangkan portfolio projek dengan sasaran GDV sebanyak RM6 bilion yang meliputi 10 projek baharu. Untuk mempelbagaikan portfolio projek KWEST, KWEST menyasarkan untuk mengembangkan pelaburannya ke dalam kedua-dua pasaran tempatan dan antarabangsa utama yang kukuh, seperti Melbourne, Australia dan London, UK di mana KWAP telahpun mempunyai pendedahan sedia ada.

Di samping penumpuan pada sektor kediaman dan penggunaan campuran bersepadu dalam pasaran ini yang merupakan sebahagian daripada sasaran teras, KWEST juga akan meneroka pelaburan strategik seperti dana pembangunan dan pembangunan komersial atas dasar oportunistik untuk mengembangkan keseluruhan portfolio hartanah KWAP.

## SUBSIDIARI

### KWEST SDN BHD

#### Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2A)

##### Prestasi 2021

Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2A) adalah Pembangunan Campuran Bersepadu 252 ekar di Pulau Pinang dengan tempoh pembangunan selama 20 tahun. STP2A merupakan usaha sama antara Eastern & Oriental Berhad (E&O) dan KWEST, dengan E&O memegang 80% dan KWEST memegang 20%. KWEST dan E&O, bersama-sama dikenali sebagai Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB), yang merupakan pemaju induk untuk pembangunan utama ini, di mana KWEST memiliki 33.18 ekar tanah pegangan bebas.

Pada tahun 2021, PMSB telah bersiap sedia untuk pelancaran produk sulungnya di STP2A yang dikenali sebagai The Meg, yang mempunyai 1,020 unit pangsapuri perkhidmatan disasarkan kepada pembeli rumah pertama. Pelancaran awal The Meg adalah pada tahun 2021, dengan pelancaran rasminya dijangka akan dilakukan pada tahun 2022 nanti.

Dalam persiapan untuk pelancaran The Meg, pembinaan galeri jualan STP2A untuk orang ramai mengenali projek ini dan berpeluang untuk mendapat pengalaman berada di unit pamerannya yang telah disediakan bagi pelancaran rasmi projek ini.

Pembinaan The Meg bermula pada suku kedua tahun 2021, dengan sasaran siap dan penyerahan menjelang tahun 2025.

### PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

##### Prestasi 2021

Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti), ditubuhkan pada tahun 2012, adalah anak syarikat milik penuh KWAP di UK dan bertindak sebagai rakan kongsi pelaburan KWAP di rantau Eropah. Sejak penubuhannya sehingga tahun 2020, ia diberi mandat untuk mengurus portfolio ekuiti Eropah.

Portfolio ekuiti pertama Prima Ekuiti ialah mandat portfolio ekuiti UK pada tahun 2012, yang telah menyumbang pulangan sebanyak 32.0% sejak penubuhannya, melebihi pulangan Indeks FTSE100 sebanyak 21.4% dalam tempoh yang sama. Portfolio mandat kedua

#### Compass@KSL

##### Prestasi 2021

Pada September 2020, KWEST menerokai segmen logistik yang semakin berkembang melalui pelaburannya dalam Compass@KSL, yang merupakan Taman Perindustrian Bersepadu seluas 220 ekar yang pertama di Kota Seri Langat, Selangor. Kompas merupakan usaha sama antara KWEST, MIDF Property Berhad dan AREA Industrial Development Holdings (AREA).

Pada tahun 2021, penjualan tanah pembangunan seluas 50 ekar di Compass telah berjaya dimuktamadkan, menghasilkan pendapatan dividen KWEST yang pertama berjumlah RM1.8 juta daripada langganan projek *Redeemable Convertible Preference Shares Islamic* (RCPSi).


Sebagai persediaan untuk pelancaran produk Bina-Untuk-Jual Compass iaitu teres / semi-d / industri berkembar pada suku kedua tahun 2022, Galeri Jualan Bandaraya juga sedang dijalankan dan akan dirasmikan pada tahun 2022 sebagai galeri yang memberikan pengalaman untuk pelanggan B2B.

merupakan mandat portfolio ekuiti Euro, yang menyumbang pulangan sebanyak 48.6% sejak ia dimandatkan pada tahun 2014, dengan berjaya mencapai melebihi pulangan indeks MSCI Euro sebanyak 17.9% dalam tempoh yang sama. Portfolio Pulangan Mutlak yang ditubuhkan pada Jun 2018 dengan modal permulaan sebanyak EUR75.0 juta merupakan satu langkah ke arah pelaburan yang lebih tertumpu pada tematik jangka panjang pelaburan seperti yang dicerminkan dalam tempoh pelaburan tiga tahunnya.

Pada penghujung tahun 2020, portfolio ekuiti UK dan Euro telah membawa pulangan melebihi GBP140.1 juta sejak penubuhannya.

## SUBSIDIARI

## PRIMA EKUITI (UK) LIMITED



Pada tahun 2021, Prima Ekuiti meluaskan skop pelaburan dan aktiviti pengurusan aset ke dalam kelas aset lain. Di bawah model yang dipertingkatkan ini, Prima Ekuiti menjalankan aktiviti tambahan untuk ekuiti persendirian dan pelaburan hartanah sebagai lanjutan perniagaan KWAP dan menyokong tiga kelas aset dalam usaha KWAP untuk mencapai sasaran SAA antarabangnya.

Memandangkan pejabat Prima Ekuiti beroperasi di UK, pasukan itu berupaya menjalin hubungan profesional dan berhubung dengan pihak atasan pengurus dana global kuartil dan aset terbaik dalam bidang ekuiti persendirian dan pelaburan hartanah untuk tujuan pelaburan dan penyelidikan. Di samping itu, memandangkan

pelbagai aset sedia ada dan pengurus dana KWAP terletak di UK dan Eropah, Prima Ekuiti dapat meneruskan dan mengurus aset tempatan dengan cekap disebabkan perbezaan masa dan jarak yang dekat. Sehingga tahun 2021, Prima Ekuiti telah mengagihkan GBP1,100,000 dividen sejak program pembayaran dividen diperkenalkan pada tahun 2015. Pada tahun 2021, Prima Ekuiti menjadi tuan rumah untuk bengkel secara maya yang memberi peluang kepada kakitangan untuk menyumbang kepada hala tuju masa depan pejabat KWAP di London dan menyediakan Rangka Tindakan Korporat Prima Ekuiti yang baharu. Sebagai persediaan untuk fasa seterusnya, Prima Ekuiti meluangkan sepanjang tahun lalu untuk mengukuhkan platform operasinya seperti berikut:

**Prestasi 2021**

Prima Ekuiti juga telah mengembangkan keupayaannya melangkaui ekuiti tersenarai ke dalam sektor penyelidikan, hartanah, ekuiti persendirian dan pusat urus niaga yang akan menetapkan asas yang lebih kukuh untuk Prima Ekuiti pada tahun 2022 dan seterusnya.

# 06

## KAMI BERTEKAD UNTUK MEMBINA KEWANGAN YANG KUKUH DEMI MENCAPAI MATLAMAT KAMI

Giat berusaha dan berkorban demi meningkatkan ketahanan kewangan organisasi dan prestasi mampan Dana untuk mengembangkan dan melindungi masa depan para pesara kami.

### PENYATA KEWANGAN

- 119 Pensijilan Ketua Audit Negara
- 123 Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 124 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan 2021 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 125 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
- 127 Penyata-penyata Kedudukan Kewangan
- 129 Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 131 Penyata-penyata Aliran Tunai
- 133 Nota-nota kepada Penyata Kewangan



# PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 156.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

## PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

## PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA


PUTRAJAYA  
4 OKTOBER 2022



# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Kami, **Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin** dan **Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin**  
Jawatan : Pengerusi Lembaga  
Tarikh : 03 Oktober 2022  
Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,




Nama : **Dato' Azmi bin Abdullah**  
Jawatan : Ahli Lembaga  
Tarikh : 03 Oktober 2022  
Tempat : Kuala Lumpur

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN 2021 KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Saya, **Nik Amlizan binti Mohamed**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan sukahati mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
 diakui oleh penama di atas )  
 di **KUALA LUMPUR** )  
 di **WILAYAH PERSEKUTUAN** )  
 pada **- 3 OCT 2022** )



Di hadapan saya,



# PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000	31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000
<b>Pendapatan Pelaburan Kasar</b>	4	6,772,296	7,099,583	6,330,818	6,805,751
Pendapatan Dividen		2,789,509	2,228,896	2,789,509	2,228,896
Keuntungan Bersih Daripada Jualan Pelaburan		764,099	1,791,507	496,342	1,791,507
Pendapatan Faedah		2,416,514	2,542,273	2,432,047	2,578,622
Pendapatan Sewaan		473,135	393,425	-	3,300
Pendapatan Pelaburan Lain		329,039	143,482	612,920	203,426
Pendapatan Bukan Pelaburan Lain	4	236,318	1,104,695	231,991	1,100,024
Perbelanjaan Operasi	5	(790,962)	(559,535)	(329,593)	(277,131)
Kos Urus Niaga		(27,328)	(61,300)	(27,328)	(61,300)
Keuntungan Tidak Nyata Bersih Daripada Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi		4,052,840	1,598,067	4,007,291	1,597,024
Peruntukan / (Pembalikan) Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Kewangan		(88,064)	3,098	(79,699)	8,450
Peruntukan Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan		(199,975)	(303,422)	(141,799)	(307,191)
Keuntungan Sebelum Cukai		9,955,125	8,881,186	9,991,681	8,865,627
Kos Pembiayaan		(60,869)	(63,050)	-	-
Keuntungan Daripada Syarikat Bersekutu		78,962	45,836	-	-
Kerugian Daripada Kepentingan Usaha Sama		2,490	(8,274)	-	-
Cukai	6	(6,952)	(5,059)	-	-
<b>Keuntungan Selepas Cukai</b>		9,968,756	8,850,639	9,991,681	8,865,627
<b>Agihan Kepada:</b>					
Pencarum KWAP		9,968,756	8,850,639	9,991,681	8,865,627
		9,968,756	8,850,639	9,991,681	8,865,627

## PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF (sambungan)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000	31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000
<b>Kerugian Komprehensif Lain</b>					
<b>Item Yang Tidak Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:</b>					
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain					
- Kerugian Penilaian Semula		(725,459)	(1,086,412)	(725,459)	(1,086,412)
- Kerugian Dari Jualan Tidak Dipindahkan Ke Perolehan Tertahan		(285,389)	(196,929)	(285,389)	(196,929)
<b>Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:</b>					
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing Bahagian (Kerugian)/Keuntungan Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama		121,457	73,259	-	-
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain					
- (Kerugian)/Keuntungan Penilaian Semula		(1,767,274)	821,858	(1,767,274)	821,858
- Peruntukan Rugi Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain		63,496	(8,447)	63,496	(8,447)
Kerugian Komprehensif Lain Bagi Tahun Semasa		(2,588,694)	(396,671)	(2,714,626)	(469,930)
<b>Jumlah Pendapatan Komprehensif</b>		<b>7,380,062</b>	<b>8,453,968</b>	<b>7,277,055</b>	<b>8,395,697</b>
<b>Agihan Kepada:</b>					
Pencarum KWAP		7,380,062	8,453,968	7,277,055	8,395,697
<b>Jumlah Pendapatan Komprehensif</b>		<b>7,380,062</b>	<b>8,453,968</b>	<b>7,277,055</b>	<b>8,395,697</b>

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.



# PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000	31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Hartanah Dan Peralatan	7	20,658	59,560	17,193	55,367
Perisian Komputer	8	31,101	4,848	31,065	4,791
Pelaburan Hartanah	9	7,162,540	7,230,995	226,493	227,954
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah	9	731,018	660,850	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	10	-	-	6,445,638	5,739,455
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	11	1,007,442	978,277	786,820	872,469
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	12	841	1,303	-	-
Pinjaman Dan Belum Terima	13	1,005,068	2,689,132	1,319,024	3,012,310
Belum Terima Jangka Panjang	13	23,984	83,577	-	-
Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan	14	15,792,014	15,199,224	15,792,014	15,199,224
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	604,916	629,976	576,387	602,476
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	54,972,077	47,440,728	54,972,077	47,440,728
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	16	36,011,956	33,881,656	36,011,956	33,881,656
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	17	28,356,757	29,079,669	28,356,757	29,079,669
Aset Kewangan Derivatif	18	13,312	-	-	-
		<b>145,733,684</b>	<b>137,939,795</b>	<b>144,535,424</b>	<b>136,116,099</b>
<b>Aset Semasa</b>					
Pinjaman Dan Belum Terima	13	1,970,209	2,895,333	1,970,209	2,895,333
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL")	15	364,373	389,780	573,040	608,614
Aset Kewangan Derivatif	18	135,295	492,001	127,479	492,001
Aset Sedia Dijual	9	453,559	-	-	-
Penghutang Runcit Dan Deposit	19	132,620	117,649	166,869	118,187
Penghutang Perniagaan	20	2,725,153	2,464,129	2,676,535	2,416,547
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	21	7,534,385	10,786,424	7,534,385	10,786,424
Baki Tunai Dan Bank	21	2,337,832	2,656,995	1,617,120	2,140,049
		<b>15,653,426</b>	<b>19,802,311</b>	<b>14,665,637</b>	<b>19,457,155</b>

## PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000	31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2020 RM'000
<b>Liabiliti Semasa</b>					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	7,879	99,962	-	72,129
Pemiutang Perniagaan	22	63,839	1,546,179	31,744	1,551,455
Pemiutang Dan Akruan Lain	23	305,203	176,151	133,133	126,663
Pendapatan Tertunda		46,721	48,038	-	-
Pinjaman	24	580,822	369,432	-	-
Liabiliti Pajakan	25	2,554	5,344	-	-
		<b>1,007,018</b>	<b>2,245,106</b>	<b>164,877</b>	<b>1,750,247</b>
<b>Aset Semasa Bersih</b>					
		<b>14,646,408</b>	<b>17,557,205</b>	<b>14,500,760</b>	<b>17,706,908</b>
		<b>160,380,092</b>	<b>155,497,000</b>	<b>159,036,184</b>	<b>153,823,007</b>
<b>Dibiayai Oleh:</b>					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	26	27,501,944	27,001,944	27,501,944	27,001,944
Caruman Pencen	27	59,742,777	57,307,209	59,742,777	57,307,209
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	28	(14,500,000)	(9,500,000)	(14,500,000)	(9,500,000)
Perolehan Tertahan	29	92,346,539	82,377,783	92,484,159	82,492,478
Rizab Lain	30	(42,540)	(46,642)	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	30	(266)	(121,723)	-	-
Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	30	(6,197,125)	(3,482,499)	(6,197,125)	(3,482,499)
		<b>158,851,329</b>	<b>153,536,072</b>	<b>159,031,755</b>	<b>153,819,132</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	889	22,631	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	31	38	49	-	-
Manfaat Pekerja	32	4,429	3,875	4,429	3,875
Liabiliti Pajakan	25	117,274	111,516	-	-
Deposit Jangka Panjang		9,951	12,017	-	-
Pinjaman	24	1,396,182	1,810,840	-	-
		<b>160,380,092</b>	<b>155,497,000</b>	<b>159,036,184</b>	<b>153,823,007</b>

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Kumpulan	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 26) RM'000	Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan (Nota 27) RM'000	Rizab Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 28) RM'000	← Tidak Boleh Diagih →		Boleh Diagih		Jumlah RM'000
				Rizab Rizab-rizab Lain (Nota 30) RM'000	Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprensif Lain (Nota 30) RM'000	Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 29) RM'000		
<b>Pada 1 Januari 2020</b>	26,501,944	54,860,277	(4,500,000)	(46,642)	(194,982)	(3,012,569)	73,527,144	147,135,172
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	8,850,639	8,850,639
Keuntungan/(Kerugian)								
Pendapatan Komprensif Lain	-	-	-	-	73,259	(469,930)	-	(396,671)
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(5,000,000)	-	-	-	-	(5,000,000)
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,446,932	-	-	-	-	-	2,446,932
<b>Pada 31 Disember 2020</b>	27,001,944	57,307,209	(9,500,000)	(46,642)	(121,723)	(3,482,499)	82,377,783	153,536,072
<b>Pada 1 Januari 2021</b>	27,001,944	57,307,209	(9,500,000)	(46,642)	(121,723)	(3,482,499)	82,377,783	153,536,072
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	9,968,756	9,968,756
Keuntungan/(Kerugian)								
Pendapatan Komprensif Lain	-	-	-	4,102	121,457	(2,714,626)	-	(2,589,067)
